

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"TIDAK diragukan lagi, para pelajar atau penuntut adalah golongan yang berpotensi untuk masa depan. Mereka adalah 'calak zaman' untuk melakar sejarah bangsa dan negara".

- Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat Dan Penduduk Serta Penuntut Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di Kaherah, Republik Arab Mesir pada 4 Zulhijah 1440H / 5 Ogos 2019M.



Pelita  
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"IA menyuruh yang baik dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan Ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk".

- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-A'raf, ayat 157.

Waktu Sembahyang

IMSAK  
5.07

SUBUH  
5.17

SYURUK  
6.36

DUHA  
6.59

ZUHUR  
12.35

ASAR  
3.56

MAGHRIB  
6.33

ISYAK  
7.44

TAHUN 66 / BILANGAN 17

8 FEBRUARI 2021 / 1442 جمادى الآخر 25

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

"YA Allah,  
hanya Engkau jua  
tempat kami  
berlindung, maka  
lindungilah kami,  
dari bahaya COVID-19,  
dari serangan dan  
jangkitannya. Jika  
wabak ini bersebab  
dari dosa-dosa manusia,  
maka Engkau  
ampunkanlah.  
Sesungguhnya, hanya  
Engkau jua Yang Maha  
Berhak untuk  
memberikan  
pengampunan.  
Aamiin Ya Rabbal  
Alamiin".

- Titah Perutusan Khas  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
Berkenaan Jangkitan Wabak  
COVID-19 pada Isnin,  
19 Syaaban 1441 Hijrah /  
13 April 2020 Masihi di  
Istana Nurul Iman.

## COVID-19 : 2 kes sembuh

Siaran Akbar dan Infografik :  
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) alhamdulillah mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, sebanyak 181 kes.

Dalam Siaran Akbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 277 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Menurut Kementerian Kesihatan, tiga kes aktif dicatat masih mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes import setakat ini sebanyak 40 kes dan kes yang sembuh adalah seramai 175 orang.

Ke muka 5

## Promosi kecekapan diri melalui kemahiran

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap pada Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak INITIATE Human Capital 2021.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Februari. - Pandemik global COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem sejahtera pada ketika masyarakat dunia berdepan dengan ketidakpastian dan integrasi Revolusi Industri Ke-4 dalam kehidupan

seharian.

Ia juga menjelaskan trend pertumbuhan ekonomi global yang merupakan trend pertumbuhan paling lama dalam sejarah dan ini mengakibatkan peningkatan jumlah pengangguran di kebanyakan negara serta menambah cabaran dalam pengurusan kesihatan mental terutama dalam kalangan belia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata demikian semasa Majlis Pelancaran Sidang Kemuncak INITIATE Human Capital 2021 yang berlangsung di Auditorium, Bangunan Design & Technology, Anggerek Desa, di sini.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew selaku Pengurus Manpower Planning and Employment Council (MPEC) seterusnya berkata, Revolusi Industri Ke-4 dan penggunaan teknologi hanya akan memperluas pengaruhnya dan masyarakat menyaksikan bagaimana ia membentuk semula cara kita hidup dan bekerja.

Wabak COVID-19, jelas Yang Berhormat, menjadi pemangkin kepada banyak perubahan teknologi, tidak kurangnya yang berhubung dengan trend bekerja dari jauh.

Ke muka 3

## Pasar Kitani beri inspirasi kepada pengusaha, peladang

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 7 Februari. - Program Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani memberi peluang kepada para pengusaha atau peladang tempatan untuk menjual hasil ladang mereka yang segar dan berkualiti secara langsung kepada pengguna, di samping memberikan peluang kepada mereka untuk mempromosi hasil ladang seperti sayur-sayuran, buah-buahan tempatan, hasil ternakan dan produk agrimakanan kepada pengguna.

Program ini merupakan salah satu usaha dan kaedah untuk menyediakan alternatif

kemudahan tempat bermiaga jualan langsung pada setiap hujung minggu, malah meningkatkan keluaran hasil dengan membantu peladang dan pengusaha.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong turut hadir hari ini bagi memberikan sokongan kepada pengusaha-pengusaha yang menyertai program tersebut.

Ke muka 3



BRUNEI DARUSSALAM

2021



## Berita Utama



MANGSA kejadian  
kebakaran terima  
sumbangan

Muka 4



SUKARELAWAN Belia  
proaktif menyumbangkan  
bakti

Muka 28

## STATISTIK TERKINI COVID-19


NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 7 FEBRUARI 2021, 12.00 tengah hari

181

3

175



# Perkongsian, kerjasama, kerja berpasukan penting dalam Program Curahan Ilmu

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kurnia dan izin-Nya juga dapatlah kita bersama-sama meluangkan masa dan hadir pada majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Sijil Program Curahan Ilmu 2020 Anjuran Bersama Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan, Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Panchor Mengkubau, Teachmeguru, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT). Kepada Kak Tim, wanita yang tidak pernah lelah untuk membuat yang terbaik bagi masyarakat, Ak. Abdul Azim, seorang belia pengusaha yang banyak mengorbankan masa dan tenaga serta rakan-rakan yang amat perambu / saya hormati, terima kasih atas penghormatan yang diberikan untuk perambu / saya hadir selaku tetamu kehormat pada hari ini. Ianya mempunyai makna yang sangat besar bagi perambu / saya kerana inisiatif ini memang dekat di hati sejak ianya dimulakan hampir tiga tahun yang lalu dan akan terus dekat di hati perambu / saya sehingga bila-bila.

Dalam kesempatan ini juga, setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah turut dirakamkan kepada Kak Tim, Ak. Abdul Azim, pihak sekolah, syarikat Teachmeguru, Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan Majlis Perundingan Kampung RPNS Panchor Mengkubau, Ahli-ahli KKBT, para pengajar dan para sukarelawan yang telah menjayakan Program Curahan Ilmu dengan penuh cemerlang serta penuh berimpak pada tahun 2020 walaupun dari awal sehingga akhir, sumbangsan dan komitmen tinggi yang tidak pernah kendur-kendur dari semua pihak ternyata memberikan kesan positif yang ketara. Kejayaan yang diraikan hari ini membuktikan lagi bahawa setiap pelajar disini, tanpa mengira latar belakang, memang mampu untuk mencapai yang terbaik jika diberikan bimbingan yang betul, sokongan dan dokongan, mahupun peluang yang inklusif sehingga berjaya meningkatkan prestasi dan motivasi masing-masing ke tahap yang amat membanggakan, sama seperti pelajar-pelajar yang lain.

Tahniah atas semangat untuk memperbaiki diri sendiri serta azam yang kuat untuk meraih kejayaan. Walaupun sesetengah daripada para pelajar berdepan dengan cabaran kehidupan, ianya tidak menjadi penghalang malah telah dijadikan sebagai benih untuk menanai azam untuk menjadi diri yang terbaik.

Keputusan yang diraih adalah satu kebanggaan besar untuk anak-anak yang menyertai program ini. Saya terharu dan berbesar hati, kesemua 44 pelajar telah berjaya meraih keputusan lulus. Tahniah



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Sijil Program Curahan Ilmu 2020 pada Ahad, 10 Jamadilakhir 1442 Hijrah bersamaan 24 Januari 2021 Masihi di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia.**

kepada para pelajar. Apa yang lebih bangga, lebih-lebih lagi, dari jumlah tersebut dua orang pelajar telah memperolehi grad 5A iaitu Yang Mulia Awang Wafeeq Shahbudeen dan Yang Mulia Md. Haziq Irfan bin Md. Harun, lapan orang pelajar telah memperolehi gred 4A dan 1B dan 38 orang pelajar ataupun 86 peratus telah memperolehi sekurang-kurangnya grad 1A ke atas. Tahniah kepada *abiskita* semua.

Pencapaian ini juga merupakan peningkatan daripada tahun 2019 dan menunjukkan impak yang terus diberikan oleh Program Curahan Ilmu, bukan sahaja untuk mendidik para pelajar malah untuk memupuk rasa keceriaan dan kebahagiaan ketika meraih ilmu bersama-sama.

Daripada pencapaian ini, harapan kita hanyalah satu : untuk membakar semangat anak-anak untuk terus rajin berusaha, dan belajar dengan tekun demi meneruskan pembelajaran ke tahap yang lebih tinggi kerana tiada hasil yang boleh dicapai tanpa kerja keras. Dengan ini, insyaAllah, perambu / saya amat yakin satu hari anak-anak akan meraih kejayaan yang lebih tinggi dan akhirnya, mencapai apa jua yang diimpikan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

InsyaAllah kepada anak-anak, semasa berjumpa banyak yang akan menjadi askar, polis dan pilot. Semoga tercapai pada masa yang akan datang.

Perambu / saya tidak lupa mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas dedikasi tinggi untuk terus membimbing para pelajar yang memerlukan. Hasil Program Curahan Ilmu 2020 menjadi bukti bahwa usaha-usaha *abiskita* adalah tidak sia-sia.

Masa dan tenaga yang telah dicurahkan

oleh para guru dan para sukarelawan tanpa lelah, bukan saja memotivasi dan memberikan suntikan semangat kepada para pelajar, bahkan memberikan harapan dan membuka peluang yang tiada bandingnya kepada golongan yang tertentu. Sifat pemeliharaan orang Brunei *abiskita* inilah yang perlu ditanai dengan sempurna agar menjadi teras identiti bagi generasi kini dan yang akan datang. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan pedoman dan petunjuk kepada para pendidik.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Program Curahan Ilmu telah menunjukkan perkongsian sumber tenaga pengajar dan sokongan daripada semua peringkat masyarakat amatlah mustahak dalam menjayakan objektif yang dihasratkan. Ianya adalah cerminan bahawa usaha membantu golongan yang memerlukan adalah tanggungjawab bersama dan program ini jelas menunjukkan kebolehan setiap pihak untuk memberikan impak yang signifikan dari peringkat akar umbi. Untuk memberikan yang terbaik, apa yang paling penting adalah perkongsian, kerjasama dan kerja berpasukan. Alhamdulillah, ini adalah usaha bukan sahaja dari pihak kerajaan, malahan juga piyah swasta dan bukan kerajaan.

Oleh itu, kita menaruh harapan besar kesan positif hasil daripada kerjasama dalam mengendalikan Program Curahan Ilmu 2020 akan dapat diambil contoh oleh *strategic partners* yang lain dalam meningkatkan lagi impak program seperti ini. Sebagai contoh, sokongan kaedah *specialised teaching* dilihat akan memberikan kesan yang lebih tinggi bagi pelajar yang memerlukan sokongan yang lanjut, di samping usaha-usaha untuk memperluaskan program ini kepada lebih ramai pelajar di seluruh negara.

Oleh yang demikian, kepada Jawatankuasa Program Curahan Ilmu, teruskan dan pertingkatkan lagi usaha seperti ini. Kita amat berbesar hati *abiskita* ingin menyumbang balik dan memupuk hubungan mesra dengan masyarakat, khususnya para belia. Apa yang paling penting adalah impak dan kesan yang disumbangkan : impak hendaklah berterusan dan bermakna untuk jangka masa yang panjang. Seperti yang dinyatakan tadi, apa yang paling mustahak adalah perkongsian dan kerjasama.

Tidak kurang penting, kepada ibu bapa, berikanlah sokongan padu secara berterusan kepada anak-anak *biskita* ke arah kejayaan di masa akan datang. Inilah bantuan tidak ketara yang lebih mendalam dan mengatasi apa jua bentuk bantuan yang lain demi mengorak masa depan yang cerah bagi anak-anak kita. Kepada anak-anak, janganlah lupa ibu bapa dan penjaga. Doakanlah untuk mereka sepetimana kita semua akan sentiasa berdoa agar anak-anak akan sentiasa dikurniakan *taufiq* dan *hidayah*, perlindungan dan kejayaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Ke muka 12

## Dari Sidang Pengarang.

8 FEBRUARI 2021 BERSAMAAN 1442 جمادى الآخر 25

### INDAH HIDUP SALING MENGHORMATI

**FIRMAN** Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11 tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi ( kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah sesorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang yang zalim".

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan manusia dalam pelbagai rupa dan bentuk bertujuan mengenali antara satu sama lain. Antara sesama manusia itu sememangnya saling memerlukan dan saling melengkap. Kita tidak boleh menghina orang lain walau apa jua alasannya. Islam amat menitikberatkan soal adab-adab dalam bermualahamah sesama manusia sama ada Islam atau bukan Islam. Antara sebab Allah Subhanahu Wata'ala mengutuskan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah untuk menyempurnakan atau mengajarkan akhlak mulia kepada sekalain manusia seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

" Sesungguhnya aku tidak diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak ". (Hadis riwayat Al-Imam Ahmad)

Selain itu, terdapat juga sebuah hadis yang dirawatkan daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

" Sesiape yang tidak mengasih, maka dia tidak akan dikasih ". (Hadis riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, kita dapat bahawa mengasih dan menghormati orang lain merupakan tuntutan dalam Islam dan wajib dilaksanakan oleh setiap orang yang beriman.

Dalam kepesatan dunia hari ini, media sosial menjadi medium utama untuk semua orang mendapatkan maklumat, menyebarkan maklumat, dan mengekspresi perasaan masing-masing. Walau bagaimanapun, dalam kebebasan kita menggunakan media sosial untuk mengekspresi perasaan kita, janganlah kita melanggar batas dan sempadan yang telah ditetapkan dalam Islam. Realiti pada hari ini, nilai adab dan moral masyarakat semakin mengikis hilang kerana kebiasaan manusia itu mengendalikan media sosial. Apabila terlampau marah, maka terkeluarlah segala caci-maki dan sumpah serah kepada orang yang dimarahinya. Kebebasan yang melampau hanya akan menyentak manusia ke lembah kehinaan dan penyesalan. Masyarakat seakarnya sudah hilang perasaan hormat antara satu sama lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada menyebut tentang kelebihan orang-orang yang dapat menahan kemarahan mereka dalam sebuah hadis yang dirawatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari maksudnya :

Dari Abi Hurairah Radiallahu Anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : " Bukanlah orang yang kuat itu dinilai dengan kekuatan dalam pergelutan, sesungguhnya orang yang kuat ialah orang yang dapat menguasai dirinya ketika marah ".

Islam memiliki batas sempadan dalam setiap tindakan yang mesti dipatuhi oleh setiap umatnya. Justeru, hormatilah sesama manusia walau kita berbeza agama, bangsa, kelebihan, pandangan dan apa jua perbezaan lain. Jangan disebabkan perbezaan-perbezaan ini kita mudah untuk menghina orang lain dan hilang perasaan hormat. Inilah keindahan Islam. Tunjukkan kemuliaan Islam kerana sebagai umat Islam, kita semua bertindak sebagai duta yang bertanggungjawab memelihara kesucian Islam dan menyebarkannya. Jika kita menghormati orang lain, nescaya orang lain juga akan menghormati kita. Bersama-sama kita saling menghormati agar kehidupan ini lebih harmoni dan sejahtera. - Ketua Penyuntingan (Hi)

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
<b>BANDAR SERI BEGAWAN</b>		
30 °C	30 °C	30 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
30 °C	29 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
29 °C	30 °C	30 °C
25 °C	24 °C	25 °C
KUALA BELAIT		
29 °C	30 °C	30 °C
24 °C	24 °C	25 °C

WAKTU SEMBAHYANG											
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."											
Masihi	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
8	ISNIN	25	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44	
9	SELASA	26	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44	
10	RABU	27	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44	
11	KHAMIS	28	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33	7.44	
12	JUMAAT	29	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44	
13	SABTU	1 REJAB	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33	7.44	
14	AHAD	2	5.07	5.17	6.36	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44	

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

# Pasar Kitani beri inspirasi kepada pengusaha, peladang



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berbual mesra bersama pengusaha di Gerai Hujung Minggu Pasar Kitani.**

## Dari muka 1

Semasa tinjauan Pelita Brunei ke Pasar Kitani yang terletak di Kawasan Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, program tersebut kini mendapat sambutan baik daripada para peladang dan pengusaha, termasuk orang ramai yang

datang berkunjung.

Dalam temu bual bersama Dayang Hajah Nuriah binti Haji Saif dari Kampung Tanah Jambu mengatakan, perusahaan beliau tertumpu kepada sayur-sayur dan tanaman pokok strawberi sejak dua tahun lepas dengan menggunakan modal yang sedikit.

Menurutnya, jualan setiap Ahad adalah amat baik sekali dan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Rohani Haji Abdul Hamid

hasil jualan menguntungkan juga menggalakkan untuk orang-orang *kitani*, terutama penduduk tempatan yang ingin berdikari dan menceburi dalam bidang pertanian.

Pada masa ini, tambahnya, jualan belum lagi mampu untuk dibesarkan kerana memerlukan model yang banyak, terutama untuk penanaman pokok strawberi kerana ia memerlukan kos besar menjaganya.

Mengenai sambutan orang ramai tentang Pasar Kitani yang dibuka sejak tahun lalu pula katanya, ia mendapat sambutan yang amat baik.

**DAYANG Hajah Nuriah binti Haji Saif dari Kampung Tanah Jambu semasa menerima kunjungan pelanggan.**

Dari sana katanya, dapat dilihat bahawa orang ramai sudah mula menggunakan pasar itu sebagai tumpuan untuk mereka membeli di hujung minggu dan penjualan beliau juga agak meningkat dari seminggu ke seminggu.



"Sambutan orang ramai sangat menggalakkan dan ini memberikan kami inspirasi untuk terus memajukan jualan ini," ujarnya lagi.

Dalam masa yang sama, para pengguna juga berpeluang untuk mengenal dan berinteraksi bersama para peladang mengenai dengan hasil, syarikat dan berkongsi maklumat mengenai dengan bercucuk tanam.

# Promosi kecekapan diri melalui kemahiran



**FORUM Sidang Kemuncak INITIATE Human Capital 2021 berlangsung di Auditorium, Bangunan Design & Technology, menampilkan para ahli panel terdiri daripada pihak kerajaan dan swasta.**

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

## Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, kemajuan teknologi juga berpotensi untuk meningkatkan daya saing dalam pasaran kerja kerana penerimaan bekerja dari jarak jauh atau hampir, pada dasarnya menghilangkan halangan geografi.

Para belia tempatan, ujar Yang Berhormat, mungkin akan bersaing dalam masa terdekat untuk mendapatkan lebih banyak pekerjaan di rantau ini dan Pengamal Sumber Manusia serta institusi pengembangan kemahiran memainkan peranan penting dalam memastikan mereka menunjukkan kemampuan menyesuaikan diri dan kesediaan yang kuat untuk masa hadapan.

Trend ekonomi global ini, tambah Yang Berhormat, datang dengan pelbagai ketidakpastian,

di mana risiko kelembapan global dan kesan buruknya terhadap akaun persaraan boleh merugikan.

Dalam menghadapi peningkatan jumlah belia yang memasuki tenaga kerja, kata Yang Berhormat, pengurusan dan koordinasi generasi baharu dan generasi sebelumnya dalam tenaga kerja sangat penting bagi kelestarian ekonomi.

Menurut Yang Berhormat lagi, kadar perubahan ekonomi dan perubahan dalam industri boleh dipercepatkan ketika masyarakat menembusi kawasan pengembangan global yang belum diterokai, yang menyebabkan peningkatan kepada kemungkinan ketidaksesuaian kemahiran ketika melihat permintaan dan tawaran di pasaran kerja.

Oleh itu, tegas Yang Berhormat, kemampuan Pengamal Sumber Manusia untuk menilai kesediaan

calon untuk pekerjaan dengan mengukur kriteria secara objektif seperti kecerdasan emosi, kemampuan kerja berpasukan, kemahiran pengurusan masa dan kemahiran sosial, adalah penting.

Sidang Kemuncak INITIATE Human Capital 2021 diteruskan dengan Forum Plenary yang dipengerusikan oleh Anthony Sigar dari Syarikat Gromida Sdn. Bhd.

Para ahli panel terdiri daripada Dayang Marzalenie binti Haji Omar dari MPEC, Dayang Hajah Zainab M.A. Omar dari Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd., Pengiran Dr. Siti Rozaidah binti Pengiran Haji Idris dari Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBD); Awang Haji Muhammad Saufi bin Haji Jamahat dari DotRoot Sudah. Bhd.; dan Lim Chui Hian dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Dianjurkan bersama Syarikat Grominda Sdn. Bhd. dan Perspective Insan Academy,



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (tengah) menyampaikan sijil kepada penaja dan fasilitator yang bersama-sama menjayakan Sidang Kemuncak INITIATE Human Capital 2021.**

INITIATE Human Capital 2021 merupakan konvensyen seharian yang menjadi platform untuk menghubungkan masyarakat dengan para Pengamal Sumber Tenaga Manusia bertujuan untuk mempromosikan kecekapan diri melalui kemahiran tertentu, di samping untuk mencari amalan terbaik Sumber Tenaga Manusia daripada pakar industri berkaitan.

Antara yang hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad selaku Ketua Pegawai Eksekutif & Jurulatih Utama Perspektif Insan Academy; wakil-wakil daripada rakan strategik, tempat dan rakan media INITIATE dari MPEC, DARE dan Biz Brunei.



**ANTARA yang menghadiri Sidang Kemuncak INITIATE Human Capital 2021.**

# Mangsa kejadian kebakaran terima sumbangan

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada mangsa kejadian kebakaran rumah yang terjadi pada 30 Januari 2021 di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri, Daerah Brunei dan Muara menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini, di Bilik Kunjungan, Bangunan KKBS.

Hadir bagi menyampaikan bantuan tersebut, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful

Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin kepada Awang Haji Ismail bin Abdul Kadir, ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di STKRJ Kampung Lambak Kiri.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut.

Kejadian kebakaran yang berlaku sekitar jam 1.30 petang pada 30 Januari 2021 yang lalu telah meranapkan induk rumah tingkat atas dan menyebabkan kerosakan di rumah Tingkat Bawah akibat terkena air. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat memberikan bantuan segera ke rumah berkenaan pada hari kejadian dan tiada kecederaan dilaporkan.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah untuk membantu



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tiga, kanan) ketika menyampaikan sumbangan kepada ketua keluarga, Awang Haji Ismail bin Abdul Kadir yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lambak Kiri.**

meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana bagi meneruskan

kehidupan seharian.

Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemelulian

pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

# Capai objektif pendidikan dalam talian

Siaran Akbar dan Foto :  
Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Sidang Kemuncak International Education & Skill (TIESS) diadakan pada Rabu, 27 Januari hingga Sabtu, 30 Januari 2021 lalu.

Persidangan tahunan itu dianjurkan oleh The Education World Forum, London, yang merupakan perhimpunan terbesar Menteri-menteri Pendidikan dan Kemahiran di dunia serta India Didactics Association, yang

merupakan Persatuan Kebangsaan Bukan Kerajaan dan pencipta Sidang Kemuncak Asia dalam Bidang Pendidikan dan Kemahiran.

Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) pada persidangan tersebut ialah Ketua Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC), Kementerian Pendidikan, NBD, Awang Adna Shatriremie bin Haji Abdul Rahman, selaku salah seorang pembentang.

Sidang Kemuncak yang

**AWANG Adna Shatriremie juga membincangkan mengenai cabaran dalam membina platform kesedaran dan kreativiti dalam melibatkan pelajar untuk berinteraksi dalam talian sambil memenuhi objektif akademik mereka.**

**Beliau juga menyatakan bahawa menetapkan penanda aras melalui metodologi menarik adalah penting tetapi ia adalah tanggungjawab para pendidik untuk membentuk apa yang akan dicapai oleh pelajar dari segi kerangka, perbincangan, objektif dan sebagainya yang dijalankan dalam talian. Ini adalah menarik kerana apabila suara pelajar 'dibentuk secara dalaman', kreativiti dan inovasi akan dapat dihasilkan secara semula jadi.**

berlangsung secara virtual selama empat hari itu membawa tema 'Nurturing Sustainability, Education and Learning - 2022 and beyond : Listen, contribute, collaborate and learn... Together'.

Awang Adna Shatriremie dijemput untuk menyampaikan pembentangan pada hari kedua Sidang Kemuncak itu bersama pembentang-pembentang lain antaranya Pengarah Program, Forum Dunia Pendidikan, Gavin Dykes dan pada Sidang Kemuncak Asia dalam Bidang Pendidikan dan Kemahiran (AS); mantan Pengarah, Agensi Pendidikan Nasional Finland (Finland), Dr. Gun Oker-Blom; Pengarah Eksekutif, Quaglia Institute for School Voice and Aspirations (Australia), Dr. Russell J. Quaglia dan Ketua Pengarah, Jabatan Sains dan Teknologi (Pakistan), Dr. Khalid Khan.

Tajuk bagi sesi tersebut adalah 'Should voice and agency be considered central to well good practice and well-run education organisations and systems?'.

Dalam sesi tersebut, Awang Adna Shatriremie mengongsikan penglibatan beliau semasa menjadi pensyarah dan mentor dalam keusahawanan di Universiti Brunei Darussalam (UBD)



**27 | 28 | 29 | 30  
JANUARY 2021**

## World's Largest Virtual Conference for Education & Skills Sector

**30,000+  
Delegates**

**50+  
Countries**

**150+  
Speakers**

Join the conversation with

**Mr. Adna Rahman**  
Head of Entrepreneurship Innovation Centre  
Ministry of Education  
Government of Brunei Darussalam



**Register Now**

[www.tiess.online](http://www.tiess.online)

#TIESSGoesVirtual

**KETUA Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD), Awang Adna Shatriremie bin Haji Abdul Rahman selaku salah seorang pembentang mewakili NBD pada Sidang Kemuncak International Education & Skill (TIESS).**

sebelum mengetuai Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC) di Kementerian Pendidikan.

Pada ketika itu, beliau juga sempat bekerjasama dengan pelajar-pelajar lain dan pengusaha - pengusaha di beberapa buah negara Eropah dan AS.

Sesi tersebut juga mengongsikan bagaimana pelajar saling berinteraksi antara satu sama lain dalam ekosistem pembelajaran semasa pandemik serta platform komunikasi dalam talian secara meluas yang memanfaatkan pendidikan dan kehidupan mereka.

Awang Adna Shatriremie juga membincangkan mengenai cabaran dalam membina platform kesedaran dan kreativiti dalam melibatkan pelajar untuk berinteraksi dalam talian sambil memenuhi objektif akademik mereka.

Beliau juga menyatakan bahawa menetapkan penanda aras melalui metodologi menarik adalah

penting tetapi ia adalah tanggungjawab para pendidik untuk membentuk apa yang akan dicapai oleh pelajar dari segi kerangka, perbincangan, objektif dan sebagainya yang dijalankan dalam talian. Ini adalah menarik kerana apabila suara pelajar 'dibentuk secara dalaman', kreativiti dan inovasi akan dapat dihasilkan secara semula jadi.

Ketua Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC), Kementerian Pendidikan mengakhiri pembentangan dengan menekankan bahawa kepercayaan dan penghormatan pelajar di NBD dan di negara-negara lain terhadap para guru juga menggambarkan keindahan budaya negara tersebut.

Ini dapat dicapai dengan mengetengahkan kepentingan mendengar apa yang disampaikan oleh para pelajar dan mesej yang mereka bawa kerana budaya mendengar akan membentuk budaya yang saling memahami.

**VIRTUAL**  
**tiess**  
THE INTERNATIONAL EDUCATION & SKILL SUMMIT

Should voice and agency be considered central to well good practice and well-run education organisations and systems?

**Partners**



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil berkenan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang mengikuti Bengkel Asas Muzik kelolaan PGS RMF Music Academy / PGS RMF Music Studio (atas). Manakala gambar kanan, antara persembahan yang dipersembahkan pada Music Recital tersebut.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Majlis Music Recital dan Penyampaian Sijil Bengkel Asas Muzik kelolaan PGS RMF Music Academy / PGS RMF Music Studio diadakan malam tadi bertempat di Restoran Pujangga Besila, Jalan Sungai Akar, di sini.

Berangkat ke majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Terdahulu, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif PGS RMF Music Academy / PGS RMF

Music Studio, DSP (B) Pengiran Shaiful Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Marali dalam sembah alu-aluannya antara lain menjelaskan mengenai latar belakang akademi muzik berkenaan.

Pada majlis bertemakan 'A Step Forward Music Recital' itu, seramai 14 peserta belia yang lulus dalam bengkel tersebut membuat persembahan Music Recital termasuk tiga peserta cilik yang mempersembahkan kebolehan mereka dalam permainan alat muzik viola.

Antara permainan alat muzik yang dipersembahkan ialah viola, piano, Bb klarinet, alto saksofon dan gitar, di samping persembahan vokal melalui nyanyian solo.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah seterusnya berkenan menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta.

Kira-kira 18 peserta belia telah menamatkan Bengkel Asas Praktikal Muzik tersebut.

Para peserta bengkel antara lain mempelajari mengenai teori asas muzik, pembacaan asas nota muzik, intonasi dan praktikal lagu-lagu.

Bagi praktikal vokal pula, para peserta antaranya diajar mengenai konsep penggunaan pernafasan yang betul, postur, intonasi, pengeluaran suara menggunakan kekuatan diafragma juga lain-lain aspek pembelajaran vokal.

Majlis diakhiri dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' bagi menyemai semangat patriotisme dalam kalangan peserta dan ibu bapa yang hadir pada majlis berkenaan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong semasa merasmikan kolam tersebut (atas). Sementara gambar kanan, aktiviti riadah memancing sempena perasmian kolam berkenaan.

Berita dan Foto :  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Ahad, 7 Februari. - Lebih 10,000 ekor ikan air tawar bakal dibekalkan kepada kedai-kedai tempatan apabila lima buah kolam dirasmikan hari ini di No.76B, Simpang 1603, Kampung Lamunin, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan kolam tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya dan Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong.

Kolam berkenaan diusahakan oleh seorang anak tempatan yang berasal dari Kampung Layong, Awang Nizam bin Haji Jaya.

Menurut Awang Nizam, kolam tersebut adalah milik nenek beliau dan setelah neneknya meninggal dunia, beliau mengusahakan

kolam tersebut.

"Menyentuh mengenai spesies ikan yang terdapat dalam kolam berkenaan ialah Ikan Tilapia, Ikan Keli dan Ikan Dalak," ujarnya lagi.

Kolam itu tambahnya, dibina untuk menternak ikan air tawar dan dibekalkan ke kedai-kedai tempatan nanti.

Beliau seterusnya menjelaskan, kolam yang diusahakan itu diberi nama Zainal Akuakultur, di mana terdapat lima buah kolam dan anggaran ikan yang terdapat dalam setiap kolam ialah dua hingga ketiga ribu ekor ikan.

Bukan itu sahaja, kolam-kolam berkenaan katanya, dibukakan kepada orang ramai hari ini untuk riadah memancing dan mereka juga boleh membawa pulang setiap ikan yang berjaya dipancing.

## Zainal Akuakultur bakal bekal ikan air tawar



## COVID-19 : 2 kes sembah

### Dari muka 1

Kementerian turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 441 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,631 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 320 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 93,721 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh	
0	181			
2	3	3	175	

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (277 hari yang lalu)	40 Kes

### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
441	12,631

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
320 sampel	93,721



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan Ceramah Khas pada Program Multaqa Da'e Bersama Mufti pada Selasa, 28 Jamadilawal 1442 Hijrah bersamaan 12 Januari 2021M.**

**K**ELANGSUNGAN dakwah di negara ini bergantung kepada sejauh mana keperluan dapat dipenuhi untuk dakwah itu berjalan. Keperluan itu tentu sahaja berupa 'alat pergerakan' iaitu modal (peruntukan) dan tenaga manusia. Jika ada modal dan cukup tenaga, maka barulah mungkin bergerak jentera.

Kita melihat, keperluan terhadap alat-alat ini boleh sahaja dipenuhi dengan peruntukan yang memang sedia ada dan keperluan tenaga manusia juga rasanya tidak ada masalah, berdasarkan ia boleh dirancang mengikut keperluan itu.

Keperluan utama dakwah ialah untuk mempunyai para da'e yang mencukupi dan berkualiti. Nisbah kepada Brunei, walaupun kecil dan mempunyai penduduk yang tidak sampai satu juta, namun pada hemat saya, ia memerlukan da'e, tidak kurang dari 20 orang, mengapa? Kerana Brunei ada mempunyai empat daerah, munasabah bagi tiap-tiap daerah itu jika diperlukan dengan sekurang-kurang lima orang da'e. Malah wajar untuk Daerah Brunei dan Muara sahaja jika dilebihkan dari lima orang itu.

Cara dakwah digerakkan, tidak mesti menunggu sempena-sempena tertentu, seperti sempena Hari-Hari Kebesaran Islam, tidak mesti. Tetapi dakwah perlu bergerak pada setiap masa: Di majlis-majlis, di rumah-rumah, di masjid-masjid, di balai-balai ibadat, di media-media cetak mahupun elektronik dan sebagainya. Kerana konsep dakwah itu adalah berterusan, tidak boleh berhenti. Bagaimana ia boleh berhenti, sedang sasarannya (manusia) sentiasa memerlukan dakwah atau pengajaran? Bukankah manusia itu sifatnya gemar kepada melakukan bencana dan kerosakan (lihat Surah Al-Baqarah, ayat 30), termasuk bencana dan kerosakan ke atas dirinya sendiri berupa dosa-dosa yang menjadi punca celaka? Semua ini memerlukan adanya dakwah, untuk merangsang manusia supaya tidak melakukan dosa dan kerosakan itu.

Dakwah bermaksud, satu usaha untuk memberikan kefahaman mengenai Islam supaya ia diterima dan dipakai sebagai cara hidup. Mengapa ia mesti dipakai? Kerana daripadanya akan ditemui segala kebijakan, yang menjanjikan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Terdapat sakinan banyak dalil menyuruh manusia itu untuk diperingatkan selalu, diberikan petunjuk, diajar, dinasihat dan dibimbing melalui dakwah, agar mereka terselamat daripada segala macam kesalahan dan kesesatan. Ini jelas diperintahkan oleh Allah sendiri kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam, firman-Nya :

فَلَمَّا هَدَى اللَّهُ أَذْعَوْنَا إِلَيْهِ عَلَى بِصْرِهِ أَنَا وَمِنْ أَتَّبِعِي  
(جواب : 108)

**Tafsirnya :** "Katakanlah (wahai Muhammad) : 'Inilah jalanku. Aku dan orang-orang yang mengikutku (telah disuruh untuk) menyeri manusia seumurnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas'."

(Surah Yusof : 108)

# Keperluan utama dakwah : Melahirkan da'e berkaliber

**Teks : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan**  
**Foto : Jabatan Penerangan**

Firman-Nya lagi :

أَعْلَمُ إِنِّي سَيِّلَ رَبِّكَ بِالْحَكْمَةِ وَالْقَوْلَةِ الْخَسْنَةِ وَجَبَّرَتْهُ بِالْيَقِينِ إِنَّ  
رَبِّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا يَعْلَمُ فَلِمَّا عَنْ سَيِّلِهِ وَمُوْ أَعْلَمُ بِالْمُهَمَّاتِ  
(فصل : 125)

**Tafsirnya :** "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan bijaksana dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau seru itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu, Dia jualah yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya dan Dia juga yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pentunjuk".

(Surah An-Nahl : 125)

Ini jelas satu perintah untuk berdakwah itu. Ia bukan hanya khusus kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam sahaja, bahkan kepada semua pihak yang mampu dan berkewajipan untuk melakukan dakwah.

Dakwah maksudnya 'menyeru' dan 'menyampaikan', dengan apa juar cara. Sama ada dengan cara lisan atau perbuatan atau tulisan. Apa sahaja usaha dan cara yang boleh membawa orang kepada Islam, itulah dakwah.

Di sini, kita hanya akan lebih fokus kepada Dakwah Bil Lisan (dakwah secara lisan atau dakwah pertuturan). Dakwah cara lisan dilihat lebih diperlukan, berdasarkan fenomena hari ini, masyarakat adalah amat-amat berhajat kepada bimbingan dan motivasi keagamaan. Lihat sahaja kepada majlis-majlis ceramah atau tazkirah yang dianjurkan oleh banyak pihak. Dari masjid, surau, rumah-rumah dan pusat-pusat pengajian, semuanya mengundang da'e atau pendakwah untuk memberikan ceramah. Lain lagi kemunculan-kemunculan mereka di kaca TV dan radio sama-sama diperlukan.

Soalan, adakah dakwah yang disampaikan ini sudah cukup berkesan kepada penerima?

Inilah satu persoalan yang sangat penting. Kita perlu mengenali atau mengetahui apa atau bagaimana pendekatan dakwah yang benar-benar berkesan, apa ia?

Saya melihat pendekatan berkesan itu antaranya :

1. Mempastikan kandungan atau isi dakwah itu adalah sesuatu yang benar-benar diperlukan oleh masyarakat.

2. Penampilan selayaknya.

3. Cara penyampaian atau persembahan benar-benar menarik.

Jika dipenuhi ketiga-tiga pendekatan ini, maka tidak ada sebab dakwah itu tidak berkesan. Sedikit sahaja mengenai pendekatan kedua, iaitu penampilan selayaknya. Yang saya maksudkan dengan penampilan selayaknya itu, ialah menepati etika dan keolahan da'e. Janganlah tampil membaca al-Qur'an atau belajar atau mengajar al-Qur'an dengan *berjogol*. Walaupun songkok atau penutup kepala itu hanya sunat, tetapi ketika membaca al-Qur'an atau ketika sembahyang tidak wajar *berjogol*, Nampak perkara itu tidak hormat kepada al-Qur'an dan sembahyang. Jadi tidak layaklah *berjogol* itu. Begitu juga dengan pakaian, tampil dikaca TV berceramah agama dengan pakai kemeja lengan pendek dan tanpa songkok. Ini juga tidak elok. Boleh menghancurkan reputasi dan kredebiliti. Bukankah begitu? Jadi yang elok itu, kita orang Brunei, pakailah cara melayu dengan bersongkok.

Mengenai pendekatan ketiga pula, iaitu penyampaian atau persembahan, ini juga utama. Jika ia dikuasai dengan baik, maka dakwah pasti berkesan. Dalam makna, janganlah diambil mudah perkara penyampaian ini. Jangan ia dibiarkan tidak menentu, tidak tersusun dan tidak ada strategi. Semuanya itu perlu diperinci.

Dari kata-kata atau bahasa yang digunakan, susunan ayat, sampai kepada gerak geri, tidak boleh sembarang.

Kata-kata kesat jangan sekali-kali digunakan. Nabi shallallahu 'alaihi wasallam dalam berdakwah atau menasihat, Baginda tidak pernah menggunakan kata-kata kesat, sekali pun ketika Baginda sedang marah. Gunakanlah perkataan-perkataan yang mudah supaya cepat difahami. Iaitu jangan meleret-leter atau tidak tersusun. Ini juga sering berlaku apabila pendakwah tidak menyediakan nota, kerana telah merasa lebih selesa atau lebih hebat dengan tidak memakai nota itu.

Tetapi sayugia di ingat, jika bercakap tanpa nota, mungkin sahaja boleh menjadikan pendakwah kurang lancar atau tergagap-gagap (ah...ah...ah...). Maka bagi saya, jika ini berlaku, lebih baiklah bernota. Kerana kurang lancar atau tergagap-gagap itu boleh mematikan minat atau memalingkan perhatian orang terhadap ceramah yang disampaikan.

## Gerak Geri

Faktor gerak geri juga tidak kurang perlunya untuk dikenal pasti. Ada orang suka menggerak-gerakkan anggota, terutama tangan. Bahkan setengahnya itu terlalu banyak menggerakkan tangan tanpa berhenti. Jika berceramah setengah atau satu jam, selama itulah dia tidak berhenti menggerakkan tangan, apakah ini wajar dilakukan?

Pada saya tidak! Kalau anak sekolah atau para pelajar yang melakukannya ketika mereka berada bahas atau syarahan, maka itu barangkali boleh! Kerana salah satu perkara yang diadili ialah 'gaya'. Mereka dikehendakki menunjukkan gaya, tentu sahaja dengan menggerakkan tangan. Tetapi itu pun tidak mesti asal bergerak tanpa meraikan 'keperluan'. Keperluan mestи dilihat, seperti bergerak untuk penekanan, atau untuk memberi gambaran bahawa perkara itu penting atau mustahak. Tetapi tidak wajar secara berterusan tanpa henti-henti, kerana tangan *kuai-kuai* tidak berhenti itu, mungkin boleh membosankan, atau paling sedikit boleh mengganggu konsenterasi mereka yang mengikuti ceramah.

## Isi Dakwah dan Pengolahan

Isi dakwah adalah asasi untuk mencetuskan 'pengaruh'. Jika isi itu baik atau bagus, maka ia mampu untuk mencetuskan pengaruh yang besar kepada sasaran (pendengar dan penonton). Jika isi sebaliknya, maka lemahlah pengaruh itu.

Tetapi isi yang baik pun, belum juga cukup, masih memerlukan 'pengolahan'. Kalau isi sahaja baik, sedang pengolahan lemah atau tidak bagus, maka dakwah masih saja boleh tawar. Tidak manis. Tidak memikat.

Isi yang baik itu adalah banyak sekali dan malah mudah didapat, tidak perlu susah-susah mencarinya. Contoh isi yang baik, seperti bercakap mengenai sembahyang, mengenai zakat, mengenai puasa, mengenai haji, mengenai sedekah, mengenai amal solih, mengenai taat kepada ibu bapa, mengenai amanah dan sebagainya. Malah bercakap mengenai arak, mengenai makan haram, mengenai zina, mengenai rasuah dan sebagainya, semua itu juga adalah isi yang baik belaka, yang boleh menarik perhatian, tetapi masih juga turut tertakluk kepada pengolahan. Jika pengolahan lemah dan tidak berjaya, maka ia adalah ibarat kita makan nasi tanpa lauk.

Tujuan pokok dakwah, ialah untuk memberi imej yang indah kepada Islam. Pendakwah, jika diambil contoh mudah, adalah seperti pelukis. Seorang 'pelukis besar' seperti Picasso, dia mampu menghasilkan Monalisa yang berharga jutaan ringgit. Mengapa ia berharga begitu mahal? Kerana nilai seninya tinggi, dianggap sebagai sangat indah dan unik. Makanya, semua mata pun teringin untuk menatapnya.

Inilah yang kita mahukan dari pendakwah, berupaya untuk mempersembahkan dakwah

yang bertenaga yang mampu menggegaran sukma dan memikat jiwa.

Bilakah ini boleh berlaku? Jawabnya: apabila pendakwah berjaya menonjolkan imej yang indah bagi Islam. Islam dilihat semata-mata indah, tidak ada yang lebih indah dari Islam itu. Kalau pendakwah berjaya menonjolkan Islam sebagai indah/cantik, itulah tandanya persembahan da'e itu menarik dan memikat.

Macam mana hendak menyerlahkan Islam indah? Macam-macam cara. Antaranya dengan menyorot kisah-kisah yang hebat-hebat dan luar biasa dari kalangan para pengaruhnya sendiri, seperti kisah-kisah para Nabi dan para sahabat, yang impaknya adalah kepada Islam sendiri sebagai agama yang benar lagi indah. Misalkan cuba kita perhatikan satu contoh ini:

Pada suatu hari, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berjalan-jalan dengan beberapa orang sahabat, dan bersama-sama dengan mereka ialah seekor kambing kibas. Apabila tiba waktu makan tengahari, mereka pun mahu makanlah. Berkatalah seorang : "أَتَأْتَ عَلَيْنَا مُنْتَهِيَةُ الْمُنْتَهِيَاتِ" (Atas sayalah kewajipan untuk menyembelih kambing ini). Berkata orang kedua : "وَأَنَا عَلَيْهِ مُنْتَهِيَةُ الْمُنْتَهِيَاتِ" (Dan kewajipan saya pula ialah melanahnya). Berkata orang ketiga : "وَإِنِّي عَلَيْهِ مُنْتَهِيَةُ الْمُنْتَهِيَاتِ" (Dan saya pula memasaknya). Masing-masing itu telah menentukan peranan masing-masing. Tinggal sahaja sekarang ialah Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam, orang keempat, bagaimana? Apa yang mahu dikata oleh Baginda?

Mari sama-sama kita perhatikan apa sabda Baginda? Baginda bersabda : "إِنَّمَا عَلَيْنَا حِلٌّ لِكُلِّ مُنْتَهِيَةٍ" (Dan ke atas sayalah mengumpulkan kayu api untuk memasak).

Ya salam, Nabi mengumpulkan kayu api untuk memasak makanan tengah hari. Di mana Nabi akan *belurih* kayu-kayu itu? Tentu saja di gunung atau di bukit. Ya! Bukan mudah untuk mendapatkan kayu di sahara. Dan ia pula akan diambil di tengah-tengah panas terik, bukan diambil di waktu petang atau malam, cuaca redup dan sejuk tetapi pada tengah hari.

Bayangkan dan bandingkanlah dengan kerja-kerja menyembelih, cuma setakat menyurung pisau dan membaca "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ". Atau melepas, hanya setakat menggislakan pisau ke kulit dan daging binatang. Atau memasak, setakat melabuh ke tambak dan menunggu masak. Bandingkan dengan beramu dan mencari dan memotong dan memkul kayu dari atas bukit di tengah-tengah panas terik matahari. Sehingga apabila menyedari hal ini, para sahabat itu pun berkata: "إِنَّمَا عَلَيْنَا حِلٌّ لِكُلِّ مُنْتَهِيَةٍ" (Wahai Rasulullah, bukanlah mahu kami Tuan melakukan ini, ada pun yang kami mahu, Tuan duduklah sahaja! Biar kami melakukannya (beramu kayu api itu)).

Mendengar ini, apa jawapan Nabi? Baginda bersabda : "إِنَّمَا عَلَيْنَا حِلٌّ لِكُلِّ مُنْتَهِيَةٍ" (Demi Allah, aku tidak akan duduk saja-saja, sedang kamu bekerja. Sesungguhnya Allah tidak menyukai hambaNya dibeza-bezakan dengan mendapat keistimewaan dari saudara-saudaranya yang lain).

Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam enggan duduk saja-saja sedangkan orang lain bekerja. Perhatikan, Nabi bukan setakat berkata "إِنَّمَا" (Aku tidak mahu duduk saja-saja), malah "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" (Baginda bersumpah dengan nama Allah)" (Demi Allah saya tidak akan duduk saja-saja).

Ah inilah Islam. Dari sikap Nabi inilah orang akan nampak Islam itu cantik, Islam itu indah dan Islam itu suci serta benar. Bukankah begitu?

Contoh lain untuk melihat Islam itu cantik. Pada suatu hari Sayyidina 'Umar bersiar-siar dengan para sahabat di dalam Kota Madinah. Tiba-tiba beliau ternampak seorang kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 atau 6 tahun. Lalu beliau meninggalkan para sahabat dan pergi mendekati kanak-kanak itu. Beliau bertanya : "Wahai anakku, apa namamu?" Kanak-kanak itu pun memberitahu namanya. Selepas itu 'Umar berkata: "Ya Allah, amin, dan kufurlah 'Umar bin Al-Khattab. Doakan dia! Doakan dia!"

Melihat ini para sahabat hairan, lalu mereka pun bertanya : "Wahai Amirul Mukminin, adakah layak bagi Tuan untuk meminta kanak-kanak mendoakan Tuan kepada Allah?".

Menjawab 'Umar : "Sesungguhnya kanak-kanak ini, dia belum lagi sampai kepada umur baligh dan qalam juga belum bergerak untuk menulis dosa dan pahalanya, lalu doanya adalah mustajab".

Ini juga Islam. Sikap dan perbuatan 'Umar ini adakah ia cantik ataupun tidak? Cantik! Dari mana sumber sikap dan perbuatan 'Umar ini datang? Siapa yang ajar 'Umar untuk bersikap dan berbuat yang demikian itu, kalau bukan Islam? Ya Islamlah guru 'Umar. Dalam makna, sikap dan perbuatan 'Umar yang cantik ini tidak akan wujud atau berlaku, kalau bukan bersumber daripada Islam, daripada ajaran Islam. Nah, kalau begitu, bukankah di sini yang cantik itu adalah Islam jua?

Para da'e selalu membawa 'maudhu' atau tema 'sabar'. Sifat sabar memang sifat yang agung yang mampu untuk membawa pemiliknya ke syurga. Sangat hebat dan amat penting sifat ini untuk dimiliki.

Jadi bagaimana cara untuk kita mengaitkannya dengan Islam? Betul, bersbar adalah ajaran Islam, tetapi bagaimana cara untuk membuktikan Islam itu menggalakkkan sabar? Mula-mula bagus kita bawakan hadits Qudsi ini :

"إِذَا تَبَيَّنَتْ عَيْنِي بِلَاءُ فِي تَقْسِيمِهِ أَوْ مَالِهِ أَوْ أَخْرِيَهِ، وَاسْتَفْعِلْتُ ذَلِكَ يَصْنُرْ حَمْبِلْ، إِسْتَحْيَيْتْ مِنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنْ أُنْصِبَ لَهُ مِيزَانًا، أَوْ أَشْرِلَةً دَيْوَانًا، وَأَخْلِلَهُ الْجَنَّةَ بَغْرِيْ جَنَابَ."

**Maksudnya** : "Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan suatu bala bencana pada dirinya atau hartanya atau ahli keluarganya dan dia menerimanya dengan sabar yang sempurna, pada hari kiamat kelak, Aku malu untuk menyediakan timbangan baginya atau Aku membentangkan buku catatan (amalannya), lalu Aku masukkan dia (terus) ke dalam Syurga tanpa hisab".

Mungkin ini, masih memerlukan tambahan lagi, bagi lebih menampakkan keramah sabar itu. Ya, memang banyak contoh, antaranya kita boleh ambil dari hadits juga, dari riwayat seperti ini: Suatu ketika, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam didatangi oleh seorang perempuan dari kalangan shalihat. Beliau berkata : "Wahai Rasulullah, saya mengalami kerasukan. Mendapat musibah berupa kerasukan. Apa kiranya jika Tuan dapat mendoakan saya kepada Allah, wahai Rasulullah".

Apa jawab Rasulullah? Baginda bersabda : "Wahai hamba Allah, jika engkau akan doakan kepada Allah, maka engkau akan sembuh, dan jika engkau mahu bersabar, bagimu adalah syurga. Engkau pilihlah mana satu yang engkau mahu?"

Menjawab spontan perempuan : "Wahai kekasih Allah, bahkan saya (memilih) sabar, bagi saya syurga. Saya (memilih) sabar, (memilih) sabar, bagi saya Syurga".

Setakat ini bercakap tentang 'sabar', rasa-rasanya cukup. Sudah boleh menyuntik jiwa untuk menjadi orang yang sabar dan bahkan sekali gus, sudah dapat memaparkan keindahan dan kebenaran Islam yang mengajarkan sifat sabar itu untuk dimiliki. Bukankah begitu?

Di musim Maulud, orang banyak bercakap tentang peranan Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam sebagai pembawa cahaya kepada alam semesta, di antaranya Baginda telah memadam tradisi mengubur hidup-hidup anak-anak perempuan. Orang-orang Arab jahiliah memang sangat benci dan menganggap anak-anak perempuan itu sial. Di sini da'e, jangan berhenti setakat itu sahaja. Tetapi perlu cari hujjah untuk menyangkal anggapan jahiliah itu. Berhujjah dengan apa? Dengan logik dan dengan hadits.

Logik : Orang jahiliah, memang ternyata tidak percaya kepada kuasa Maha Pencipta, Allah! Kalau mereka percaya tentu saja mereka akan menerima apa jua jenis kurnia, lelakikah atau perempuankah, semuanya itu disyukuri. Tetapi oleh kerana mereka itu kufur tidak bertuhan, maka mereka jadi sesat membunuh anak-anak perempuan.

Sekarang, untuk menyangkal anggapan jahilliah bahawa anak-anak perempuan itu sial, mustahak bagi kita memaparkan status anak-anak perempuan itu menurut Islam. Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam memberitahu: "Sesiapa yang dikurniakan dengan empat orang anak perempuan, mereka (anak-anak perempuan itu) akan jadi penolong baginya pada hari kiamat).

Empat orang anak perempuan akan memegang dan memimpin tangan saudara untuk memasuki syurga.

Mereka akan berhujjah di hadapan Allah: "Wahai Tuhan kami, ini adalah bapa kami, dia telah memberikan pendidikan yang baik kepada kami dan menyelamatkan kehormatan kami".

Mendengar keterangan Nabi ini, seorang sahabat mencelah: "Walaupun tiga orang sahaja - bukan empat orang - bagaimana, wahai Rasulullah?"

Menjawab Baginda : "Walaupun tiga orang". Bangun lagi sahabat lain bertanya: "Walaupun dua orang? (Bagaimana pula kalau hanya dua orang sahaja, wahai Rasulullah?). Menjawab Baginda: "Ya, walaupun dua orang".

Giliran sahabat ketiga pula bertanya: "Walaupun dua orang sahaja, wahai Rasulullah?"

Menjelaskan Baginda : "Barang siapa yang dikenakan dengan seorang anak perempuan dan dia mendidiknya dengan pendidikan yang baik (sempurna), anak itu akan jadi dinding (pelindung / penghalang) baginya dari api neraka pada hari kiamat".

Nah, mengetahui ini, siapakah yang tidak akan sayang kepada anak perempuan? Seorang bapa mempunyai empat atau lima orang anak, semuanya perempuan, bahkah walaupun cuma seorang, menandakan dia itu adalah seorang yang sangat beruntung insyaAllah di akhirat kelak, bukan orang rugi.

Dengan penjelasan seperti ini, bukankah seorang da'e itu telah benar-benar dapat mengangkat Islam sebagai agama yang cantik lagi benar?

Islam sangat mengagungkan sifat malu, sehingga Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Malu itu daripada iman atau sebahagian dari iman" - kedua-dua hadits ini adalah riwayat Bukhari dan Muslim). Sifat malu sangat disukai oleh Allah dan para Malaikat. Para da'e patut menjadikannya tema atau tajuk dakwah, sesuai dengan senario hari ini, di mana sifat malu itu sudah kurang mendapat perhatian.

Carilah hujjah yang kuat dan cantik jika memperkatakannya, supaya berkesan di jiwa masyarakat. Tonjolkan petunjuk untuk dikagumi dan diikut. Misalnya melalui riwayat ini:

Suatu hari dalam majlis Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: Masuk Sayyidina Abu Bakar as-Shiddiq Radhiallahu 'anhu, Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam tidak bangun. Baginda yang sedia duduk terus saja duduk. Kemudian masuk pula Sayyidina 'Umar bin al-Khakhtab Radhiallahu 'anhu, Baginda juga tidak bergerak - tetap duduk. Kemudian masuk lagi Sayyidina Ali Karramallah wajah, namun Baginda sama sahaja, tetap duduk. Tetapi manakala Sayyidina Othman bin 'Affan Radhiallahu 'anhu masuk, kelihatan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bangun berdiri.

Kejadian ini, disaksikan oleh para sahabat

lain. Mereka musykil, lalu bertanya kepada Rasulullah: "Wahai Rasulullah, kami semua masuk kepada Tuan, namun Tuan tidak bangun, kecuali untuk Othman sahaja (Tuan bangun).

Membalas Rasulullah dengan bersabda: "أَنْتَ مِنْ رَجُلٍ شَفِيفٍ مُّنَاهِي لِّمَالِيْكَ الْمَسْكُونِ، إِنَّ مَالِيْكَ الْمَسْكُونِ شَفِيفٌ بَنِي إِسْرَائِيلَ، إِنَّ الرَّجُلَ الْمُؤْمِنَ لَهُ لَذَّاتُ الْأَنْوَارِ، إِنَّهُ لَا يَعْلَمُ غَيْرَهُ بِإِيمَانِهِ" (Aku malu kepada lelaki yang Malaikat di langit pun malu kepadaanya? Sesungguhnya Malaikat di langit malu kepada Othman bin 'Affan, seorang lelaki yang apabila dia masuk Islam dia berjanji kepada Allah tidak akan menyentuh 'auratnya (kemaluannya dengan tangan kanannya).

Orang bertanya kepada Othman : "Mengapakah Tuan lakukan demikian itu, wahai Othman?"

Menjawab Sayyidina Othman menjelaskan : "أَنْتَ مِنْ رَجُلٍ شَفِيفٍ مُّنَاهِي لِّمَالِيْكَ الْمَسْكُونِ، إِنَّ مَالِيْكَ الْمَسْكُونِ شَفِيفٌ بَنِي إِسْرَائِيلَ، إِنَّ الرَّجُلَ الْمُؤْمِنَ لَهُ لَذَّاتُ الْأَنْوَارِ، إِنَّهُ لَا يَعْلَمُ غَيْرَهُ بِإِيمَانِهِ" (Aku malu untuk memegang alat kemaluanku dengan tangan kanan, kemudian selepas itu meletakkannya kepada Rasulullah yakni berjabat tangan dengan Baginda dengan tangan kanan itu).

Bayangkan betapa luhur dan cantiknya sikap Sayyidina Othman ini. Semua ini adalah bayangan dari Islam jua. Islamlah yang cantik itu mencantikkan sikap dan akhlak Othman.

Para pendakwah, mustahak banyak-banyak menggali ilmu. Kerana dari ilmu itulah munculnya cahaya petunjuk. Jalan akan cerah jika ada cahaya. Ilmu itu ada dua: Satu namanya 'Ilmu Kasbi' (ilmu yang boleh didapat dengan cara belajar) dan dua 'Ilmu Laduni' (ilmu yang bukan dipelajari tetapi langsung kurnia daripada Allah).

Para da'e, di samping dengan cara biasa menambah ilmu dengan belajar, juga elok melazimkan doa meminta, supaya dikurniakan Ilmu Laduni. Kerana ada masa-masanya kita ini berhadapan dengan kesukaran-kesukaran, seperti sukar untuk menjawab persoalan-persoalan yang tidak pernah dipelajari di sekolah atau di universiti, seperti contoh dalam kisah ini:

Satu hari, penguasa Mesir, al-Khadyu 'Abbas mengumpulkan tiga pemuka agama : Hakham Yahudi, Patrick Nasrani (kedua-duanya adalah ketua agama masing-masing) dan dari pihak Islam pula diwakili oleh al-Imam asy-Syeikh Muhammad 'Abduh.

Berkata al-Khadyu 'Abbas : "Saya muh supaya tiap-tiap seorang dari kamu akan memberitahu saya bahawa dialah yang akan pasti masuk Syurga".

Satu permintaan yang aneh untuk dijawab. Kerana itu Hakham Yahudi cepat-cepat berkata: "Saya harap, Patrick Nasrani lah yang akan bercakap dahulu".

Tetapi Patrick spontan membela:

"Saya pula berharap biarlah Hakham Yahudi dahulu bercakap". Kedua-dua pemuka agama ini bertolak-tolakan, menjadikan al-Khadyu 'Abbas berkata kepada asy-Syeikh Muhammad 'Abduh: "Wahai Imam, cakaplah!".

Maka kedengaranlah al-Imam Muhammad 'Abduh berkata :

"إِنَّ كَانَ الْمُهُومُ سَيِّدُ الْمُؤْمِنِينَ، فَقَدْ خَلَقَنِيَ الْمُهُومُونَ مَعَ ابْنَائِهِمْ، يَوْمَئِنْ، وَإِنَّ كَانَ النَّصَارَى سَيِّدُ الْمُؤْمِنِينَ، فَقَدْ خَلَقَنِيَ الْمُهُومُونَ مَعَ ابْنَائِهِمْ، يَوْمَئِنْ، فَوَإِنْ كَانَ ذَلِيلِيَّا، فَلَمْ يَنْخُلْنِي الْمُهُومُونَ لَا الْنَّصَارَى لِلْأَنْفَافِ".

(Jika orang Yahudi masuk Syurga, maka kami orang-orang Islam juga masuk Syurga sama, kerana kami beriman (percaya) kepada Nabi Musa. Jika orang Nasrani masuk Syurga, juga kami pun akan masuk sama, kerana kami beriman (percaya) kepada Nabi Isa. Tetapi kalau kami orang-orang Islam masuk Syurga, samasekali orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan masuk bersama-sama kami, kerana mereka itu tidak beriman (tidak percaya) kepada kekasih Nabi Muhammad).

Cuba kita camkan baik-baik, dua pemuka agama lain di sini gagal dan malah bertolak-tolakkan untuk menjawab soalan al-Khadyu 'Abbas, tetapi al-Imam Muhammad 'Abduh berjaya menjawabnya dengan lancar dan dengan fakta yang sahih, sekali gus, beliau ini juga telah menyerlahkan kecantikan dan kebenaran agama Islam sebagai agama yang datang daripada Allah.

Apakah yang kita mahu katakan tentang ungkapan Muhammad 'Abduh ini, kalau bukan ianya ilham atau ilmu laduni daripada Allah?

Contoh lain lagi mengenai ilmu laduni. Seorang Atheis bertanya kepada Imam Abu Hanifah Rahimahullah: "أَنْتَ مِنْ رَجُلٍ شَفِيفٍ مُّنَاهِي لِّمَالِيْكَ الْمَسْكُونِ، إِنَّ مَالِيْكَ الْمَسْكُونِ شَفِيفٌ بَنِي إِسْرَائِيلَ، إِنَّ الرَّجُلَ الْمُؤْمِنَ لَهُ لَذَّاتُ الْأَنْوَارِ، إِنَّهُ لَا يَعْلَمُ غَيْرَهُ بِإِيمَانِهِ" (Wahai Imam adakah Tuan melihat Tuhan Tuan?). Menjawab Abu Hanifah: "Maha suci Tuhanku, Dia tidak dapat dilihat". Bertanya terus si Atheis: "Adakah Tuan mendengar Tuhan Tuan? Adakah Tuan mencium Tuhan Tuan? Adakah Tuan menyentuh Tuhan Tuan? Adakah Tuan merasa Tuhan Tuan? Menjawab Abu Hanifah: "Maha suci Tuhanku, Dia tidak diserupai oleh sesuatu, Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".

Berkata si Atheis merumus : "أَنْتَ مِنْ رَجُلٍ شَفِيفٍ مُّنَاهِي لِّمَالِيْكَ الْمَسْكُونِ، إِنَّ مَالِيْكَ الْمَسْكُونِ شَفِيفٌ بَنِي إِسْرَائِيلَ، إِنَّهُ لَا يَعْلَمُ غَيْرَهُ بِإِيمَانِهِ" (Jika Tuan tidak melihat Tuhan Tuan, tidak mendengarnya, tidak menyentuhnya dan tidak merasanya, maka bagaimanakah Tuan dapat confirm / dapat menthabitkan, yang Tuhan Tuan itu adalah majud - ada?)

Si Atheis main logik. Dan logiknya ini kuat dan mudah difaham. Apa tindak balas Abu Hanifah? Abu Hanifah membela hujjah si Atheis dengan berkata: "أَنْتَ مِنْ رَجُلٍ شَفِيفٍ مُّنَاهِي لِّمَالِيْكَ الْمَسْكُونِ، إِنَّ مَالِيْكَ الْمَسْكُونِ شَفِيفٌ بَنِي إِسْرَائِيلَ، إِنَّهُ لَا يَعْلَمُ غَيْرَهُ بِإِيمَانِهِ" (Wahai lelaki, adakah engkau melihat akalmu?). Menjawab si Atheis: "Tidak!" Bertanya terus Abu Hanifah: "هلَكَتْ دِلِيْلُكَ وَقَدْ وَقَدْ تَلَقَّيْتَهُ؟" (Adakah engkau menyentuh, merasa dan mencium akalmu?). Menjawab si Atheis: "Tidak!".

Jadi kata Abu Hanifah: "إِذَا أَنْتَ أَعْلَمُ أَنْتَ أَنْتَ أَعْلَمُ" (Kalau begini, adakah engkau ini berakal (waras) ataupun gila?). Cepat-cepat si Atheis berkata: "أَنْتَ مِنْ رَجُلٍ شَفِيفٍ مُّنَاهِي لِّمَالِيْكَ الْمَسْكُونِ، إِنَّ مَالِيْكَ الْمَسْكُونِ شَفِيفٌ بَنِي إِسْرَائِيلَ، إِنَّهُ لَا يَعْلَمُ غَيْرَهُ بِإِيمَانِهِ" (Saya berakal, bukan gila, wahai Imam). Baik kata Abu Hanifah: "ما يَعْلَمُكَ الْمَهْمُودُ" (Manakah akalmu itu?). Menjawab Atheis: "أَنْتَ مُهْمُودٌ" (Ada).

Maka berkatalah Abu Hanifah. "كُلِّكَلَكَ لَهُ لَهُ بَعْلَ بَعْلَ بَعْلَ بَعْلَ بَعْلَ" (Beginilah halnya dengan Allah. Dia itu tetap majud (ada)). "Walaupun engkau tidak melihatnya).

Nampak kita, soalan kepada Imam Abu Hanifah ini adalah cabaran berat, sukar untuk dijawab, tetapi Abu Hanifah dengan mudah sahaja mematahkaninya. Siapa yang mengajar atau mengingatkan Abu Hanifah dengan hujjah-hujjahnya itu, kalau bukan Allah subhanahu wa Ta'alha? Ah ini jugallmu Laduni. Mohon ya Allah, supaya para da'e dipeliharaan Ilmu Laduni.

Saya akan akhiri ceramah ini dengan sama-sama kita berazam untuk mengikhlaskan diri dalam berdakwah. Ikhlas semata-mata kerana Allah, bukan kerana yang lain-lain.

Jika ikhlas itu bertapak di jiwa, maka insya Allah dakwah kita akan tajam berkesan.

Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam menyuruh sahabat Abu Dzar al-Ghfari Radhiallahu 'anhu supaya balik kepada kaumnya untuk mendakwah mereka. Kaum Ghifar adalah satu kaum yang terkenal sangat keras dan degil. Tetapi Nabi suruh juga Abu Dzar untuk mendakwahnya. Maka pergila Abu Dzar bersendirian, bukan berombongan, dengan tanpa sebarang perjanjian untuk mendapat eluan atau gaji atau upah atau hadiah atau jawatan atau pangkat dan sebagainya. Tidak! Tidak! Abu Dzar cuma bermodalkan ikhlas semata-mata, ikhlas untuk menunaikan perintah Rasulullah, semata-mata kerana Allah jua.

Hasilnya, bukan Qabilah Ghifar sahaja yang masuk Islam, bahkan diikuti juga oleh Qabilah Aslam sama-sama memeluk Islam sebagai menyahut dakwah sahabat Abu Dzar al-Ghfari Radhiallahu 'anhu. Ulama mengulas, inilah berkat ikhlas. Abu Dzar tanpa mengambil masa yang panjang berjaya membawa dua Qabilah besar ini memilih Islam. Wa

# Lagu 'Bahagia Tanpa Kekasih' juara



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menyampaikan hadiah kepada juara Anugerah Express E-Hits musim pertama yang disandang oleh penyanyi, komposer dan penulis lirik lagu 'Bahagia Tanpa Kekasih', Fakhrul Razi.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Lagu 'Bahagia Tanpa Kekasih' membawa tuah kepada Fakhrul Razi selaku penyanyi, komposer dan penulis lirik setelah berjaya menambat hati juri untuk dinobatkan sebagai juara pada malam kemuncak Anugerah Express E-Hits yang julung kalinya dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB).

Beliau menerima hadiah wang tunai BND3,000, barang elektronik sumbangan Spacebar Enterprise, jambangan bunga sumbangan Linda dan Lydia Florist berserta trofi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti

Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Manakala lagu 'Anggun' dendangan Dayat Ahim, gubahan Ezzone dan lirik oleh Sang Hikayat berjaya mendapat naib juara dan menerima hadiah BND2,000.

Sementara lagu 'Diam' yang dinyanyikan dan digubah oleh Neff Aslee dan ditulis oleh Faz Azamain berjaya meraih tempat ketiga, menerima hadiah BND1,000.

Bagi Persembahan Terbaik dan Vokal Terbaik pula menerima BND500 dan masing-masing disandang oleh Zuden Karem dan Dayat Ahim. Kesemua pemenang menerima hadiah sampingan barang elektronik sumbangan

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

Spacebar Enterprise, jambangan bunga sumbangan Linda dan Lydia Florist berserta trofi.

Malam Anugerah Express E-Hits berlangsung di Dewan Raya, RTB di ibu negara secara tertutup dan antara lain hanya dihadiri oleh ahli keluarga terdekat para peserta dengan dihadkan keramaianya serta dikehendaki memakai sungup muka (*face mask*) di sepanjang pertandingan.

Tetamu kehormat semasa ditemu bual turut menzahirkan rasa penghargaannya kepada pihak RTB dengan pengajuran Express E-Hits sejak dilancarkan 14 minggu lalu yang baginya merupakan satu idea *out of the box* bagi membantu dalam menyokong industri kreatif yang turut menerima sokongan dari orang ramai.

Seramai lapan peserta bersaing untuk menjadi juara, naib juara dan tempat ketiga, selain memenangi kategori vokal terbaik dan persembahan terbaik.

Anugerah Express E-Hits merupakan salah satu usaha berterusan RTB untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat bakat-bakat tempatan antara lain seperti komposer, penulis lirik dan penyanyi, dan diharap akan dapat menjadi wadah bagi generasi muda berbakat menampilkan lagu-lagu ciptaan baharu yang boleh dibanggakan di dalam dan luar negara.

Ia juga diharapkan untuk menjadi penanda aras utama terhadap kemampuan individu

yang berbakat seni untuk membantu memperkasa industri kreatif di negara ini.

RTB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penaja terdiri daripada Spacebar Enterprise, Fitness Zone Brunei, Gentleman Stitch Brunei, Linda & Lydia Florist dan Dpicboxbn.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Abdul Rahim.



**YANG Berhormat Ahli MMN semasa ditemu bual.**

Bungsu dan Pemangku Pengarah RTB, Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim.

## Pelanggan bertuah sertai aktiviti membeli-belah



**SERAMAI 10 pelanggan bertuah dijemput untuk mengambil bahagian dalam aktiviti membeli-belah adrenalin sempena Sambutan Ulang Tahun Pertama Imagine.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Imagine Sdn. Bhd.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Pertama Imagine, seramai 10 pelanggan bertuah dijemput untuk mengambil bahagian dalam aktiviti membeli-belah *adrenalin* hari ini, yang berlangsung di Hua Ho, OneCity.

Dalam masa dua minit, para pelanggan berlari bersama-sama dengan troli masing-masing membeli-belah di dalam pasar raya tersebut dengan mengisikan pelbagai barang keperluan harian serta yang diinginkan, sementara ahli keluarga mereka dan warga Imagine memberi sorakan semangat dari luar.

Promosi Januari itu juga termasuk kotak hadiah ekslusif Imagine, adalah sebahagian daripada kempen Syarikat Bingo Bonanza yang akan berlangsung sehingga akhir Februari ini, di mana para pelanggan diberi peluang untuk memperoleh mata dengan menyelesaikan tindakan tertentu yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan syarikat.

Bagi bulan Februari pula, para pelanggan yang mengambil bahagian berpeluang memenangi baucar makan sempena Tahun Baharu Cina dan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Mata boleh diperoleh sama ada melalui kaunter Imagine atau melalui platform dalam talian menerusi laman sesawang syarikat di [www.imagine.com.bn](http://www.imagine.com.bn) atau melalui Broadband Imagine atau aplikasi mudah alih Imagine untuk kedua-dua IOS dan Android.

Urus niaga yang dilakukan dalam talian akan memperoleh lebih banyak manfaat apabila syarikat terus menganjurkan kemudahan dalam talian yang bertujuan untuk mensosialisasikan tingkah laku pengguna sejajar dengan inisiatif Smart Nation.

Untuk mengambil bahagian, para pelanggan Imagine hanya perlu mendapatkan mata dengan membuat pembayaran bil, pembelian *booster*, seperti data, panggilan atau teks *add-ons*, pelan kontrak semula dan melanggan mana-mana daripada jalur lebar atau perkhidmatan mudah alih pascabayar Imagine.

Cabutan utama juga dijadualkan bagi Bingo Bonanza Imagine, di mana transaksi bermula dari 1 Januari 2021 hingga 28 Februari 2021 akan secara automatik dimasukkan ke dalam cabutan untuk pelbagai hadiah menarik yang sesuai untuk memenuhi Brunei Modern.

Untuk maklumat lanjut mengenai Bingo Bonanza Imagine, para pelanggan boleh melayari [www.imagine.com.bn](http://www.imagine.com.bn), atau mengikuti akaun media sosial Imagine @\_imaginebn di Instagram atau @imaginebn di Facebook.

## COVID-19 : 5 kes aktif jalani rawatan

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
**Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00

tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 181 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan

COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 276 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 40 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, seramai lima kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, masih kekal seramai 173 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 460 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 12,601 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 209 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 93,401 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	181		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	5	3	173

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (276 hari yang lalu)	40 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri	
Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
460	12,601

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
209 sampel	93,401

# Kepentingan mengimbangi kesihatan jasmani, rohani

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
 Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Mengamalkan cara hidup yang menyumbang kepada kesihatan badan yang baik adalah penting dalam mengurangkan risiko untuk mendapat penyakit kronik.

Oleh itu, adalah penting bagi semua individu untuk mengetahui kepentingan mengamalkan cara hidup yang sihat.

Perkara tersebut adalah antara inti pati forum bertajuk 'Gaya Hidup Sihat' yang diadakan sempena Majlis Ilmu 2020 bertempat di Masjid Sultan Sharif 'Ali, Kampung Sengkurong.

Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Forum juga membincangkan mengenai kepentingan menitikberatkan gaya hidup sihat termasuk penjagaan kesihatan gigi, pengambilan pemakanan yang

sihat bagi menyokong kesihatan gigi dan juga keseluruhan badan.

Selain itu, perbincangan juga tertumpu kepada kepentingan bagi mengimbangi kesihatan jasmani dan rohani dengan meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ahli panel forum terdiri daripada Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu; Pegawai Perubatan Kanan Gred I, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Shodeena binti Haji Mohammad; Pegawai Pergigian Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Nurul Sa'idah binti Haji Ishak; dan Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong selaku moderator forum.

Forum dan pameran sempena Majlis Ilmu 2020 diunggah bersama oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan (dua, kanan) hadir pada Forum bertajuk 'Gaya Hidup Sihat' yang diadakan sempena Majlis Ilmu 2020 bertempat di Masjid Sultan Sharif 'Ali, Kampung Sengkurong (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir mendengarkan forum tersebut.**

Ehwal Ugama, UNISSA dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di bawah Jawatankuasa Kerja Acara Sampingan bagi Sambutan Majlis

Ilmu 2020.

Bagi maklumat lanjut mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2020, orang ramai

boleh mengikuti laman sesawang [www.majlisilmu.gov.bn](http://www.majlisilmu.gov.bn) dan media sosial rasmi Majlis Ilmu 2020, iaitu Instagram - @mi.brunei2020 dan Facebook - Majlis Ilmu 2020.



**AHLI panel forum, Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu; Pegawai Perubatan Kanan Gred 1, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Shodeena binti Haji Mohammad; Pegawai Pergigian Kanan, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Nurul Sa'idah binti Haji Ishak; dan Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong selaku moderator forum.**



## MWNBD adakan Khatam, Tahlil



**MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis (atas). Sementara gambar kiri, antara yang menyertai majlis berkenaan.**

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, di sini.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yusof yang juga mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah.

Sehubungan itu, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Tahlil khusus bagi Al-Marhum

persatuan-persatuan di bawah MWNBD iaitu dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Dayang Hajah Nurbayu binti Haji Salleh mewakili pihak Persatuan PERTIWI Negara Brunei Darussalam yang juga mengetuai bacaan Takhtim.

Manakala bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh Dayang Hajah Latifah binti Haji Sahari mewakili Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI) dan bacaan Dikir Marhaban diketuai

oleh Persatuan BAKANITA.

Seterusnya, majlis tersebut diteruskan dengan bacaan Tahlil dan doa yang diketuai oleh Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar mewakili Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB).

Majlis kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Dayang Mardiana binti Haji Reffin mewakili PERBEKAL.

Berita dan Foto : Ihsan Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam

**MADANG / MANGGIS,** Sabtu, 6 Februari. - Pada 31 Januari yang lalu, genaplah 100 hari kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, di mana pada hari tersebut,

seluruh rakyat dan penduduk di negara ini berkumpul di masjid-masjid dan surau-surau bagi merafakkan doa dikhususkan buat Al-Marhum DYTM.

Sehubungan itu, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Tahlil khusus bagi Al-Marhum

diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran oleh ahli-ahli dan

# Dedahkan masyarakat mengenai Tadabbur Al-Quran



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyampaikan Pengajian Tadabbur Al-Quran.

MENTIRI, Sabtu, 6 Februari. - Dakwah adalah amat penting kerana ia merupakan amalan



terbaik dalam memberikan kefahaman yang betul kepada masyarakat terutamanya masyarakat yang kurang mendapat kemudahan untuk belajar secara formal maupun non-formal.

Sehubungan itu, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dan Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath dengan Kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama memulakan program dakwah melalui Tadabbur Al-Quran dan Pengajian Kitab Turath KUPU SB secara serentak baru-baru ini, di

kempat-empat daerah. Di Masjid Hassanal Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara Mentiri, Pengajian Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, antara lain menjelaskan tentang Surah Al-Fatiyah yang bermaksud pembukaan kerana surah ini adalah pembukaan atau permulaan Al-Quran.

Tambahnya, Surah Al-Fatiyah juga dinamakan 'Ummul Quran' iaitu induk Al-Quran atau 'Ummul Kitab' iaitu induk Al-Kitab kerana ia merupakan induk dan inti sari bagi isi kandungan kitab suci Al-Quran.

Menurutnya, Surah Al-Fatiyah wajib dibaca semasa solat kerana ia merupakan salah rukun sembahyang dan ia mesti dibaca dengan betul.

Surah Al-Fatiyah jelasnya, bermula dengan *Bismillahir Rahmani Rahim* di mana memulakan sesuatu dalam hidup ini dengan menyebut nama Allah Subhanahu Wata'ala merupakan adab yang diwahyukan, iaitu selaras dengan wahyu pertama dengan menyebut nama 'Rab Yang Menciptakan'.

Antara matlamat program tersebut diadakan ialah ia diharapkan dapat menyebar luaskan dan memberi pendedahan dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam dengan Tadabbur

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Al-Quran dan pengajian Kitab Turath terutamanya sebagai rujukan kehidupan sehari-hari.

Program Dakwah akan diteruskan pada 20 Februari bertempat di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung

Kiudang, Daerah Tutong; Masjid Lorong 3, Selatan Seria; Masjid Kampung Belais dan Masjid Kampung Labu Estate, Daerah Temburong.

Maklumat lanjut mengenai program tersebut, bolehlah menghubungi Fakulti Usuluddin, KUPU SB melalui talian +673 2236277.



JEMAAH lelaki dan wanita Masjid Hassanal Bolkiah, Rancangan Perumahan Negara Mentiri semasa mendengarkan Pengajian Tadabbur Al-Quran (kiri dan atas).



## SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?



Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda



Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul**.



Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.



Imbas di sini untuk keterangan lanjut

## Bantu sara hidup keluarga



PUMP Attendant di Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu, Seria, Awang Eddy Zuhair bin Sofian ketika ditemu bual.

SERIA, Sabtu, 6 Februari. - Pengalaman kerja sebagai Pump Attendant mengajar erti susah payah betapa susahnya untuk mencari pendapatan berupa wang sendiri dan dengan usaha yang dibuat dengan sendirinya membuat kita menghargai hasil titik peluh dan baru terasa besarnya pengorbanan ibu bapa dalam membesarakan anak-anak dan menilai betapa pentingnya wang.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Awang Eddy Zuhair bin Sofian, 19 tahun, bertugas sebagai Pump Attendant di Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu, Seria.

Melalui pekerjaan tersebut sekurang-kurangnya mengubah persepsi segelintir masyarakat yang memandang rendah terhadap

pekerja di stesen minyak.

"Mula-mula saya malu, tetapi saya bekerja untuk mencari wang sambil membantu ibu menambah pendapatan untuk kelangsungan keperluan kami dan sambil saya menunggu peluang pekerjaan yang lebih baik," jelas Awang Eddy.

"Pekerjaan saya memestikan pelanggan dilayan dengan hormat dan mesra dan saya pastikan saya menjalankan tugas mengikut peraturan yang ditetapkan. Pengalaman daripada bekerja ini juga mendidik saya erti istilah 'bukan senang nak senang, bukan susah nak susah'," ujar Awang Eddy.

Awang Eddy yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong, merupakan anak kedua daripada lima beradik dan berasal dari

Kampung Rambai.

Awang Eddy berterima kasih kepada pengurus syarikat tempatnya bekerja kerana menerima bekerja dan dengan itu dia berpeluang menimba pengalaman.

Sebagai Pump Attendant, Awang Eddy dan rakan-rakannya juga didedahkan mengenai communication skills, leadership skills, time management skills, confidence level and sebagainya.

Kesimpulannya, sesuai dengan kata-kata 'berkarir, berjirih berlurih' dan peribahasa 'kalau tidak dipecahan ruyung manakan dapat sagunya', pengalaman serta kejayaan Awang Eddy tidak akan tercapai tanpa usaha serta doa ibu dan keluarganya.



STESEN Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu, Seria.

# سُرَدَّلُ الْسُّمُّودِ

## رَزْقِيْ اِيْتِ رَهْسِيَا اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى

برقبيه كفـد كـيت اـتونـون غـد ساعـة كـيت مـراسـاـكـن بـهـوا هـيدـوـف دـان رـزـقـي  
كـيت اـيت سـمـبـتـ، كـمبـالـيـه كـيت كـفـد بـعـهـا إـسـ، سـسـكـوـهـنـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ دـانـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ اـدـالـهـ سـبـاـيـكـ-ـبـاـيـكـ كـيتـ غـادـوـ.  
رـزـقـيـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ اـيـتـ سـاعـةـ لـوـاـسـ. مـيـنـتـلـهـ كـفـدـنـ. تـورـوـتـلـهـ سـكـلـ فـريـتـهـنـ دـانـ جـاوـهـيـ سـكـلـ لـارـغـنـ. إـنـ شـاءـ اللهـ، رـزـقـيـ اـيـتـ اـكـنـ دـاتـغـ كـفـدـ.  
كـيتـ.

رسـولـ اللهـ ﷺ دـامـ حـدـيـثـ بـكـنـداـ اـدـ مـخـاجـرـكـ دـعـاءـ بـعـ جـلـ  
دـبـاجـ مـكـ دـعـاءـ اـيـتـ مـنـجـاـكـوـيـ اوـرـوـسـ دـنـيـاـ دـانـ جـوـكـ رـزـقـيـ. تـلهـ مـغـحـرـكـنـ  
كـفـدـ كـاميـ اـبـوـ مـالـكـ درـفـدـ باـفـنـ بـهـواـسـ دـيـ منـدـغـرـ نـبـيـ ﷺ كـيـكـ  
بـكـنـداـ دـادـغـيـ اـولـهـ شـورـغـ لـلاـكـيـ دـانـ كـمـوـدـيـنـ لـلـاـكـيـ تـرـسـبـوـتـ بـرـاثـ، يـاـ  
رـسـولـ اللهـ، اـفـ بـعـ سـبـاـيـكـ سـايـ اوـجـقـكـنـ كـيـكـ سـايـ مـوهـونـ كـفـدـ اللهـ بـعـ  
مـاهـ مـلـيـاـ دـانـ مـاهـ اـكـرـغـ؟ـ رسولـ اللهـ ﷺ مـنـجـاـكـوـيـ مـنـجـوـهـ، كـيـكـ كـامـوـ  
مـوهـونـ كـفـدـ اللهـ، مـكـ اوـجـقـكـلـهـ دـعـاءـ بـرـايـكـوتـ:

**اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاغْفِي وَارْزُقْنِي {رواه الإمام مسلم}**

مقصودـنـ:

يـاـ اللهـ، أـمـقـوـنـلـهـ أـكـوـ، كـاسـيـهـاـنـلـهـ أـكـوـ، سـلـامـتـكـلـهـ أـكـوـ، دـانـ بـرـيـكـلـهـ  
رـزـقـيـ كـفـدـكـ.

جماعـهـ بـعـ درـحـمـيـ اللهـ،

رـزـقـيـ بـعـ كـيتـ قـرـأـلـهـيـ اـيـتـ سـبـنـرـ اـدـالـهـ مـيلـكـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ دـانـ  
مـسـكـيـفـونـ اوـرـوـسـ رـزـقـيـ اـيـتـ سـوـدـهـ دـتـشـكـنـ دـانـ دـتـشـكـنـ اوـلـهـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ  
دـانـ مـرـوـفـاـكـنـ سـسـوـاتـ بـعـ سـوـدـهـ قـسـيـ. كـيتـ مـاسـيـهـ تـتـفـ ثـرـلـوـ تـرـوـسـ بـرـأـسـهاـ  
مـنـجـارـيـ رـزـقـيـ بـوـكـنـ دـوـدـوقـ دـيـ دـانـ بـرـقـلـوـقـ تـوـبـهـ سـهـاجـ. اـفـ بـعـ فـتـنـيـ اـيـالـهـ  
سـتـيـفـ فـكـرـجـانـ اـيـتـ هـنـدـقـلـهـ دـلاـكـوـكـ دـغـنـ بـرـسـعـكـوـهـ-ـسـعـكـوـهـ، بـرـلـنـدـسـكـنـ  
حـكـوـمـ ٢ـ شـرـعـ، مـاـتـوـهـيـ فـرـأـتـورـنـ دـانـ اـوـنـدـغـ ٢ـ بـعـ تـلـهـ دـتـشـكـنـ.

اـفـ بـعـ فـتـنـيـ دـالـمـ مـنـجـارـيـ رـزـقـيـ اـيـتـ اـيـالـهـ مـبـتـلـكـنـ نـيـةـ دـانـ تـوـجـوـانـ  
يـاـيـتـ اـنـتـوـقـ مـنـجـوـكـوـيـ كـفـرـلـوـانـ دـيـرـيـ سـتـدـيـرـيـ دـانـ اـوـرـغـ ٢ـ بـعـ  
بـرـادـ دـبـاـهـ تـنـكـوـغـنـ كـيتـ، جـلـ اـدـ رـزـقـيـ بـعـ لـهـ مـكـ اـدـالـهـ لـهـ بـاـيـكـ كـيتـ  
بـرـصـدـهـ كـفـدـ كـهـوـكـنـ دـغـنـ بـرـوـلـوـكـنـ. اـخـيـرـ سـامـ سـاـمـلـهـ كـيتـ بـرـدـعـاءـ سـوـكـ اللهـ  
سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ مـوـرـهـكـنـ دـانـ مـبـرـكـيـ رـزـقـيـ كـيتـ سـوـاـ. آـمـيـنـ يـاـ رـبـ الـعـالـمـينـ.

**أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ**

**هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلِيلًا فَامْشُوا فِي مَنَائِكُهَا  
وَكُلُّوا مِنْ زِيَّقِهِ وَإِلَيْهِ الْنُّشُورُ ﴿صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ**

{سورة الملك آية: ١٥}

ديـالـهـ بـعـ مـنـجـادـيـكـنـ بـوـمـيـ اـيـتـ مـوـدـهـ بـاـكـيـ كـامـوـ (ـمـنـجـالـيـ كـهـيـدـوـفـنـ)  
مـكـ بـرـجـالـلـهـ دـمـرـاتـ-ـرـاتـ جـرـوـقـ رـتـاـوـنـ سـرـتـ مـاـكـلـهـ سـبـهـاـكـنـ رـزـقـنـ دـانـ  
كـفـدـلـهـ كـامـوـ (ـكـمبـالـيـ سـتـلـهـ) دـفـكـيـكـنـ.

بـارـكـ اللهـ لـنـاـ فـيـ الـقـرـءـانـ الـعـظـيـمـ، وـنـقـعـنـ بـالـآـيـاتـ وـالـذـكـرـ الـحـكـيـمـ. وـتـقـيـلـ مـنـاـ  
بـلـأـوـهـ إـلـهـ هـوـالـسـيـمـعـ الـعـلـيـمـ، وـأـسـتـغـفـرـ اللهـ الـعـظـيـمـ لـيـ وـلـكـمـ وـلـسـابـرـ الـمـسـلـمـيـنـ  
وـالـمـسـلـمـاتـ وـالـمـؤـمـنـيـنـ وـالـمـؤـمـنـاتـ فـاـسـتـغـفـرـوـهـ فـيـ قـوـزـ الـمـسـتـغـفـرـيـنـ وـيـنـجـاهـةـ  
الـتـائـيـنـ.

سلامـ اـيـتـ، مـقـوـيـاـيـ كـلوـارـكـ بـعـ بـهـكـيـاـ اـيـتـ جـوـكـ رـزـقـيـ، دـكـرـنـيـاـكـنـ اـنـقـ  
اـيـتـ رـزـقـيـ، مـقـوـيـاـيـ مـقـةـ اـنـتـوـقـ بـرـتـدـوـهـ اـيـتـ رـزـقـيـ، دـكـلـبـيـيـ اوـلـهـ اـوـرـغـ بـعـ  
بـاـيـكـ ٢ـ اـيـتـ جـوـكـ اـدـالـهـ سـاتـوـ رـزـقـيـ. حـقـيقـتـنـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ مـنـجـادـيـكـنـ كـيتـ  
سـمـواـ، اـوـرـغـ بـعـ كـايـ دـغـنـ بـرـسـيـدـيـرـيـ، نـامـوـنـ تـرـكـادـغـ كـيتـ سـنـدـيـرـيـ  
سـاـكـنـ-ـاـكـنـ تـيـدـقـ مـنـقـعـ دـانـ كـوـرـغـ مـيـدـرـيـنـ. اـيـنـ كـرـانـ، كـيتـ سـالـاـلـوـ مـرـاـسـاـكـنـ  
بـهـواـ رـزـقـيـ اـيـتـ هـانـ دـالـمـ بـنـتـوـقـ وـاـغـ رـغـكـيـتـ دـانـ مـتـرـيـالـ سـهـاجـ.

جماعـهـ بـعـ درـحـمـيـ اللهـ،  
ترـدـافـهـ سـكـلـيـتـيـرـ دـالـمـ كـالـغـنـ مـشـارـكـهـ كـيتـ بـعـ سـرـيـعـ مـغـلـوـهـ كـرـانـ تـيـدـقـ  
مـنـدـافـهـ رـزـقـيـ بـعـ مـنـجـوـكـوـيـ اـنـتـوـقـ مـنـقـعـ كـفـرـلـوـانـ دـالـمـ كـهـيـدـوـفـنـ سـهـارـيـنـ  
وـالـحـالـ اـيـ تـلـهـ بـرـأـسـهاـ دـغـنـ بـرـسـعـكـوـهـ-ـسـعـكـوـهـ. رـسـولـ اللهـ ﷺ دـالـمـ سـكـلـيـتـيـرـ دـالـمـ  
حـدـيـثـ ٢ـ بـكـنـداـ اـدـ مـنـجـلـسـكـنـ مـغـافـ رـزـقـيـ سـسـتـوـرـغـ اـيـتـ تـرـاـسـ كـوـرـغـ دـانـ  
سـمـقـيـتـ، اـنـتـارـاـ:

فرـقـامـ تـيـدـقـ مـنـدـكـيـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ  
سـسـكـوـهـنـ تـيـدـقـ مـنـدـكـيـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ مـرـوـفـاـكـنـ اـنـتـارـاـ فـيـبـ رـزـقـيـ  
سـسـتـوـرـغـ اـيـتـ تـرـاـسـ كـوـرـغـ دـانـ سـمـقـيـتـ. رـسـولـ اللهـ ﷺ دـالـمـ سـكـلـيـتـيـرـ دـالـمـ  
دـالـمـ حـدـيـثـ بـكـنـداـ، بـهـواـ بـارـغـسـيـافـ بـعـ مـلـوـاـغـكـنـ مـاسـ اـنـتـوـقـ مـنـدـكـيـ اللهـ  
سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ دـغـنـ بـرـعـبـادـهـ، نـسـجـاـيـ اـكـنـ دـفـوـهـيـ دـادـانـ دـغـنـ كـكـاـيـاـنـ دـانـ  
دـتوـتـوـيـ كـمـيـسـكـيـنـ.

دـرـفـدـ اـبـوـ هـرـيـرـةـ ﷺ، دـرـفـدـ نـبـيـ ﷺ، بـكـنـداـ بـرـسـبـدـاـ بـعـ  
بـرـمـقـصـدـوـ: سـسـكـوـهـنـ اللهـ تـعـالـاـيـ بـرـفـرـمـانـ "ـوـاهـيـ أـنـ آـدـ، لـوـاغـكـلـهـ مـاسـ مـوـ  
اـنـتـوـقـ بـرـعـبـادـهـ كـهـدـكـوـ، نـسـجـاـيـ اـكـنـ اـنـقـوـهـيـ دـادـمـ دـغـنـ كـكـاـيـاـنـ دـانـ اـكـنـ  
اـكـوـ تـوـتـوـيـ كـمـسـكـيـنـ مـوـلـاـيـنـكـنـ جـلـ كـامـوـ تـيـدـقـ مـلـاـكـوـكـنـ، مـكـ اـكـوـ اـكـنـ  
مـاـسـوـقـكـنـ هـاتـيـوـ دـغـنـ كـسـيـبـوـقـكـنـ دـانـ اـكـوـ تـيـدـقـ اـكـنـ مـنـوـتـوـيـ كـمـسـكـيـنـ  
مـوـ". {ـحـدـيـثـ قـدـسـيـ روـاـيـةـ إـمـامـ تـرمـذـيـ}

كـدوـ: كـوـرـغـ بـرـصـدـهـ  
صـدـقـهـ اـيـتـ مـغـوـنـدـاـغـ رـحـمـهـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ دـانـ مـنـجـادـيـ اـنـتـارـاـ سـبـبـ اللهـ  
سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ دـارـهـ دـالـمـ وـقـتـ مـقـةـ فـوـلـوـهـ هـارـيـ. لـلـوـ، دـأـوـتـوـسـ مـلـاـكـهـ  
كـفـدـ جـنـينـ تـرـسـبـوـتـ دـانـ دـيـوـفـكـنـ رـوـحـ كـفـدـ دـانـ مـلـاـكـهـ تـرـسـبـوـتـ دـفـرـيـتـهـكـنـ  
اـنـتـوـقـ مـنـوـلـيـسـ مـقـةـ فـرـكـارـاـ يـاـيـتـ رـزـقـيـ، بـاـسـ عـمـورـ، فـكـرـجـانـ دـانـ كـجـلـاـكـانـ  
اـنـوـ كـبـهـيـكـيـانـ دـهـيـدـوـفـنـ.

جماعـهـ بـعـ درـحـمـيـ اللهـ،  
أـبـلـ كـيـلـ كـاتـكـنـ مـغـيـاـيـ رـزـقـيـ دـالـمـ كـهـيـدـوـفـنـ سـهـارـيـ-ـهـارـيـ، مـكـ  
رـامـيـ دـرـيـ كـالـغـنـ كـيتـ بـعـ بـرـأـعـكـنـ بـهـواـ رـزـقـيـ اـيـتـ هـانـ دـرـيـ فـرـكـارـاـ  
فـكـرـجـانـ، هـرـتاـ كـكـاـيـاـنـ دـانـ وـاـغـ رـغـكـيـتـ سـجـاتـ-ـمـاتـ. فـرـلـوـ دـكـهـيـوـ، بـهـواـ  
لـيـمـقـهـ رـحـمـهـ دـانـ رـزـقـيـ بـعـ دـكـرـنـيـاـكـنـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ اـيـتـ سـاعـةـ لـوـاـسـ دـانـ سـيـتـيـفـ  
مـاـنـسـيـ اـيـتـ دـكـرـنـيـاـكـنـ بـتـوـقـ رـزـقـيـ بـعـ بـرـبـيـنـاـيـ اـيـتـ اـنـتـارـاـ سـاـتـوـ سـاـمـ لـاـيـنـ.

سـسـكـوـهـنـ صـبـحـهـ تـوـبـهـ بـدـانـ اـيـتـ اـدـالـهـ رـزـقـيـ، سـكـرـيـانـ كـيتـ كـوـرـغـ  
مـنـدـافـهـ رـزـقـيـ دـرـيـ سـكـيـ وـاـغـ رـغـكـيـتـ مـاـهـوـفـونـ هـرـتاـ بـنـداـ، مـكـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ  
مـغـرـنـيـاـكـنـ كـيتـ دـغـنـ رـزـقـيـ كـصـيـحـنـ. دـغـنـ رـزـقـيـ كـصـيـحـنـ اـيـتـ، كـيتـ دـافـهـ  
مـنـجـالـيـ كـهـيـدـوـفـنـ كـيتـ دـغـنـ لـهـ كـمـبـرـاـ دـانـ فـنـهـ جـرـاـيـ، جـاـوـهـ دـرـيـ كـرـيـسـاـوـانـ  
دـانـ جـوـكـ كـسـوـلـيـنـ.

جماعـهـ بـعـ درـحـمـيـ اللهـ،  
بـرـقـوـيـ لهـ كـيتـ كـحـضـرـهـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ دـغـنـ سـيـنـرـ-ـبـرـقـوـيـ يـاـيـتـ دـغـنـ  
مـنـيـعـكـنـ كـلـيـاـنـ كـفـدـ. سـسـكـوـهـنـ اـوـرـغـ بـعـ قـالـيـعـ مـلـيـاـ دـسـيـسـيـ اللهـ  
سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ اـيـتـ اـيـالـهـ اـوـرـغـ بـعـ قـالـيـعـ بـرـقـوـيـ. مـدـهـمـدـاـهـنـ كـيتـ مـنـجـادـيـ اـنـسـانـ  
بـعـ سـتـيـاـسـ مـغـاـيـرـيـ اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ، بـرـأـوـلـهـ كـجـيـاـنـ دـانـ كـسـلـامـيـنـ دـدـنـيـاـ دـانـ  
جوـكـ دـاخـيـرـةـ. اللهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـاـ بـرـفـرـمـانـ دـالـمـ سـوـرـهـ هـوـدـ آـيـهـ ٦ـ:

**أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ**

**وَمَا مِنْ ذَاتِي فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا**

**كُلُّهُ فِي كِتَاب**

# Kembalikan alam semula jadi dengan menjaga kebersihan pantai



PRESIDEN Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei (Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists - BAMLS), Dr. Haji Osmali bin Haji Osman; dan Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohd. Taib pada sesi bergambar ramai pada acara plogging pertama mereka.

## Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei

**MUARA**, Ahad, 7 Februari. - Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei (Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists - BAMLS) dan Jabatan Perkhidmatan Makmal Brunei berjaya mengumpulkan sejumlah 268.6 kilogram (kg) sampah di Pantai Muara.

BAMLS and DLS mengadakan acara Plogging pertama mereka dan menyaksikan penyertaan lebih daripada 50 ahli bersama keluarga mereka dalam usaha bersih pantai tersebut.

Acara plogging dimulakan dengan latihan pemanasan badan, diikuti dengan aktiviti pembersihan selama setengah jam.

Hadir pada majlis tersebut, Presiden BAMLS, Dr. Haji Osmali bin Haji Osman; dan Pemangku Pengarah Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Surita binti Haji Mohd. Taib.

Acara bertujuan, bukan sahaja untuk membersihkan pantai, tetapi sebagai riadah untuk menyatukan anggota persatuan, di samping memupuk semangat kerja berpasukan, empati juga

kebersihan dan aktiviti ini juga sebagai salah satu aktiviti yang dapat membantu mengurangkan tekanan para anggota daripada pekerjaan dan rutin harian mereka.

Aktiviti ini juga merupakan salah satu cara untuk mengembalikan alam semula jadi dan menjaga kebersihan pantai Brunei.



ACARA bukan sahaja untuk membersihkan pantai, tetapi sebagai riadah dan menyatukan anggota persatuan juga memupuk semangat kerja berpasukan.

## HALUAN

# Perkongsian, kerjasama, kerja berpasukan penting dalam Program Curahan Ilmu

Dari muka 2

Sekali lagi, dirakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada para pelajar, para pengajar dan khususnya pengendali Curahan Ilmu 2020 di atas kejayaan yang diperoleh. Marilah kita teruskan usaha baik ini dalam tahun 2021 dan tahun-tahun yang akan datang demi untuk merealisasikan masa depan yang terbaik di samping memenuhi harapan agar semua anak-anak kita akan meraih kejayaan yang berterusan dalam kehidupan mereka tanpa mengira latar belakang. Ke arah ini, KKBS akan terus memainkan peranan sebagai rakan strategik dengan memberikan sokongan padu dengan sepenuhnya. Ingatlah, kepada anak-anak kita lah ditaruh harapan untuk meneruskan perjuangan dalam memelihara falsafah Melayu Islam Beraja dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini pada masa yang akan datang.

Kepada Kak Tim dan Ak. Azim, pertahankanlah sifat mesra dan ceria. Teruskanlah pengorbanan, teruskanlah keprihatinan dan kepada semua pihak, teruskanlah pengorbanan, teruskanlah pemeliharaan khusus bagi anak-anak yang memerlukan.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.



## TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkat Keselamatan Semasa Musim Tengkujuh'. Tarikh Tutup : 10 Februari 2021
- 'Kesan Pengambilan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 17 Februari 2021
- 'Menangani Kes Buli'. Tarikh Tutup : 24 Februari 2021

## TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

## SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU


**LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN  
JANGKITAN DI TEMPAT KERJA  
KETIKA WABAK**
**Sebagai Majikan, Awda perlu:**
**1**
**AJAR PEKERJA MENGENAI JANGKITAN  
DAN CARA PENYEBARANNYA**

- Berikan taklimat kepada pekerja awda atau sediakan maklumat kesihatan mengenai jangkitan dan cara pengawalan
- Letakkan nasihat dan notis kesihatan di tempat-tempat bersesuaian di sekitar pejabat awda

**2**
**GALAKKAN PEKERJA AWDA UNTUK  
MENGAMALKAN KEBERSIHAN**

- Jangan meludah di atas lantai atau tanah
- Sentiasa mencuci tangan dengan bersih menggunakan sabun dan air
- Amalkan etika batuk atau bersin
- Elakkan berkongsi barang-barang peribadi seperti peralatan makanan dan minuman, dll dengan orang yang dijangkiti

**3**
**NASIHAT PEKERJA AWDA UNTUK  
TIDAK DATANG BEKERJA DAN  
BERJUMPA DENGAN DOKTOR JIKA  
MERASA KURANG SIHAT**
**4**
**LAKSANAKAN PEMERIKSAAN SUHU  
BADAN DAN PANTAU PEKERJA YANG  
MEMPUNYAI SIMPTOM**

- Pekerja yang kurang sihat perlu berjumpa doktor dengan segera

**5**
**PEKERJA YANG DIKUARANTIN  
(MENJALANI PENGASINGAN DIRI)**

- Pekerja yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas atau pernah berhubung dengan orang yang dijangkiti perlu di kuarantin (menjalani pengasingan diri) di rumah
- Jika ia mula menghidapi simptom, nasihatkan beliau untuk mendapatkan rawatan dengan segera
- Nasihatkan pekerja awda untuk tidak hadir bekerja
- Periksa status kesihatan pekerja awda melalui telefon semasa ketidaaan beliau
- Pastikan pekerja awda telah melengkapi tempoh kuarantin (pengasingan diri) dan berasa sihat sebelum membenarkan mereka kembali bekerja

**f o 123 www.moh.gov.bn**

# Penyertaan PBCTA dibukakan hingga 14 Februari

Oleh : Nooratini Haji Abas

Infografik : Ihsan Instagram Program Belia Cinta Tanah Air

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Februari. - Cinta kepada negara merupakan suatu yang dituntut dalam agama Islam.

Perkara ini, jelas digariskan dalam Dasar Belia Negara dan Strategik juga harus diambil perhatian oleh para belia.

Ke arah mencapai matlamat dan strategik tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan mengendalikan Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA).

Program ini bertujuan untuk menanamkan semangat cinta kepada tanah air yang tinggi dan mendalam dalam kalangan belia di negara ini melalui penglibatan belia dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, keagamaan, kepimpinan dan

# Kegiatan judi tumpas

Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

6 Februari 2021, sekitar jam 11.00 malam semalam.

Kegiatan perjudian tersebut dijalankan oleh keanggotaan daripada Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat juga Unit Siasatan Pecah Rumah dan Curi Kereta, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Semasa serbuan dijalankan menyaksikan 13 suspek lelaki dan empat suspek wanita, berumur sekitar 27 hingga 56 tahun tersentak dan cuba untuk mlarikan diri bila mana keanggotaan unit berkenaan meluru masuk ke dalam rumah berkenaan.

Kegiatan judi yang dijalankan di ruang tamu rumah tersebut berjaya dikawal dan kesemua suspek ditahan sepenuhnya.

Penelitian awal mendapat, permainan judi yang dilakukan adalah jenis 'Xoc Dia', iaitu judi melibatkan empat keping kertas berwarna merah dan putih, yang dimasukkan di dalam suatu bekas dan menjadi pertaruhan kaki judi.

Pihak Polis turut menemukan peralatan permainan judi, seperti mangkuk dan piring yang dijadikan tempat penyimpanan empat keping kertas berwarna bersama-sama sejumlah wang tunai.

Kesemua suspek dan barang rampasan dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah bagi menjalani siasatan lanjut dan kes disiasat, di bawah Akta Rumah Judi Terbuka Penggal 28.

PPDB menegaskan kegiatan judi merupakan racun masyarakat yang perlu dibendung dengan sewajarnya. Implikasi terhadap kegiatan ini merangsang pada pengaruh yang sangat negatif hingga boleh merosakkan institusi masa depan diri sendiri mahupun kehidupan berkeluarga.


**ANTARA barang dan wang tunai yang dirampas oleh pihak Polis (atas). Manakala gambar bawah, pihak Polis juga menemukan peralatan permainan judi, seperti mangkuk dan piring yang dijadikan tempat penyimpanan empat keping kertas berwarna bersama-sama sejumlah wang tunai.**
**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Februari. - Seramai 17 individu, warganegara asing dan penduduk tetap, ditahan pihak

Polis kerana terlibat dengan kegiatan perjudian di sebuah kediaman, kawasan Tungku, Mata-Mata, Gadong, pada



jati diri.

Ia juga terus dilaksanakan dengan harapan melahirkan lebih ramai lagi belia berjiwa patriotik, cinta kepada negara, berwawasan, dan menghargai keperibadian bangsa.

PBCTA akan dilaksanakan selama enam hari, bermula 18 hingga 23 Februari 2021 dan lokasi cadangan adalah Pusat Belia, di ibu negara.

Sehubungan itu, penyertaan dibukakan kepada 60 belia lelaki dan perempuan, berumur di antara 18 hingga 25 tahun, termasuklah para mahasiswa Institut Pengajian Tinggi, para siswa kolej-kolej kerajaan dan swasta, penuntut lepasan 'O' dan 'A' Level, belia-belia masjid, para belia institusi mukim dan kampung, juga belia-belia persendirian.

Barang penyertaan dibukakan pada 25 Januari 2021 melalui secara dalam talian: menggunakan Google Form; atau memuat turun dari Laman Sesawang JBS dan tarikh tutup penyertaan ialah pada 14 Februari 2021, jam 4.00 petang.

Adalah diharapkan program ini dapat dijadikan satu mekanisme dalam membimbing para belia untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan yang bersifat kenegaraan dan kemasyarakatan dengan harapan dapat memberikan impak patriotik juga semangat cinta kepada negara dalam kalangan belia.

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Program Belia Cinta Tanah Air**

**Tarikh Pelaksanaan**  
**18-23 Februari 2021**

**Tempat**  
**Pusat Belia, Bandar Seri Begawan**

**Terbuka bagi Belia berumur 18- 30 Tahun**


**Dibukakan kepada lepasan O Level  
A Level, Belia-Belia Masjid, Belia Majlis  
Perundingan Mukim dan Kampong, Pelajar-Pelajar IPT  
dan Belia Persendirian**

**Our Youth Our Future**

Klik pautan dibawah untuk mendaftar :  
<http://tiny.cc/PBCTA16-2021>

Untuk makluman lanjut sila hubungi :  
Amirul - 7184719

# Perkongsian informasi keselamatan



Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Februari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengadakan Sesi Permuzakarahan atau Socialization bersama pihak Media Massa, baru-baru ini, dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Teknikal ADFR, Awang Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi.

Pihak media, terdiri daripada

Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penerangan, Media Permata, Borneo Bulletin, See Hua Daily, United Daily News dan Sin Chew Daily.

Tujuan permuzakarahan ini diadakan adalah untuk memberikan penghargaan dan tanda berterima kasih kepada pihak media massa yang selama ini tidak putus-putus menyokong juga

memberikan kerjasama di antara kedua belah pihak dalam menyalurkan informasi, maklumat ke arah meningkatkan dan kesedaran awam mengenai dengan keselamatan kebakaran juga keselamatan umumnya dan liputan bagi acara-acara jabatan.

Objektif mengadakan permuzakarahan ini, untuk suai kenal di antara pegawai-pegawai dan anggota, di samping mengerakkan lagi hubungan silaturahim juga rangkaian sosial dalam sama-sama meningkatkan keberkesanan dalam memberikan informasi keselamatan secara menyeluruh kepada masyarakat, di negara ini melalui rakan-rakan media dan bagi mengurangkan kadar statistik panggilan kecemasan yang diterima oleh jabatan ini.

Di samping itu juga, bagi mengatasi kekurangan yang ada dan untuk memantapkan lagi kaedah penyaluran informasi yang lebih berkesan.

Hadir semasa permuzakarahan adalah penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai kanan, ketua bahagian, anggota dan pegawai perhubungan awam cawangan operasi juga kakitangan jabatan ini.

Permuzakarahan dimulakan dengan lawatan ke Balai Bomba Berakas yang diketuai Penolong Pengarah Teknikal ADFR dan penerangan, disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Operasi 'C', Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop, antara lain menerangkan akan kesiapsiagaan dan persiapan peralatan perkakas juga keanggotaan menghadapi musim kemarau.

Pihak media turut berkesempatan melihat inovasi perkakas (*prototype*) yang digunakan oleh anggota bomba semasa beroperasi mengatasi masalah kerosakan dan kecurian pili-pili bomba yang mana boleh menjelaskan operasi memadamkan kebakaran dan sebagainya.

Pihak media diberikan peluang untuk mencuba, memahami, melihat dengan lebih dekat akan tugas, cabaran yang dihadapi oleh anggota bomba semasa memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa.

Mengikut kajian yang dibuat oleh pihak jabatan ini mendapati panggilan yang melibatkan kebakaran adalah semakin meningkat, yang mana statistik dan risiko kebakaran / kemalangan boleh dikurangkan / dihindari dan boleh ditangani oleh masyarakat dengan memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran



ANTARA aktiviti bagi media pada sesi muzakarahan tersebut (atas). Sementara gambar atas kiri, bawah kiri dan bawah, statistik dan pecahan panggilan kebakaran yang diterima.

BIL	KATEGORI	ULASAN (disebabkan oleh)	CONTOH	PIHAK BERKEPENTINGAN
1	ELECTRICAL	E1	Kecualian individu	Terlebih beban pada Extension cable, lebih had mencas talipon bimbit, overheated
		E2	Kerosakan	Main Switch Board, Distributor Switch board, Incoming Cable, Overload, Fuse Cutout
		E3	Kerosakan pada komponen	Relay connection penghawa dingin, mesin pencuci pakalan, peti sejuk, lampu Led, Balast lampu kalimantan
		E4	Alam semula jadi	Disambat petir, kilat, hujan, bahang matahari
2	INCENDIARY INCIDENT	C1	Meragukan / Arson	Tidak diketahui
		C2	Disengajakan	Melibatkan individu yang dipercaya terlibat dengan dadah lalu membakar sesuatu dengan sengaja
3	HUMAN ERROR / NEGLIGENCE	H1	Kecualian individu	Masakan, paruman, sampah, lilin yang ditinggalkan, kanak-kanak bermain api
4	LPG	G1	Kebocoran	Hos dari tong LPG bocor
		G2	Kerosakan	Paip saluran LPG (seperti di kawasan Daerah Belait)
		G3	Letupan	LPG mengeluarkan letupan

keselamatan kebakaran secara amnya.

Dalam pada itu, jabatan juga memberikan Sijil Penghargaan Masyarakat Berjasa kepada mereka yang berjaya memadamkan kebakaran kecil, membantu mangsa kebakaran ke tempat selamat dan menyelamatkan nyawa sebelum ketibaan jentera bomba ke tempat kejadian, iaitu, Masyarakat berjasa 2019, seramai 33 orang; Masyarakat berjasa 2020, seramai 87 orang; dan Masyarakat berjasa 2021 (Januari), seramai 14 orang.

Sehubungan itu, keselamatan kebakaran tidak boleh dikompromi dan ditekankan kepada masyarakat supaya menitik berat akan aspek keselamatan kebakaran dan mengurangkan kadar statistik kejadian insiden kecemasan bagi sejarah dengan moto JBP 'Keselamatan Kebakaran adalah Tanggungjawab Semua dan Bersama Kita Mencapai Alam Persekitaran yang Lebih Baik dan Sihat'.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan segera hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat yang tepat.



PEGAWAI Pemerintah Cawangan Operasi 'D', Pengusaha Kanan, Awang Muhd. Shahreeni bin Haji Muhd. Yussof menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus.

## Persiapan tindakan awal semasa kejadian kecemasan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 7 Februari. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Cawangan Operasi 'D' mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus Asas Jungle Rescue, kelmarin, bagi kumpulan kedua, disertai oleh seramai 23 orang, bertempat di Balai Bomba Sungai Kebun, disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'D' Pengusaha Kanan, Awang Muhd. Shahreeni bin Haji Muhd. Yussof.

Objektif Kursus Asas Jungle Rescue bertujuan untuk persiapan

bagi AJK Mukim Lumapas untuk membuat tindakan awal sebelum anggota bomba hadir semasa kejadian kecemasan di kawasan riadah.

Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Taman Riadah Bukit Saeh, Lumapas, Awang Mohd. Amin bin Haji Nudin, Pemangku Penghulu Mukim Lumapas, Pemangku Ketua Kampung Lumapas 'A', Pemangku Ketua Kampung Lumapas 'B', Pegawai-pegawai dan Anggota Bomba Cawangan Operasi 'D'.

JBP menyarankan kepada orang

ramai agar membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air bagi keperluan jika berlaku kecemasan bagi para pendaki dan hendaklah mengetahui kawasan yang hendak dituju bagi mengelakkan tersesat.

Selain itu, pastikan dan ketahui akan keadaan cuaca dari semasa ke semasa juga pastikan dan ketahui akan kemampuan awda jika hendak mendaki bukit yang tinggi.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.

# Kongsi sejarah, aktiviti perekonomian kampung

**Berita dan Foto :**  
Hernie Suliana Haji Othman

**KOTA BATU,** Sabtu, 6 Februari. - Pakej Pelancongan yang mengetengahkan keindahan dan keunikan serta pengalaman berada di Kampong Ayer serta produk makanan dan proses pembuatannya merupakan

salah satu keistimewaan yang ditawarkan oleh Majlis Perundungan Kampung (MPK) Sungai Bunga untuk diperkenalkan kepada setiap MPK dari seluruh negara. Sehubungan itu, seramai 23 Ahli



**ROMBONGAN** Ahli Jawatankuasa Majlis Perundungan Kampung (MPK) Sungai Liang mengambil peluang membeli produk keluaran MPK Sungai Bunga semasa Program Berdudun, di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Menderma darah tidak semestinya diperlukan sewaktu kempen - kempen menderma darah, justeru bagi menanamkan rasa tanggungjawab diri terhadap keperluan dan kepentingan menderma darah itu boleh sahaja dilakukan dan dilaksanakan secara sukarela pada bila-bila masa dengan berkunjung ke Pusat Pendermaan Darah.

Sehubungan itu, Muara Maritime Services Sdn. Bhd. melalui aktiviti kemasyarakatannya anjuran Shipyard Services mengadakan aktiviti menderma darah yang turut dialu-alukan oleh pegawai dan kakitangan di Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Tingkat Bawah, di sini.

Juga hadir sama menyertai aktiviti tersebut, Pengarah Urusan Teknikal, Geerd Brefka dan turut mendapat sokongan daripada Pengarah Urusan Komersial, Awang Md. Noh bin Haji Madali.

Pelita Brunei dalam temu bualnya bersama Penolong Jurutera, Awang Md. Azzamuddin

## Bantu tambah tabung darah

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Azmah Haji Ahad

Hadiman Athiruddin menjelaskan, aktiviti seumpamanya merupakan julung kali diadakan yang melibatkan seramai 15 pegawai dan kakitangan di bawah Bahagian Shipyard Services, yang antara lain bertujuan untuk membantu menambahkan tabung darah bagi keperluan mereka yang memerlukannya, di samping bagi membantu pusat berkenaan memenuhi misi bagi memastikan ketersediaan bekalan darah yang selamat dan boleh dipercayai.

Muara Maritime Services Sdn. Bhd. (MMS) adalah merupakan sebuah syarikat usaha sama antara

Jawatankuasa MPK Sungai Liang hari ini mengadakan lawatan singkat, iaitu Program Berdudun ke Kampung Sungai Bunga bagi mengalami sendiri, mempelajari dan menyaksikan tunjuk cara pemprosesan beberapa jenis produk makanan daripada Ahli-ahli MPK Sungai Bunga yang berlangsung di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, Kampung Sungai Bunga, di sini.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Liang, Awang Haji Mohd. Ibrahim bin Dato Maharaja Setia Dian, terlebih dahulu menelusuri sungai menggunakan bot dan singgah ke Masjid Kampung Sungai Bunga, menziarahi Makam Sultan Muhammad Hasan dan melawat Taman Riadah Bukit Kindana, sebelum meneruskan aktiviti berdudun di Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung.

Kedatangan rombongan dialu-alukan ialah Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang antara lain mengongsikan sejarah dan



**PEMANGKU** Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh.

aktiviti-aktiviti perekonomian dan riadah yang terdapat di kampung tersebut.

Program diteruskan dengan menyaksikan secara langsung aktiviti-aktiviti perekonomian yang diungkayahkan oleh MPK Sungai Bunga seperti proses membuat Keropok Udang, Nugget Ayam dan Kuih Sapit, di samping diadakan jualan produk-produk makanan lain keluaran MPK dan penduduk kampung Sungai Bunga.

Dalam temu bual bersama Ketua Biro Perekonomian Sungai Liang, Awang Haji Mas Yose bin Abdul mengongsikan antara lain tujuan lawatan diadakan ialah untuk mempelajari dan mendedahkan cara-cara



**KETUA** Biro Perekonomian Sungai Liang, Awang Haji Mas Yose bin Abdul.

pembuatan produk makanan, di samping peluang melawat tempat-tempat menarik di kampung tersebut.

Selain itu, katanya, program tersebut banyak manfaat dan akan dapat menjalankan kerjasama di antara kedua-dua MPK Sungai Bunga dan MPK Sungai Liang.

Program juga dihasratkan untuk mengeratkan tali silaturahim dalam kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa MPK kedua-dua daerah, di samping menimba ilmu dan pengalaman MPK Sungai Bunga dalam mengerakkan kegiatan-kegiatan khususnya dalam bidang perekonomian bagi mewujudkan dan memajukan Projek Satu Kampung Satu Produk.



**ANTARA** penderma daripada Muara Maritime Services Sdn. Bhd. pada Kempen Derma Darah anjuran Shipyard Services.

Darussalam Assets Sdn. Bhd. dan Lurssen Internavals GmbH.

Justeru, aktiviti seumpama ini juga dianggap amalan yang baik yang diharap akan dapat diadakan setiap tahun kerana ia dapat memupuk tanggungjawab dalam kalangan individu terutama dalam pemikiran membantu pesakit yang memerlukan jenis darah tertentu dengan segera.

Bagi prosedur keselamatan seperti biasa sebelum menderma darah, para penderma terlebih dahulu dibuat pemeriksaan, seperti bacaan tekanan darah (*blood pressure*) dan kandungan darah (*hemoglobin*) yang mencukupi.

Selepas pendermaan darah dijalankan, para penderma dinasihatkan untuk meminum banyak air dan tidak boleh melakukan kerja berat dalam masa 24 jam.

Setiap individu yang berhasrat untuk menderma darah hendaklah mempunyai tidur dan rehat yang cukup, bebas daripada selesesa, demam panas dan penyakit-penyakit lain, selain mempunyai berat badan kurang-kurangnya 50 kilogram atau 110 paun dan berumur 18 tahun ke atas.

Selain itu, para penderma juga adalah disarankan untuk makan makanan yang berkhasiat sebelum menderma darah dan mengelakkan makan makanan yang berlemak serta elakkan daripada mengambil sebarang ubat yang mengandungi aspirin, seperti panadol atau paracetamol dalam masa dua hari sebelum pendermaan Platelet.

**Lindungi Diri dan Orang Sekeliling Awda dari Menjadi Sakit.**

## CUCI TANGAN AWDA:

- ✓ Selepas batuk atau bersin
- ✓ Apabila merawat orang yang sakit atau yang menghidapi tanda-tanda serupa dengan influenza
- ✓ Sebelum, semasa dan selepas menyediakan makanan
- ✓ Sebelum dan selepas makan
- ✓ Selepas setiap penggunaan tandas
- ✓ Apabila tangan menjadi kotor dan tidak bersih
- ✓ Selepas merawat haiwan yang sakit atau menyentuh najis haiwan

123 | www.moh.gov.bn

# Semai semangat patriotik pelajar



PENOLONG Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Hajji Idris semasa menyampaikan taklimat Kenegaraan.

TUTONG, Sabtu, 6 Februari. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Komunikasi Strategik meneruskan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

lagi Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Tanjung Maya, di sini.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara dengan hasrat untuk dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

Lebih 140 penuntut Tahun 7 menghadiri Taklimat Kenegaraan tersebut yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan,

Dayang Hajah Noorhijrah binti Hajji Idris, yang antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' yang turut disertai oleh Pengetua sekolah tersebut, Dayang Hajah Norzan binti Haji Meludin dan tenaga-tenaga pengajar.



SEBAHAGIAN daripada penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Tanjung Maya yang hadir.

## Big BWN Project ungkayahkan projek amal



BARANGAN yang disumbangkan oleh orang ramai disusun dan dikumpulkan sebelum diagih-agihkan kepada mereka yang memerlukan dalam Projek Amal anjuran Big BWN Project.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 6 Februari. - Bolkiah Donation Drive yang dikelolakan oleh Big BWN Project bersama para mahasiswa Community Outreach Programme (COP), Universiti Brunei Darussalam (UBD), pada 3 hingga 5 Februari 2021 lalu menerima respons yang menggalakkan daripada orang ramai.

Ia merupakan satu projek amal untuk memudahkan orang ramai yang ingin menyumbangkan barang terpakai atau yang belum digunakan seperti pakaian kanak-kanak dan dewasa lelaki dan perempuan, kasut, peralatan tulis, buku-buku, barang permainan dan sebagainya.

Kesemua barang terpakai ini akan diberikan kepada penduduk di Kampung Bolkiah yang memerlukan pada 7 Februari, yang akan diagih-agihkan di Kampung Bolkiah Community Development Centre.

Terdahulu, penerimaan

sumbangan barangan terpakai ini diadakan di dua buah lokasi berbeza pada tarikh berkenaan, iaitu di Kajal Beauty House,

Muhibbah Kompleks II Menglait dan Overseas General Contractors Company (OGCC), Kompleks Rimba.

Pengasas Big BWN Project, Dayang Norhafizah binti Haji Rashid semasa ditemui di Kampung Bolkiah Community Development Centre berkata, kempen tersebut merupakan kali kedua diadakan dan kali pertama diadakan pada bulan November tahun lalu. Projek ini, jelasnya, juga adalah projek yang dipimpin oleh para mahasiswa COP, UBD.

Kesemua barang sumbangan ini tambahnya dikumpulkan di pusat ini dan diagih-agihkan pada 7 Februari dari jam 11.00 pagi hingga jam 6.00 petang di mana penduduk kampung tersebut akan datang ke pusat berkenaan.

Sehingga ke hari ini, Big BWN Project melaksanakan pelbagai projek yang disokong oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta dan telah bekerja rapat dengan persatuan-persatuan tempatan dan serantau untuk menganjurkan pelbagai projek dan inisiatif-inisiatif kemasyarakatan yang memberi impak.


Bagi mengikuti sebarang maklumat dan projek terkini yang diungkayakan oleh Big Bwn Project bolehlah melayari laman media sosial Instagram : @bigbwnproject.



KESEMUA barang sumbangan daripada orang ramai dikumpul di Kampung Bolkiah Community Development Centre untuk diagih-agihkan kepada para penerima yang berkenaan.

## PABD kaji ledakan meteor didakwa bolide

Preliminary Meteor Analysis  
January 31, 2021 by the Astronomical Society of Brunei Darussalam (PABD)



SEKUMPULAN Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) masih menjalankan penyiasatan dan pemerhatian lanjut di lokasi-lokasi berdasarkan video dan gambar meteor yang dilaporkan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 7 Februari. - Berikut kejadian bebola api misteri diiringi letupan kuat yang dilaporkan jatuh ke bumi pada 31 Januari, baru-baru ini, sekumpulan Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) masih menjalankan penyiasatan dan pemerhatian lanjut di lokasi-lokasi berdasarkan video dan gambar meteor yang dilaporkan.

Selain berkerjasama dengan Sabah Stargazers, PABD juga mendapatkan maklumat mengenai koordinat di langit meteor yang dikongsikan oleh kumpulan Jimmy Sierra Brunei semasa kejadian itu berlaku.

Menurut pihak PABD, pada masa ini, terdapat dua sumber utama bukti berdasarkan dua rakaman dashcam secara kebetulan merakam kejadian meteor pada masa yang sama dari Kampung Kulapis dan dari negara jiran di Penampang, Sabah.

Maklumat tersebut menjadi bukti yang kukuh untuk menentukan ciri-ciri fizikal meteor tersebut dan lokasinya, yang kemudian didukung dengan statistik daripada saksi lain.

Semasa kejadian, kecerahan bebola api sukar dianggarkan berikutan cahaya matahari yang terang. Namun kecerahan bola api biasanya diukur dari magnitud-5 (bersamaan dengan planet Zuhrah) sehingga magnitud-10 (cahaya yang dihasilkan oleh bulan suku illuminated).

Berdasarkan rakaman video oleh Awang Abd. Wafiy bin Haji Rudzi, cahaya dari bebola api dianggarkan berada pada magnitud-13 yang bersamaan dengan cahaya yang dihasilkan oleh bulan penuh. Justeru ini menjadikan peristiwa tersebut sangat jarang berlaku dan sangat istimewa.

Kebanyakan meteor pada lazimnya bersaiz diameter 1 milimeter atau kira-kira sebutir pasir akan mempunyai keupayaan untuk menghasilkan kilauan cahaya di langit. Tetapi bebola api yang terlihat jelas semasa kejadian tersebut adalah berganda saiznya, iaitu objek bersaiz sebiji bola besbol hingga sesuatu yang besar seperti sebuah kereta kecil.

Ke muka 27

# Persatuan Kelab BGT, NMOB erat silaturahim



PERSATUAN Kelab BGT (BMW) ketika Ramah Mesra yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

**BERAKAS**, Ahad, 7 Februari. - Persatuan Kelab BGT (BMW) pagi tadi menganjurkan Ramah Mesra Persatuan Kelab BGT (BMW) dan Kelab NMOB

(Mini Cooper) yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Ramah Mesra tersebut

dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan pertukaran cendera kenangan dan sesi bergambar ramai.

Semasa temu bual bersama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Presiden Kelab BGT, Awang Haji Mohamad Safri bin Haji Sinin berkata, acara pagi ini adalah acara tahunan bagi mengeratkan silaturahim bersama Persatuan Kelab NMOB (Mini Cooper).

Sejak dua tahun penubuhannya, persatuan ini jelasnya, telah mengumpulkan seramai 70 orang.

Menurut beliau lagi, persatuan tersebut begitu aktif sekali dalam mempromosi tempat-tempat menarik, seperti melawat ke Daerah Temburong, Daerah Tutong dan Daerah Belait kerana pihak persatuan juga ada mempunyai persatuan luar negeri, seperti di Sabah dan Sarawak.

Acara tersebut juga memberi peluang kepada orang ramai untuk berkunjung menyaksikan beberapa buah kereta BMW dan Mini Cooper yang baharu dan lama.

Persatuan itu juga kini membuka pendaftaran untuk menjadi ahli persatuan BGT.



PRESIDEN Kelab BGT, Awang Haji Mohamad Safri bin Haji Sinin semasa ditemu bual Pelita Brunei.

## Galakkan sifat baik melalui Karnival Amal Cosmo



PRESIDEN SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang semasa menyaksikan para peniaga yang menyertai Karnival Amal Cosmo tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**JERUDONG**, Ahad, 7 Februari. - Karnival Amal Cosmo atau Cosmo Charity Carnival yang diadakan selama satu hari, dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan komunikasi dalam seluruh komuniti kolej dengan membawa pelajar, ibu bapa dan kakitangan bersama dalam acara yang santai.

Sehubungan itu, Karnival Amal Cosmo berlangsung hari ini, di Jerudong Park Garden.

Antara yang hadir, Ketua Pegawai Eksekutif

Cosmopolitan College of Commerce & Technology, Daniel Jeyasundrakumar; dan Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Pelbagai acara dan aktiviti disusun sepanjang karnival diadakan, termasuk jualan barang dan makanan, melibatkan lebih daripada 20 peniaga, syarikat juga pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Karnival tersebut merupakan

anjuran para Siswa Perniagaan BTec Tahap 3 Cosmopolitan College of Commerce & Technology dan merupakan sebahagian daripada keperluan tugas para Siswa bagi Unit Pengurusan Acara Perniagaan.

Separuh daripada keuntungan melalui acara itu akan disumbangkan kepada SMARTER Brunei selaku pengajur bersama karnival berkenaan.

Antara objektif karnival, untuk menggalakkan sifat-sifat yang baik (*good deeds*) dan bertindak dengan menyokong masyarakat yang kurang bernasib baik juga memerlukan perhatian, di samping menyokong pendidikan, kesedaran dan penyelidikan autisme.



KETUA Pegawai Eksekutif Cosmopolitan College of Commerce & Technology, Daniel Jeyasundrakumar menyampaikan sijil kepada salah seorang vendor.



HUBUNGI TALIAN NASIHAT KESIHATAN 148  
WWW.MOH.GOV.BN

# Jangan buang sampah di tempat awam

BIL	JABATAN	SYARIKAT	INDIVIDU	KADAR DENDA
1	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	1	25	\$2,700.00
2	Jabatan Bandaran Tutong	0	1	\$100.00
3	Jabatan Bandaran Seria dan Kuala Belait	8	13	\$3,100.00
4	Jabatan Daerah Brunei dan Muara	28	23	\$11,200.00
5	Jabatan Daerah Tutong	1	0	\$500.00
6	Jabatan Daerah Belait	0	3	\$300.00
7	Jabatan Daerah Temburong	0	0	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>38</b>	<b>65</b>	<b>\$17,900.00</b>

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Sebanyak 38 syarikat dan 65 individu dikenakan kompaun, iaitu seramai 27 (Brunei), 22 (Bangladesh), tujuh (Indonesia), dua (Malaysia), dua (India), seorang (Filipina) dan 1 (Nepal) setelah didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil, Penggal 30 Bab 12(1) kerana melonggokkan / meletakkan sampah / puntung rokok dan

sebagainya yang ditakrifkan sebagai sampah di tempat awam di kawasan seluruh negara.

Setiap anggota masyarakat perlu mempunyai kesedaran yang tinggi dalam menjaga kebersihan alam sekitar misalnya tidak sesuka hati membuang sampah ke tempat-tempat awam termasuk longkang-longkang.

Tindakan tersebut boleh sahaja menyebabkan keadaan menjadi kotor, pencemaran bau yang tidak

sihat selain boleh mengundang binatang-binatang perosak yang membawa penyakit.

Selain itu, boleh menyebabkan sistem saliran perparitan tersumbat dan akhirnya akan membawa kepada masalah-masalah lain seperti berlakunya banjir dan sebagainya.

Dalam usaha tersebut, satu Operasi Bersih Senegara (One Nation) 01/2021 dijalankan pada 1 Februari 2021 hingga 4 Februari

## Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

2021 oleh seramai 60 anggota terdiri daripada Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan / Jabatan Bandaran Tutong / Jabatan Bandaran Seria dan Kuala Belait / Jabatan Daerah Brunei dan Muara / Jabatan Daerah Tutong / Jabatan Daerah Belait / Jabatan Daerah Temburong mengeluarkan tawaran kompaun terhadap 65 individu dan 38 buah syarikat atas kesalahan di bawah Seksyen 12(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30.

Berikut adalah statistik hasil tindakan daripada Operasi Bersih

Senegara (One Nation) 01/2021 (Lihat Rajah).

Adalah diperingatkan kepada syarikat-syarikat dan orang awam agar tidak membuang sampah di tempat-tempat awam demi menjaga persekitaran selain sama-sama menjaga kemaslahatan orang ramai.

Sebarang aduan dan perkongsian maklumat yang berkaitan boleh disalurkan terus ke nombor talian e-Darussalam : 123, e-mel : [info@123.gov.bn](mailto:info@123.gov.bn), Laman Sesawang : [www.123.gov.bn](http://www.123.gov.bn), WhatsApp : +673 8333123 dan Hotline Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang : +673 7291122.

## Selamatkan Usus Awda.

### Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.



\*Sasaran pemeriksaan:  
Lebak atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



## 3 tahun dipenjara, denda BND2,500

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Februari. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhan hukuman tiga tahun penjara dan diperintahkan untuk membayar denda BND2,500 di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abd. Hamid menjatuhkan hukuman itu kelmarin, 6 Februari 2021 ke atas defendan Chua Cheng Huat, 54 tahun, kerana didakwa memakan dadah terkawal jenis 'A' Methylamphetamine di bawah Seksyen 6(b) akta yang sama.

Majistret Dewi Norlelawati di Mahkamah Majistret hari ini juga menolak permohonan defendan untuk ke Pusat Al-Islah dan bukannya di penjara memandangkan kesulitan kepada keluarganya, iaitu ibunya yang berumur 80 tahun tetapi mahkamah tetap dengan pendirian agar defendan dihantar ke penjara.

Defendan juga memiliki dadah jenis 'A' Methylamphetamine dengan memiliki 0.95 gram (g) dan mengambil ubat kelas 'A' di rumahnya di Kampung Perpindahan Lambak Kiri pada jam 9.30 malam, 31 Julai 2013.

Defendan juga ditangkap kerana memiliki 0.38g Methylamphetamine dan memiliki peralatan untuk memakan dadah di rumahnya pada jam 11.05 malam, 30 Mac 2016.

Kes tersebut telah dibicarkan di mahkamah dan mengalami masalah-masalah tertentu sebelum dihadapkan ke pengadilan hingga menyebabkan kelewatan hukuman.

## 2 premis E.K.K dijatuhan hukuman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Februari. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman terhadap dua buah premis Establismen Kecantikan dan Kesihatan (E.K.K).

Dalam sebutan kes tersebut, pemegang lesen berkenaan mengaku bersalah bagi kesalahan pertama tidak memiliki lesen yang sah dan tidak memperbaharui lesen mansuh selama 10 bulan lapan hari bagi premis Elena's Enterprise (premis lelaki) dan satu tahun, satu bulan 25 hari bagi premis Elena's Enterprise (premis perempuan) bagi kesalahan kedua yang mana adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 20(a) Perintah Establismen Kecantikan dan Kesihatan 2016 iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah dan kesalahan ketiga memberikan

perkhidmatan kepada pelanggan yang berlainan jantina di bawah Seksyen 18(1) Perintah Establismen Kecantikan dan Kesihatan 2016 membawa hukuman denda sejumlah BND3,300, kegagalan membayar denda berkenaan sebelum 30 September 2021 akan dihukum sebulan penjara.

Manakala De'fit Stop Studio (premis perempuan) dihukum denda BND1,000 atas Kesalahan tidak memiliki lesen yang sah dan tidak memperbaharui lesen mansuh selama empat bulan 18 hari yang mana adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 20(a) Perintah Establismen Kecantikan dan Kesihatan 2016 iaitu menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah. Kegagalan membayar denda berkenaan sebelum 30 Jun 2021 akan

dihukum sebulan penjara. Sehubungan ini, diperingatkan bahawa di bawah Perintah Establismen Kecantikan dan Kesihatan pindaan 2016 adalah menjadi kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen perniagaan yang sah. Jika sabit kesalahan boleh didenda sebanyak BND10,000 dan seterusnya denda tidak melebihi BND100 setiap hari jika kesalahan masih berterusan.

Sebarang aduan dan maklumat yang berkaitan dan mencurigakan bolehlah disampaikan terus ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan atau melalui Talian Darussalam 123, WhatsApp : +673 8333123, e-mel : [info@123.gov.bn](mailto:info@123.gov.bn) atau menerusi talian Hotline +673 7291122.

## Peluang menderma darah

### Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Februari. - Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Minggu Kedua bagi bulan Februari 2021.

Kempen-kempen derma darah tersebut adalah dibuka kepada penyertaan orang ramai.

Sehubungan itu, Pusat Pendermaan Darah pada ketika ini memerlukan semua jenis darah, jenis 'A', 'B', 'O' dan 'AB' bagi

kegunaan pemindahan darah pesakit-pesakit di semua hospital-hospital kerajaan.

Dalam pada itu, orang ramai juga diingatkan untuk mengimbas Kod QR dan mengamalkan penjarakan sosial di tempat-tempat Kempen Derma Darah.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Selasa, 9 Februari 2021 di Tingkat 1, Wing B, Kompleks Annajat bermula pada jam 10.00 pagi hingga jam 2.00 petang di mana kempen ini dianjurkan bersama dengan Qudoz Event Management.


Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 224242 sambungan 5745/6001/6002 atau e-mel kepada [bloodbank@moh.gov.bn](mailto:bloodbank@moh.gov.bn) dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di laman media sosial Instagram dan Facebook di [@bloodbank.ripas.](https://www.instagram.com/@bloodbank.ripas)

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi mengadakan Kempen Derma Darah, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah menerusi talian +673 224242 sambungan 5745/6001/6002 atau e-mel kepada [bloodbank@moh.gov.bn](mailto:bloodbank@moh.gov.bn) dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di laman media sosial Instagram dan Facebook di [@bloodbank.ripas.](https://www.instagram.com/@bloodbank.ripas)

TARIKH	MASA	TEMPAT	PENGANJUR
Selasa, 9 Februari 2021	10.00 pagi – 2.00 petang	First Floor, Wing B, Annajat Complex	Annajat Complex
Rabu, 10 Februari 2021	10.00 pagi – 2.00 petang	Main Atrium, The Mall, Gadong	Qudoz Event Management

# Peluang menderma darah sambil meminjam bahan bacaan

**Berita dan Foto :**  
Noraisah Haji Muhammed



**ANTARA** yang menyertai Kempen Derma Darah dengan tema 'Setitis Darah Sejuta Harapan' dianjurkan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan dengan kerjasama Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

**KUALA BELAIT**, Ahad, 7 Februari. - Kempen Derma Darah 'Harapan' dianjurkan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan dengan

kerjasama Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait.

Kempen Derma Darah tersebut bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk menderma darah, di samping berkunjung ke perpustakaan bersama keluarga.

Sementara ibu bapa menderma darah, anak-anak berpeluang untuk meminjam dan membaca bahan-bahan bacaan yang disediakan di perpustakaan berkenaan.

Setik darah yang didermakan, diharapkan akan dapat menyelamatkan orang-orang yang memerlukan dan sumbangan seumpama itu menandakan sikap prihatin terhadap sesama insan.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual Pemangku Penolong Pegawai Perpustakaan, Dayang Zaiton binti Haji Mohd. Napi, di mana beliau berkata, kempen berkenaan diadakan di perpustakaan untuk menjadikan perpustakaan sebagai sebuah pusat

komuniti yang bermanfaat untuk dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat.

"Perpustakaan adalah sebuah tempat yang sesuai untuk mengadakan pelbagai aktiviti atau kegiatan bagi semua peringkat umur," tambah beliau.

Kempen tersebut juga diharap akan membiasakan belia dan belianis juga masyarakat membuat amal kebajikan, bukan sahaja daripada harta benda, tetapi menderma darah.

Bagi sama-sama membantu Unit Tabung Simpanan Darah Negara dalam rangka mengutip seberapa banyak yang boleh daripada penderma untuk keperluan orang-orang yang memerlukan.

Sementara itu, Pelita Brunei juga menemu bual Pembantu Makmal, Unit Pendermaan Darah Hospital SSB, Kuala Belait, Dayang Norasnah binti Haji Zainidi, berkata, kegiatan seumpama itu, bukan sahaja memeriahkan suasana perpustakaan, bahkan ia

bagi mengalu-alukan pengunjung, terutamanya golongan belia dan belianis untuk menderma.

Manakala itu, Pelita Brunei turut berkesempatan menemu bual penderma baharu, Dayang Zahroatu Quratuain binti Hazimi, 18 tahun, di mana beliau sangat teruja dengan pengalaman pertama kali itu.

"Saya berhasrat hendak menderma darah sejak saya berusia 12 tahun," jelas Dayang Zahroatu Quratuain.

Keinginannya untuk menderma darah timbul sejak mengetahui derma darah merupakan amal kebajikan yang mulia dan ganjarannya pahala, di samping menolong orang yang memerlukan.

Menderma darah mengurangkan risiko sakit jantung, malah boleh membantu menyeimbangkan zat besi di dalam badan dan dengan menderma darah, insyaaAllah kita mampu menyelamatkan nyawa seseorang.

## BASMIDA anjurkan Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil 100 Hari

**Berita dan Foto :** Marlinawaty Hussin



**YANG Di-Pertua BASMIDA**, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali hadir pada Majlis Khatam Al-Quran dengan Bacaan Doa Tahlil 100 Hari yang diniatkan khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

**BERAKAS**, Ahad, 7 Februari. - Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran dengan Bacaan Doa Tahlil 100 Hari yang diniatkan khusus bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Di-Pertua BASMIDA, Datin Dayang Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Dayang Nor Hamimah binti Haji Hamidon, diikuti dengan bacaan Doa Sebelum

Membaca Al-Quran dan Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Nas.

Sementara itu, bacaan Takhtim, Doa Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidi.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Khatam, diketuai oleh Dayang Hajah Norjainah binti Haji Putera, disusuli dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Doa Penutup Majlis, dipimpin oleh Dayang Aizat Yatimi binti Haji Shari.

Pada majlis itu, Yang Di-Pertua BASMIDA menyampaikan saguhati kepada pembaca majlis khatam.

Saguhati juga disampaikan oleh Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Linda Aini binti Abdullah; dan Timbalan Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Simah binti Haji Mohd. Yusof Khan.



## قرتدين منچيقتا لوکو PERTANDINGAN MENCipta LOGO WAWASAN BRUNEI 2035

Untuk penyertaan dan keterangan lanjut, sila layari:  
<http://www.wawasanbrunei.gov.bn/>



Gunakan pengimbas QR untuk memuat turun borang penyertaan.

**Tarikh Tutup Penyertaan:**  
**07 APRIL 2021**

**HADIAH WANG TUNAI**  
**BND \$3,000**

**DIANJURKAN OLEH:**  
Pejabat Wawasan Brunei,  
Jabatan Perdana Menteri.

# IMBASAN MINGGUAN

**SEBAHAGIAN** daripada jemaah yang hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil 100 Hari Kemangkatan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah terlebih dahulu mengimbas Kod QR, di samping mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

**PADA** majlis kali ini, jemaah menerima Mushaf Wakaf Cetakan Khas kurnia Kebawah DYMM, Buku Yaa Siin dan Tahlil juga dicetak khusus untuk majlis tersebut dan diagihkan bersama kepada jemaah yang hadir. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

**SEBAHAGIAN** daripada jururawat yang hadir pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kanser Sedunia 2021, bertempat di Lobi Lantai 2, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

**PERSEMBAHAN** muzikal dan koir dengan tema 'An Expression of Support through Music and Songs for World Cancer Day', disampaikan oleh Expression Music Academy dan kakitangan TBCC bagi menyokong para pejuang kanser dan pesakit yang selamat melalui muzik dan lagu. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

**JABATAN** Perkhidmatan Makmal melancarkan Sistem Automasi Makmal Menyeluruh (Total Laboratory Automation System) bagi Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan atau National Clinical Chemistry Reference Laboratory di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

# MAKLUMAN

## IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN) ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN  
JAWATAN KOSONG



PSC.BN

+673 7371961    PSC.BN    query@spa.gov.bn



JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

### 1. BIL TAWARAN (01) JBS / ADM / QC / 2021

KETERANGAN :  
URGENT ADHOC GENERAL BUILDING TERM MAINTENANCE FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS FOR ALL SPORTS COMPLEX BUILDING (BRUNEI MUARA DISTRICT)

### 2. BIL TAWARAN (02) JBS / ADM / QC / 2021

KETERANGAN :  
SUPPLY, DELIVER AND INSTALL BIRD SPIKE / NETTING AT AQUATIC CENTRE, TUTONG SPORTS COMPLEX, MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS, BRUNEI DARUSSALAM

### 3. BIL TAWARAN (03) JBS / ADM / QC / 2021

KETERANGAN :  
URGENT REPAIR WORKS FOR CHILDREN SWIMMING POOL AT KOLAM RENANG BATU APOI, TEMBURONG

### 4. BIL TAWARAN (04) JBS / ADM / QC / 2021



KETERANGAN  
GENERAL BUILDING TERM MAINTENANCE FOR A PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS FOR:  
1. INDOOR STADIUM, HBNSC  
2. TENNIS COURT, HBNSC  
3. UNIT PENGURUSAN ESTET OFFICE AT TENNIS COURT  
4. SUNGAI KEBUN SPORTS COMPLEX

TARIKH TUTUP :  
Selasa, 16 Februari 2021 /  
4 Rejab 1442  
Tidak lewat jam 9.00 Pagi.



17 Februari 2021, Rabu  
hingga jam 2.00 Petang.

JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI

BILANGAN SEBUT HARGA :  
APM.2020-2021 / SH-16

TO DESIGN AND REFURBISH HANGING GARDEN AT THE DEPARTURE HALL, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

TARIKH TUTUP TAWARAN :



JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
DAN INFOKOMUNIKASI

MAKLUMAN :  
TAWARAN SEBUT HARGA  
JABATAN PENERBANGAN AWAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
ATELS / 2021 / SH-01

**KETERANGAN :**  
THE SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, TESTING &  
COMMISSIONING OF PRECISION  
AIR-CONDITION SYSTEM  
SCROLL COMPRESSOR AND  
BLOWER UNITS AT  
DEPARTMENT OF CIVIL  
AVIATION REMOTE SITE,  
DEPARTMENT OF CIVIL  
AVIATION

**BAYARAN YURAN/ DOKUMEN  
SEBUT HARGA :**  
BNDS.00  
[Bayaran Dokumen Sebut Harga  
tidak dikembalikan]

**TARIKH TUTUP DILANJUTKAN  
DAN WAKTU :**  
17 Februari 2021  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN  
PERTAHANAN

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL  
REKRUT LELAKI  
PENGAMBILAN KE-168  
ANGKATAN BERSENJATA  
DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN sekarang dibuka untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-168 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka dengan 2 tatacara iaitu secara atas talian (*online*) dan juga secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

**Tatacara :**  
Atas talian (*online*)

**Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :**  
1 Februari 2021 hingga 12 Februari 2021  
(Isnin hingga Jumaat)  
8.00 Pagi hingga 4.30 Petang

**Tatacara :**  
Pandu lalu (*drive-thru*)

**Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :**  
1 Februari 2021 hingga 11 Februari 2021  
(Isnin hingga Khamis sahaja,  
hari Jumaat ditutup bagi  
pentadbiran)  
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.30 Petang hingga 4.00 Petang

Sila layari laman sesawang  
<http://www.mindf.gov.bn>  
(Career - Military Recruitment(male))

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) sebelum latihan bermula pada 13 Ogos 2021.

Untuk keterangan lanjut,  
sila hubungi :  
Pejabat Pengambilan  
Jabatanarah Keanggotaan  
Bolkiah Garison

Telefon : +673 2386898  
atau layari laman sesawang  
<http://www.mindf.gov.bn>  
(Career - Military Recruitment (male))  
atau  
e-mel : [FRO@mindf.gov.bn](mailto:FRO@mindf.gov.bn)



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

**PENGAMBILAN REKRUT  
KONSTABEL POLIS**

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN  
PENGAMBILAN REKRUT  
KONSTABEL POLIS**

1. TERDIRI daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Mempunyai Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning sahaja.

3. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian **Ugama Islam, adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-orang Melayu Brunei** dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik, Negara Brunei Darussalam.

4. Mempunyai kelulusan 2 kredit dalam mata pelajaran **Sijil Am Peringkat Biasa (GCE 'O' Level** dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) atau sijil **BDTVEC NTC 2** di dalam bidang yang bersesuaian atau mana-mana kelulusan yang sebanding dengannya dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah merupakan satu kelebihan.

5. Taraf Kelamin : **Bujang**.

6. Pemohon **lelaki** hendaklah berumur di antara **18 hingga 25 tahun**.

7. Memenuhi kelayakan tinggi badan dan **Indeks Jisim Tubuh (BMI)** yang telah ditetapkan seperti berikut :

**KELAYAKAN BAGI BAKAL  
REKRUT KONSTABEL (PC)**

**Ketinggian :**

1.57 meter (5 kaki 2 inci)

**Indeks Jisim Tubuh (BMI) :**

18.5 hingga 28 (lulus)

**Formula :**

Berat (Kg) / Tinggi (m) / Tinggi (m)  
= BMI

8. Tidak buta warna.

9. Mestilah **lulus ujian kecergasan, ujian bertulis, pemeriksaan kesihatan dan tapisan keselamatan**.

**TATACARA MENGHADAPKAN  
PERMOHONAN**

1. Borang-borang permohonan boleh didapati di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong pada **4 Februari 2021 hingga 15 Februari 2021** waktu pejabat (Isnin hingga Khamis dan Sabtu jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 4.00 Petang kecuali Jumaat. Ahad dan kelepasan awam).

2. Borang-borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan ke Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong tidak lewat dari **15 Februari 2021** pada jam **4.00 Petang**.

3. Pemohon-pemohon yang berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan hendaklah menghadapkan permohonan melalui ketua jabatan masing-masing.

4. Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi **Pejabat Pengambilan, Pusat Latihan Polis di talian +673 2459500** sambungan 380.

**NOTIS TAWARAN LELONG SECARA TERTUTUP**

TAWARAN		TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN <b>(TIDAK DIBENARKAN MENGAMBIL BORANG TAWARAN)</b>
<b>TARIKH MULA</b>  <b>08/02/2021 (HARI ISNIN)</b>	<b>TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG TAWARAN (WAKTU BERKERJA)</b>	
	<b>08/02/2021 (HARI ISNIN) HINGGA 20/02/2021 (HARI SABTU)</b>	
	<b>ISNIN HINGGA KHAMIS</b>	<b>PAGI : 8.30 HINGGA 11.30 PAGI</b> <b>PETANG : 1.30 HINGGA 3.00</b>
	<b>HARI SABTU</b>	<b>PAGI: 8.30 HINGGA 10.30</b> <b>PETANG : TUTUP</b>
<b>LOT</b>	<b>NO PENDAFTARAN</b>	<b>JENIS /MODEL</b>
1	BG 7741	MITSUBISHI CARGO TRUCK
2	BG 7260	DAIHATSU LIGHT TRUCK
3	BG 6803	ISUZU LIGHT TRUCK
4	BG 6809	ISUZU LIGHT TRUCK
5	BG 7258	DAIHATSU LIGHT TRUCK
6	BG 6802	ISUZU LIGHT TRUCK
7	BG 6357	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
8	BG 7281	DAIHATSU LIGHT TRUCK
9	BG 6351	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
10	BG 6347	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
11	BG 7286	DAIHATSU LIGHT TRUCK
12	BG 7590	DAIHATSU AERIAL PLATFORM
13	BG 7714	ISUZU PICKUP
14	BG 7412	ISUZU LUBRICATION SERVICE TRUCK
15	BG 6596	ISUZU CARGO TRUCK
16	BG 6360	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
17	BG 6806	ISUZU LIGHT TRUCK
18	BG 6361	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
19	BG 9950	MITSUBISHI WATER TANKER
20	BG 6359	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
21	BG 6367	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
22	BG 7691	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
23	BG 6801	ISUZU LIGHT TRUCK
24	BG 6800	ISUZU LIGHT TRUCK
25	BG 6362	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
26	BG 6604	ISUZU CARGO TRUCK
27	BG 6350	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
28	BG 5203	HINO TIPPER TRUCK
29	BG 6076	ISUZU TIPPER TRUCK
30	BG 5295	HINO TIPPER TRUCK
31	BG 6572	HINO DUMP TRUCK KR 300
32	BG 7689	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
33	BG 6079	ISUZU TIPPER TRUCK
34	BG 6346	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
35	BG 5202	HINO TIPPER TRUCK
36	BG 7370	ISUZU TRUCK
37	BG 6815	HINO FLATBED TRUCK W/HIAB CRANE
38	BG 4193	HINO TIPPER TRUCK
39	BG 7256	DAIHATSU LIGHT TRUCK
40	BG 6081	ISUZU TIPPER TRUCK
41	BG 6090	ISUZU TIPPER TRUCK
42	BG 6086	ISUZU TIPPER TRUCK
43	BG 6573	HINO DUMP TRUCK KR 300
44	BG 6598	ISUZU CARGO TRUCK
45	BG 5291	HINO TIPPER TRUCK
46	BG 5300	HINO TIPPER TRUCK
47	BG 6364	DAIHATSU DELTA LIGHT TRUCK
48	BG 5283	HINO TIPPER TRUCK
49	BG 7530	DAIHATSU FEROZA DX
50	BG 6571	HINO TIPPER TRUCK
51	BG 5284	HINO TIPPER TRUCK
52	BG 4652	HINO TIPPER TRUCK
53	BG 6084	ISUZU TIPPER TRUCK
54	BG 7413	ISUZU WATER TANKER
55	BG 7711	ISUZU PICKUP

**DI KAWASAN TEMPAT LETAK KENDERAAN  
DALAM BENGKEL MEKANIKAL J.K.R  
SINARUBAI.**

**DI KAWASAN TEMPAT LETAK KENDERAAN  
DALAM BENGKEL MEKANIKAL J.K.R  
SINARUBAI.**

JABATAN/KEMENTERIAN	NO. RUJUKAN KEBENARAN KEWANGAN	TARIKH KEBENARAN KEWANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELETRIKAL JABATAN KERJA RAYA	KKW/ADM/KEM/11	3 NOVEMBER 2020 BERSAMAAN 17 RABIULAWAL 1442


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**1. TAWARAN NO. :**  
MINDEF / DFA / FY2021 / DITU / TA / 01

**PEMBELIAN DAN PEMASANGAN 'NETWORK POINTS' DAN PERALATAN BAGI PROJEK SCANEAT**

**TARIKH TUTUP :**



Selasa, 2 Mac 2021,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN :**  
JKR / DOR / SRC 02 / 2021

**NAMA PROJEK :**  
PEMBINAAN JEJAMBAT DI  
PERSIMPANGAN LEBUHRAYA  
MUARA-TUTONG / PENEMPATAN  
TAPAK INDUSTRI TG. KAJAR

**TARIKH TUTUP :**  
6 April 2021 (Selasa),

Tidak lewat jam  
2.00 Petang.


**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
MOFE / Q / 2020-9

**TAJUK SEBUT HARGA :**  
KONTRAK PEMBEKALAN DAN  
PEMASANGAN BULB DAN TUBE  
LAMPU SERTA AKSESORI  
BERKAITAN BAGI TEMPOH DUA  
BELAS (12) BULAN, BANGUNAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI,  
COMMONWEALTH DRIVE

**TARIKH TUTUP :**  
Sabtu, 20 Februari 2021  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN AUDIT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEBUT HARGA BAGI  
PERKHIDMATAN KANTIN  
BANGUNAN BAHIRAH  
JABATAN AUDIT,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
AUD / PTMK / Q & T / 2020-2021 / 15

**PENYEWAAN DAN  
PERKHIDMATAN KANTIN  
BANGUNAN BAHIRAH,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BAGI TEMPOH  
DUA (2) TAHUN**

**TARIKH TUTUP :**



Selasa, 16 Februari 2021,  
jam 2.30 Petang.


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA**  
TAWARAN RANCANGAN  
PEMAKANAN SEKOLAH ARAB  
DAN ASRAMA  
[BAHAGIAN BAHAN BASAH]

**BILANGAN TAWARAN :**  
KHEU / JPI / BB / MIB, TUT / 09  
NAMA SEKOLAH :  
Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong



**TARIKH TUTUP :**  
Rabu, 5 Safar 1442H /  
17 Februari 2021M,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.


**KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :**  
MOFE / Q / 2020-8

**Tajuk Tawaran :**  
PEMBEKALAN PROJEKTOR  
UNTUK KEGUNAAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI

**TARIKH TUTUP :**



Sabtu, 20 Februari 2021  
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.


**JABATAN IMIGRESEN DAN  
PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**1. BILANGAN TAWARAN :**  
01 / IMMB / 01 / 2021

**TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN  
MEMELIHARA BANGUNAN DAN  
KAWASAN POS KAWALAN  
IMIGRESEN SUNGAI TUJOH,  
KUALA BELAIT**

**2. BILANGAN TAWARAN :**  
02 / IMMB / 01 / 2021

**TAWARAN BAGI PEMBEKALAN  
PAKAIAN SERAGAM DAN KASUT  
UNTUK PEGAWAI IMIGRESEN**



**LELAKI DAN PEREMPUAN  
BERBAGAI PERINGKAT DI  
JABATAN IMIGRESEN DAN  
PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**TARIKH TUTUP :**  
16 Februari 2021


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**BIL. SEBUT HARGA :**  
KHEU / JPI / JKS / 27 / 2020 - 2021

**KETERANGAN :**  
MEMBEKAL, MENGHANTAR,  
MEMASANG DAN MENGUJI  
MESIN PHOTOCOPY HEAVY DUTY  
BAGI JABATAN,  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
UGAMA TAHUN 1442H-1443H /  
2020M-2021M



**TARIKH TUTUP MENGHANTAR  
BORANG PADA :**  
Rabu, 27 Jamadilakhir 1442H /  
10 Februari 2021M,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

# Imagine serah sumbangan ADAC kepada NGO

Siaran Akhbar dan Foto : Imagine Sdn. Bhd.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Berikutnya pelancaran Program A-Dollar-A-Cheer (ADAC) sebagai sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Imagine Sendirian Berhad pada bulan September tahun lalu, Imagine menyampaikan sejumlah BND5,528.32 kepada dua Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan iaitu daripada sumbangan yang dikumpulkan dalam tempoh tiga bulan termasuk sumbangan dari Imagine.

Penyampaian sumbangan pertama berjumlah BND2,754.66 disempurnakan oleh Naib Presiden

Kewangan Imagine Sdn. Bhd., Callie Tan yang diserahkan kepada Projek FEED, baru-baru ini, iaitu sebuah program yang dipimpin oleh para belia, bertujuan untuk memperkasa keluarga yang kurang berkemampuan dan memberi mereka sokongan, kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam memulakan, mengekalkan dan menjalankan perniagaan sendiri.

Penerima kedua untuk program ADAC musim ini disampaikan oleh Naib Presiden Customer Experience Management, Irshad Ahamed kepada An-Nur Harapan. Dana yang dikumpulkan

berjumlah BND2,773.66 akan menyokong Program UnikLearn pusat tersebut yang bertujuan untuk memberikan kemahiran hidup, latihan dan peluang penempatan kerja untuk belia.

Program ini merangkumi, seperti kemahiran insaniah atau kemahiran kerja, kemahiran hidup dan juga latihan untuk pekerjaan perkhidmatan.

Inisiatif ADAC pertama kali dimulakan dengan platform sumbangan SMS di mana pelanggan Imagine mudah alih pascabayar dan prabayar boleh memilih untuk menyumbang BND1, BND5, BND10, BND15, BND20, BND50 atau BND100 ADAC dengan menaip ADAC [Jarak] 1/5/10/15/20/50/100 dan hantarkan ke 39998.

Pada bulan Disember tahun lalu,

Imagine melancarkan platform laman sesawang ADAC di [www.imagine.com.bn](http://www.imagine.com.bn), di mana penderma dari negara ini mahupun luar tanpa mengira penyedia perkhidmatan telekom mereka boleh menyumbang kepada dana ADAC.

Penerima dana ini mempunyai tiga NGO yang berubah-ubah untuk setiap tiga bulan. Objektif platform CSR ini tidak terhad hanya untuk pelanggan Imagine terutamanya melalui portal laman sesawang ADAC syarikat.

Ini merupakan platform yang merangkumi semua yang membolehkan orang ramai berkongsi kemurahan hati mereka kepada mereka yang memerlukan.

Dari Januari hingga Mac 2021,

platform ADAC akan menampilkan YASKA Brunei, sebuah organisasi yang memberi sokongan kepada kanak-kanak yang menghidap barah dan keluarga mereka, SMARTER Brunei yang memberikan pendidikan dan latihan untuk individu dengan autisme dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi perkembangan gangguan penglihatan.

Maklumat lebih lanjut mengenai inisiatif Imagine ADAC boleh didapati di laman sesawang syarikat di [www.imagine.com.bn](http://www.imagine.com.bn) atau melalui akaun media sosial @imaginebn di Instagram atau @imaginebn di Facebook.

## BIBD buka peluang dapatkan foto

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 6 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sukacita memaklumkan bahawa orang ramai boleh mengemukakan tawaran untuk foto-foto yang dipamerkan pada Pameran Fotografi 'Negara Brunei Darussalam (NBD) dari Mata Diplomatik Asing dan Keluarga mereka', baru-baru ini.

Pameran yang dianjurkan oleh perwakilan diplomatik di NBD itu dirasmikan di Muzium Alat-Alat Kebesaran Diraja dari 16 hingga 26 Disember 2020 yang lalu.

Pameran tersebut diteruskan lagi di Muzium Belait pada 29 Disember, Cawangan Warisan BIBD pada bulan Januari sebelum pameran terakhir di Pusat Maklumat Pelancongan Tutong yang diadakan pada 23 Januari.

Seramai 19 orang perwakilan diplomatik asing di negara ini menyumbang 210 foto yang membawa 109 tema dalam pameran tersebut.

Pameran tersebut berakhir pada 2 Februari di Pusat Maklumat Pelancongan Tutong, namun foto-foto tersebut kini boleh dilihat melalui Kod QR yang boleh didapati di media sosial BIBD. Borang tender dan koleksi boleh diakses dan dilihat di <http://www.bibd.com.bn/media-centre/diplomats-fotografi>.

Semua tender mesti dihantar ke e-mel Ketua Pejabat Pemasaran (CMO) di [cmo@bibd.com.bn](mailto:cmo@bibd.com.bn) sebelum 12.00 tengah hari, Isnin, 15 Februari 2021 dengan Borang Terma dan Syarat (T&C), Salinan IC tender dan slip deposit (Deposit Tender) 10 peratus yang perlu dibayar kepada BIBD (akaun BIBD CSR Raised funds 00-001-01-0400011).

Tawaran yang berjaya akan dimaklumkan melalui e-mel atau panggilan telefon. Setelah tawaran berjaya, BIBD akan meminta penawar untuk memasukkan jumlah baki ke akaun BIBD CSR Raised Funds 00-001-01-0400011 dan memberikan salinan slip deposit.

Tawaran minimum untuk gambar adalah BND50 dan semua hasil akan disalurkan ke BIBD CSR Raised Funds untuk menyokong pengembangan inisiatif CSR BIBD seperti BIBD ALAF.

BIBD berbangga kerana dapat menyokong Pameran Fotografi 'Negara Brunei Darussalam dari Mata Diplomatik Asing dan Keluarga mereka'.

Pameran tersebut berfungsi sebagai peluang bagi penduduk tempatan untuk melihat aspek-aspek biasa di negara mereka yang cantik melalui lensa diplomat asing.



ORANG ramai berpeluang untuk mengemukakan tawaran-tawaran bagi mendapatkan foto-foto yang dirakamkan oleh Duta-Duta Perwakilan Asing dan menghantarnya melalui e-mel ke Ketua Pejabat Pemasaran (CMO) di [cmo@bibd.com.bn](mailto:cmo@bibd.com.bn), sebelum 12.00 tengah hari, Isnin, 15 Februari 2021.



NAIB Presiden Customer Experience Management, Irshad Ahamed (lima, kiri) bersama pelatih UnikLearn An-Nur Harapan dan Pengurus Am An-Nur Harapan, Melline Jaini (empat, kiri) semasa penyerahan sumbangan ADAC kepada organisasi tersebut.

## Imarahkan masjid dengan Khatam Al-Quran



BILAL masjid, Abd. Wafi bin Ismail mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah dan memimpin bacaan ayat-ayat lazim beramai-ramai. Juga hadir pada majlis tersebut ialah Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Berita dan Foto : Ihsan AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

**SUNGAI BESAR,** Sabtu, 6 Februari. - Seramai 12 orang Ahli Tadarus Al-Quran Subuh Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai tanda rasa kesyukuran selepas pembacaan 30 juzuk tamat di masjid berkenaan, di sini.

Setiausaha Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan, Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit melahirkan rasa gembira

atas pembacaan yang dikendalikan secara istiqamah selepas Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah.

Katanya lagi baru-baru ini, selain berusaha mengumpul pahala yang berlipat ganda, ibadah membaca ayat-ayat suci itu juga membantu mengimarahkan masjid berkenaan.

"Kita berharap usaha ini akan menjadi pendorong kuat dan landasan memupuk cinta orang

ramai untuk hadir bersama-sama bertadarus di masjid," jelasnya.

Penasihat Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman antara yang hadir menyertai majlis berkenaan.

Bilal masjid, Abd. Wafi bin Ismail mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah dan memimpin bacaan ayat-ayat lazim beramai-ramai yang bermula daripada Surah Adh-Dhuha sehingga Surah An-Nas dan seterusnya mengetuai membaca Takhtim dan Doa Khatam.

# Wadah mengeratkan persahabatan, menghulurkan bantuan



MANTAN Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu semasa bergambar ramai bersama para mantan anggota JBP pada Majlis Silaturahim Matan Anggota Bomba dan Penyelamat yang diadakan di Gerai Aneka Ria Kampung Rimba.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ihsan Haji Ahmad Haji Md. Daud

**RIMBA**, Ahad, 7 Februari. - Lebih 40 mantan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menghadiri Majlis Silaturahim yang berlangsung hari ini di Gerai Aneka Ria Kampung Rimba.

Hadir pada majlis tersebut, mantan Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji Rosli bin Pengiran Haji Chuchu.

Pada majlis tersebut, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Haji

Rosli turut menyampaikan sumbangan derma kilat dan barang keperluan asasi serta pakaian kepada salah seorang mantan anggota, Awang Buntar bin Kurus, di mana rumah kediaman beliau mengalami musibah kebakaran baru-baru ini.

Majlis yang diungkayahkan dengan kerjasama Syarikat Arif Haji Ahmad Car Snow Wash (SAHA Car Snow Wash) bersempena dengan penubuhannya ke-10 tahun

bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan wadah bagi menghulurkan bantuan kepada mereka yang ditimpah musibah, terutama dalam kalangan warga mantan anggota bomba.

Pemilik syarikat tersebut merupakan seorang Orang Kelainan Upaya Pendengaran dan anak kepada salah seorang mantan anggota bomba. Syarikat berkenaan adalah Projek Rintis Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



KEGEMBIRAAN bersama ketika dapat bertemu pada majlis tersebut.

## Bandarku Ceria terus hidupkan suasana hujung minggu



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Februari. - Program Bandarku Ceria diperkenalkan pada tahun 2016, di mana tujuan utama program adalah untuk menghidupkan suasana Bandar Seri Begawan (BSB) dan menjadikannya sebagai sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* juga unggul.

Seperi lazimnya, rakyat dan penduduk di negara ini tidak melepasikan peluang keemasan

berkunjung ke Bandarku Ceria untuk beriadah sambil menikmati suasana pagi, pada hujung minggu.

Apa yang menarik perhatian pemberita, aktiviti yang dijalankan di sekitar ibu negara turut memberi semangat dan menggalakkan orang ramai untuk terus mengamalkan gaya juga cara hidup sihat dalam kehidupan sehari-hari.

Antara aktiviti yang sering

dilakukan di sini ialah aktiviti riadah berbasikal, bermain *rollerblade*, *scooter*, Zumba, selain aktiviti jualan makanan dan minuman, jualan pakaian, barang aksesori yang diusahakan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Dalam tinjauan Pelita Brunei, di kawasan sekitar Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandarku Ceria, bukan sahaja memberikan mereka peluang untuk melakukan aktiviti riadah, tetapi mengeratkan hubungan keluarga di antara golongan warga emas, belia, remaja dan kanak-kanak.

dilakukan di sini ialah aktiviti riadah berbasikal, bermain *rollerblade*, *scooter*, Zumba, selain aktiviti jualan makanan dan minuman, jualan pakaian, barang aksesori yang diusahakan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Program ini merupakan inisiatif pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui beberapa kementerian dan agensi juga pihak yang berkenaan untuk mengadakan hari tanpa kereta pada setiap Ahad.

Dengan adanya Program Bandarku Ceria tersebut, BSB,

bukan sahaja dihidupkan dengan suasana hujung minggu, malah sebagai sebuah bandar dalam taman (*garden city*), yang mempunyai alam sekitar yang bersih, cantik dan bebas daripada pencemaran.

Oleh itu, orang ramai yang belum berkesempatan membawa dan menyaksikan sendiri Bandarku Ceria bersama anak-anak atau ahli keluarga adalah dialu-alukan untuk datang beramai-ramai ke BSB dan memeriahkan lagi suasana Bandarku Ceria.

# Pertemuan semula erat silaturahim



Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Februari. - Majlis Tahlil serta Silaturahim Reunion Mantan Juruhebah dan Juruteknik Radio Brunei, Radio Televisyen Brunei (RTB) Tahun 1957 - 2020 diadakan di Restoran Aneka Rasa, di sini.

**PENGERUSI Majlis, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin semasa berucap.**



## Penutupan penuh sebahagian Jalan Pasir Berakas

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Februari. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan penuh sebahagian Simpang 284-34, Jalan Pasir Berakas.

Penutupan berkenaan, yang telah dilaksanakan pada 5 Februari 2021

sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan, adalah diperlukan bagi memberi laluan kerja-kerja pembinaan tanah susur di kawasan berkenaan. Para pengguna jalan di kawasan tersebut adalah dinasihatkan untuk menggunakan jalan alternatif lain (rujuk pet).

Sehubungan itu, pihak jabatan ingin mengingatkan kepada para

Hadir selaku tetamu kehormat ialah mantan Pengarah RTB, Dato Paduka Haji Awang Alidin bin Haji Awang Othman.

Acara didahului dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Dayang Hajah Zainab binti Haji Zainal Abidin, di mana dalam ucapannya antara lain menjelaskan mengenai sejarah penubuhan dunia penyiaran dan perkhidmatan radio di negara ini, selain program-program yang pernah disiarkan oleh radio di negara ini.

Tetamu kehormat seterusnya

melancarkan Poster Mantan Juruhebah Radio Brunei dan Mantan Pengurusan Radio, diikuti dengan pelancaran laman media sosial Facebook *Suara Emas Brunei* yang diharap akan memberi pengetahuan mengenai sejarah perkhidmatan radio kepada generasi baharu.

Acara kemudian disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Selamat. Reunion itu juga adalah



**ANTARA** yang hadir pada Majlis Tahlil serta Silaturahim Reunion Mantan Juruhebah dan Juruteknik Radio Brunei, Radio Televisyen Brunei (RTB) Tahun 1957 - 2020 (atas dan kiri).

## Perbaiki cara mendirikan solat, berwuduk



**ANTARA** yang menyertai Bengkel Penyempurnaan Solat di Kampung Bolkiah 'A'.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Belia Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Februari. - Seramai 30 penduduk Kampung Bolkiah dan beberapa orang belia menyertai Bengkel Penyempurnaan Solat di Kampung Bolkiah 'A', baru-baru ini.

Bengkel tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada peserta-peserta mengenai kepentingan memperbaiki cara mendirikan solat dan berwuduk secara betul.

Antara acara yang diadakan ialah sesi teori berkaitan dengan rukun solat, penyempurnaan tatatertib solat dan juga Bengkel Membaca Surah Al-Fatiyah.

Bengkel dikendalikan oleh tenaga pengajar Al-Huffaz Management, Awang Mohammad Yadi bin Yussof yang seterusnya menjalankan sesi praktikal bagi peserta lelaki.

Sesi praktikal bagi peserta perempuan pula dikendalikan oleh Dayang Hafizah binti Zulaiani dan Dayang Nur Alia Syazwani binti Haji Maidin.

Projek merupakan anjuran oleh pelajar-pelajar Discovery Year di bawah Majlis Belia Brunei Discovery Year Students dengan sokongan Green Brunei di bawah inisiatif Ristaan Abadi.

PROJECT TITLE: REPAIR OF ROAD EMBANKMENT WORKS AT SPG 284-34  
JALAN PASIR BERAKAS

FOR PRESS RELEASE



# Cendol berinovasi menjadi tarikan

Berita dan Foto :  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad



CENDOL klasik yang dijual oleh The Cendol Lava, iaitu Cendol Original dan Cendol Gulau (atas). Sementara gambar bawah kanan, antara menu cendol yang paling diminati para pelanggan ialah Iced Cendol Oreo Lava, Creamy Cheese Iced Jagung, Red Bean Lava dan Iced Cendol Biscoff Lava.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Februari. - Cendol merupakan hidangan istimewa yang dikategorikan sebagai pencuci mulut yang mempunyai isi

yang sangat unik dan ia merupakan salah satu hidangan kesukaan orang Brunei.

Sepertimana pencuci mulut yang lain, cendol turut mengalami

perubahan mengikut peredaran masa namun begitu, tidak mengira cendol tradisional ataupun cendol yang diubahsuai, ia tetap menjadi hidangan pencuci mulut yang digemari oleh setiap lapisan masyarakat.

Pada lazimnya, ramuan asas cendol tradisional terdiri daripada santan, jeli hijau (pewarna pandan), pulut, ais dan gula melaka. Selain daripada bahan asas ini, cendol boleh ditambah dengan bahan lain, seperti kacang merah, pulut, jeli hitam dan jagung, bergantung kepada selera penjamunnya.

Keseronokan meminum cendol adalah apabila ia dihidangkan ketika kita sangat haus terutama pada waktu tengah hari ataupun lewat petang.

Cendol tradisional atau yang asli lazimnya dihidangkan dalam mangkuk kecil (mangkuk plastik atau mangkuk zink) dilengkapi sudu kecil untuk mengambil isi cendol dan lainnya.

Tapi sekarang, banyak pengusaha cendol menggunakan bekas cawan plastik atau bungkus plastik untuk cendol yang ingin dibungkus dan dibawa pulang.

Jika dahulu, cendol hanya dijual di gerai-gerai tepi jalan atau dalam premis yang ringkas sahaja, tetapi kini telah banyak premis atau restoran yang menjual cendol bersama dengan hidangan resipi makanan lain.

Cendol juga diusahakan dari rumah oleh sesetengah individu sebagai pendapatan sampingan atau bagi mengisi masa yang terluang dan rasa minat terhadap pembuatan cendol sekali gus melahirkan inovasi baharu yang mampu menarik para peminat cendol.

Begini juga dengan pengusaha cendol yang ditemui Pelita Brunei, iaitu pemilik The Cendol Lava, Dayang Siti Radhiatul Zahrina binti Abd. Ja'afar menerangkan sedikit sebanyak mengenai perbezaan antara cendol klasik dengan cendol terkini seperti yang dijualnya.

Menurutnya, cendol klasik yang dijualnya terdapat dua pilihan, iaitu Cendol Original dan Cendol Gulau, di mana beliau

menamakan cendolnya sebagai Cendol Lava, sementara cendol terkini ialah Iced Cendol Biscoff Lava, Iced Cendol Oreo Lava dan Iced Cendol Jagung Lava yang merupakan sebagai tambahan kepada cendol klasik dengan mengikut trend pada masa kini.

"Alhamdulillah, penjualan saya dan suami bermula aktif sejak tahun lalu semasa bulan Ramadan sehingga ke hari ini. Kami hanya membuka melalui tempahan (*take-away basis*) dan *home-base* sahaja, sama ada untuk *pick-up* atau *delivery*.

"Setakat ini, respons dan komen daripada para pelanggan yang pernah menempah cendol kami semuanya sangat menggalakkan dan mereka begitu berpuas hati dengan minuman Cendol Lava kami," ujarnya dengan gembira.

Katanya, di antara menu cendol yang paling diminati para pelanggan ialah Iced Cendol Oreo Lava, Creamy Cheese Iced Jagung, Red Bean Lava dan Iced Cendol Biscoff Lava.

Menyentuh mengenai dorongan untuk bermula, beliau menyatakan ia bermula pada tahun lalu apabila keadaan situasi negara, bahkan di seluruh dunia mengalami perubahan akibat pandemik COVID-19, beliau dan suaminya cuba berusaha untuk berkecimpung dalam bidang



**PEMILIK** The Cendol Lava, Dayang Siti Radhiatul Zahrina binti Abd. Ja'afar semasa ditemu bual Pelita Brunei.

perniagaan, seperti menjual cendol gemaran ramai.

"Mengikut zaman yang serba moden ini, alhamdulillah, saya telah belajar membuat cendol daripada YouTube atau mana-mana laman sesawang yang membuat cendol. Kita hanya perlu mempelajarinya dengan mengikut cita rasa atau *trademark* sendiri untuk membuat kelainan," tambahnya.

Menyentuh mengenai perancangan pada masa hadapan, insyaaAllah, Dayang Siti Radhiatul Zahrina berhasrat ingin membuka kedai minuman dan menambah serta mempelbagaikan jenis minuman lain lagi.



## Bengkel Bahasa Isyarat, 17 Februari

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Infografik : Ihsan Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 7 Februari. - Politeknik Brunei (PB) akan menganjurkan Bengkel Bahasa Isyarat 'Sign Language is fun' Let Us Sign! pada 17 Februari, 2021; 24 Februari 2021; dan 3 Mac 2021.

Bengkel selama tiga hari itu akan bermula dari jam 1.30 petang hingga 4.30 petang di CITL Training Room 10.04.

Bengkel ini hanya dibuka kepada pelajar-pelajar PB sahaja. Untuk keterangan atau maklumat lebih lanjut, hubungi Dayang Salimah menerusi talian +673 861761 dan mengisi borang EM01A di LMS.

**F**ولیٹنکنک بروئے  
POLITEKNIK BRUNEI

**SIGN LANGUAGE IS FUN!**  
**LET US SIGN!**

Join us in our three-session workshop!

Date: 17, 24 February & 3 March 2021

Time: 1.30 - 4.30 pm

Venue: CITL Training Room 10.04

To participate, please register by filling in the EM01A Sign-Up form in LMS. Contact Ms Salimah at 8617618 for further queries.

CEI  
CENTRE FOR ENTREPRENEURSHIP AND INNOVATION  
C E I  
Endorsed for EP

## PABD kaji ledakan meteor didakwa bolide

### Dari muka 16

Analisis awal PABD menentukan anggaran lokasi letupan meteor yang berlaku di ruang udara Laut China Selatan, kira-kira 30 kilometer dari Bandar Seri Begawan, berhampiran Teluk Brunei dan Barat Daya Pulau Labuan. Berdasarkan sudut ketinggian, kedudukan bola api apabila letupan sangat berlaku dianggar kira-kira 35 kilometer tinggi di atas tanah.

Apabila meteor yang bergerak menembus atmosfera bumi pada kelajuan yang luar biasa, dengan ketinggian di bawah 60 kilometer dan meletup sebagai *bolide*, terdapat peluang yang tinggi bagi meteor tersebut mencetuskan ledakan bunyi yang kuat (*sonic boom*) yang boleh didengar oleh penduduk bumi.

Instrumen Pemetaan Kilat Geostationary (GLM) NASA berdasarkan satelit cuaca GOES telah mengesan bebola api yang

bergerak pada hala laju 14 km/s, iaitu kira-kira 40 kali kelajuan bunyi dengan impak tenaga radiasi di atmosfera bersamaan 720 tan TNT di atas Negara Brunei Darussalam.

Maklumat ini telah dilaporkan oleh Pusat Near-Earth Object Studies, Jet Propulsion Laboratory, California Institute of Technology dalam laman sesawangnya.

Dalam hal ini, Pertubuhan Meteor Antarabangsa (IMO) juga mengesahkan dan mengatalogkan insiden minggu lalu sebagai Acara 632-2021 di laman sesawang mereka.

Selain ledakan bunyi yang didengar oleh ratusan netizen melalui media sosial, terdapat 11 laporan yang disahkan mengenai peristiwa tersebut seperti daripada Daerah Belait, Daerah Brunei dan Muara dan Sabah pada Ahad, 31 Januari 2021 sekitar 03:02 UT atau 11.02 pagi waktu tempatan.

Walau bagaimanapun, status

trajektori dan impak meteor masih belum dikesan kerana data yang belum mencukupi.

IMO menganalisis maklumat meteor yang disediakan oleh saksi dalam talian yang boleh digabungkan dengan saksi lain untuk memberikan anggaran yang baik mengenai trajektori bebola api, bagi membantu menentukan sama ada berlakunya kejatuhan tanah dan juga berkemungkinan berlakunya meteoret.

Sejak tahun 2005, IMO menerima kira-kira 224,000 laporan bola api dari seluruh dunia, atau purata 15,000 laporan setiap tahun. Tidak banyak laporan mengenai bebola api yang berkaitan dengan meteoret dilaporkan.

PABD akan terus mengongsikan sebarang data ataupun maklumat daripada kajian tersebut kepada komuniti saintifik antarabangsa mahupun serantau untuk menjalankan penyelidikan lanjut mengenai meteor berkenaan.



# Sukarelawan Belia proaktif menyumbangkan bakti

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Jabatan Penerangan

**S**ETAKAT ini lebih dari 200 sukarelawan terlibat menjayakan pelbagai projek-projek kemasyarakatan yang melambangkan ketulusan dan keikhlasan mereka yang terus gigih berbakti menabur khidmat buat sekalian warga di negara ini.

Ini termasuk jugalah ketika saat pembukaan masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara sekitar Mei 2020 yang lalu di mana para sukarelawan ini turun ke lokasi yang diarahkan bagi membantu melancarkan

**PADA 11 Januari 2021 merupakan detik bersejarah Sukarelawan Belia bilamana ia merupakan genap 300 Hari Sukarelawan Belia memberikan khidmat bakti mereka kepada negara dengan merakamkan pelbagai detik suka dan duka, dari perjuangan kepada nilai persahabatan, dari pengorbanan kepada makna kekeluargaan, dari ketulusan kepada erti perpaduan.**



proses kehadiran jemaah dengan memastikan jemaah mematuhi prosedur dan arahan-arahan yang dikuatkuasakan.

Apa yang lebih membanggakan ialah setelah hampir lima bulan ia beroperasi di samping berperanan utama sebagai tangan bantuan Kementerian Kesihatan, jumlah sukarelawan berdaftar di bawah Sukarelawan Belia juga telah meningkat mencapai kira-kira 1,900 orang dan Sukarelawan Belia kini bergerak lebih proaktif menyumbangkan bakti ke serantau daerah di negara ini.

Tanggal 30 Oktober tahun lalu, genaplah 200 hari Sukarelawan Belia, yang melalui pelbagai liku-liku perjalanan yang berombak namun semangat kesukarelawanan masih bersemarak menjulang erti pengorbanan, pemelulian,

**SUKARELAWAN Belia telah meniti perjalanan kerjasama yang sungguh bernilai yang merupakan suatu gandingan bahu yang membawa erti perpaduan dan kebersatuhan melibatkan bukan sahaja agensi-agensi kerajaan, tetapi juga Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan.**

perpaduan dan juang yang tercorak adalah lahir dari rasa hati, jiwa dan nadi yang penuh ketulusan serta keikhlasan untuk terus mengorak langkah demi watan dan negara yang dikasihai.

Dalam pada itu Sukarelawan Belia tidak akan dapat bergerak tanpa adanya pengurusan yang bersistematis, justeru terbentuklah lapan bahagian unit utama Pusat Operasi Sukarelawan Belia yang melaksanakan operasi di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, iaitu 1. Pentadbiran dan Sekretariat; 2. Pusat Pengasingan Hotel; 3. Kemasyarakatan; 4. Sistem dan Pangkalan Data; 5. Pengurusan Tenaga Kerja; 6. Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); 7. Kewangan; dan 8. Logistik.

Setiap bahagian unit ini mempunyai peranan masing-masing membantu ke arah pelancaran pergerakan Sukarelawan Belia dan secara keseluruhannya melibatkan kira-kira 50 orang tenaga sukarelawan bagi bahagian operasi sahaja.

Namun, setelah lebih enam bulan para Sukarelawan Belia menjadi tangan

bantuan pihak Kementerian Kesihatan di pusat-pusat pengasingan hotel, akhirnya pada 29 September 2020 adalah hari terakhir para sukarelawan bertugas di pusat-pusat pengasingan berkenaan.

Berakhirnya sukarelawan bertugas di hotel bererti tamatlah juga peranan Pusat Operasi Bahagian Unit Pusat Pengasingan Hotel Sukarelawan Belia, walaupun khidmat mereka telah selesai, jasa bakti sumbangan mereka tetap mencoretkan satu catatan yang bermakna dan alhamdulillah sejak hari pertama pada 18 Mac 2020 hingga 29 September 2020, kira-kira sejumlah lebih daripada 500 sukarelawan telah bertugas dan sebanyak lebih 20,000 pelepasan (*deployment*) sukarelawan telah dilaksanakan.

Selain itu, setelah kejayaan mengumpulkan lebih 5,400 barang daripada buku-buku tulis, buku-buku teks, pelbagai buku cerita, beg-beg sekolah dan aneka peralatan tulis, semasa tiga hari pengajuran Kempen Derma Buku dan Alat Tulis di keempat-empat daerah pada 25 hingga 27 September 2020 lalu, alhamdulillah Sukarelawan Belia telah melaksanakan pengagihan hasil derma ke sekolah-sekolah empat daerah, yang bermula pada 14 hingga 28 Oktober 2020.

Pada 11 Januari 2021 merupakan detik bersejarah Sukarelawan Belia bilamana ia merupakan genap 300 Hari Sukarelawan Belia memberikan khidmat bakti mereka kepada negara dengan pelbagai detik suka dan duka, dari perjuangan kepada nilai persahabatan, dari pengorbanan kepada makna kekeluargaan, dari ketulusan kepada erti perpaduan.

Dan alhamdulillah, kini sejumlah lebih dari 2,500 nama telah berdaftar di bawah Sukarelawan Belia.

Sukarelawan Belia telah meniti perjalanan kerjasama yang sungguh bernilai yang merupakan suatu gandingan bahu yang membawa erti perpaduan dan kebersatuhan melibatkan bukan sahaja agensi-agensi kerajaan, tetapi juga Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan dan semoga sumbangan dan usaha bersama itu sentiasa mendapat keberkahan dan kerahmatan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

# COVID-19 : Dua kes jadikan angka kematian di Sarawak cecah 50



KUCHING, 7 Feb. - Sarawak mencatatkan dua kes kematian baharu akibat jangkitan COVID-19 hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian akibat virus berbahaya itu di bumi Kenyalang ini kini meningkat kepada 50 kes.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dalam satu kenyataan memaklumkan kes kematian ke-49 merupakan kes ke-4,527 melibatkan seorang lelaki warga tempatan berumur 92 tahun yang dimasukkan ke Hospital Sibu pada 30 Jan kerana mengalami kesukaran bernafas.

"Ujian saringan dibuat pada 31 Jan dan dikesan positif. Keadaan

kesihatan kes merosot dan telah meninggal dunia pada 6 Feb," menurutnya.

Kes kematian ke-50 pula merupakan kes ke-2,422 iaitu seorang wanita warga tempatan berumur 73 tahun yang dirujuk ke Hospital Sibu kerana dikesan positif COVID-19 melalui hasil saringan bergejala daripada sebuah pusat jagaan pada 19 Jan.

"Kes mengalami gejala demam bermula 17 Jan dan ujian saringan dibuat pada 18 Jan didapati positif pada 19 Jan. Keadaan kesihatan kes terus merosot dan telah meninggal dunia pada 6 Feb," menurut JPBN.

## COVID-19 : Thailand rekod 237 kes baharu, tiada kematian

BANGKOK, 7 Feb. - Thailand merekodkan 237 kes COVID-19 baharu, termasuk 202 kes di Samut Sakhon, wilayah yang mula mencatatkan jangkitan sejak bulan Disember lepas, menjadikan jangkitan keseluruhan di negara itu kini berjumlah 23,317 kes.

Dalam tempoh 24 jam lepas, tiada kematian akibat virus itu dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian kekal 79.

Penolong jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 Thailand (CCSA) Dr Pannapha Yongtrakul berkata daripada 237 kes baharu COVID-91, 225 merupakan jangkitan tempatan,

dan 12 adalah kes import.

Beliau berkata di Samut Sakhon, 202 kes baharu dilaporkan, dengan 107 kes dikesan menerusi pengesanan kes aktif dan 95 lagi dalam kalangan mereka yang mendapatkan rawatan di hospital.

Katanya 17 kes baharu direkodkan di Bangkok, lima di wilayah Tak, dan satu kes di Samut Songkhram.

"Dalam tempoh 24 jam lepas, sejumlah 668 kes dilaporkan sembah. Sehingga kini 6,350 pesakit masih menerima rawatan di hospital dan lain-lain kemudahan perubatan," katanya dalam taklimat harian di sini hari ini.

Sarawak hari ini merekodkan 219 kes positif COVID-19.

Sementara itu, JPBN memaklumkan Jabatan Imigresen Sarawak telah berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk warga asing dalam operasi Ops Serkap hari ini, selepas 19 warga Indonesia ditahan ketika mereka dalam perjalanan menuju ke Miri menggunakan bas awam.

"Semasa pemeriksaan dilakukan, kesemua warga Indonesia itu didapati bersembunyi di bawah kerusi dan di sebalik timbunan kotak. Dua warga tempatan juga ditahan dalam operasi ini kerana

diperdayai bersekongkol dalam penyeludupan warga asing ke Malaysia.

"Hasil risikan awal mendapat kesemua warga Indonesia yang ditahan telah masuk ke Sarawak melalui jalan hutan dari Lubok Antu dan kemasukan mereka dipercayai telah diuruskan oleh warga tempatan berkenaan," menurut

JPBN.

Kesemua warga Indonesia itu sedang disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Pasport 1966 manakala warganegara Malaysia itu di bawah Akta Antipemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran. - ©BERNAMA

## COVID-19 tidak lagi terbatas di rumah panjang, penduduk Sibu diarah ambil perhatian serius

SIBU, 7 Feb. - Penularan pandemik COVID-19 telah mencapai tahap membimbangkan di Sibu.

Malah, menurut Penyelaras Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Sibu, Dr Annuar Rapaei penularan COVID-19 berikutan kemunculan Kluster Pasai bulan lalu tidak lagi terbatas kepada 58 rumah panjang yang terjejas.

"Melihat jumlah kes baharu pada masa ini, 27 peratus adalah daripada kluster itu manakala 70 peratus lagi datang dari kawasan bandar," katanya hari ini.

Dr Annuar yang juga Menteri Muda Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak berkata demikian semasa ceramah yang disiarkan secara langsung di Facebook, dihoskan Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu, Clarence Ting Ing Horh.

Ketua Unit Penyakit Berjangkit Hospital Umum Sarawak (HUS) Dr Chua Hock Hin turut menyertai ceramah tersebut.

Dr Chua berkata penyebaran penyakit itu di bandar Sibu adalah nyata oleh itu semua orang perlu memainkan peranan untuk membendung penyebaran virus maut itu.

Beliau kecua kerana ramai yang tidak hairan untuk melakukan ujian calitan (swab test) apabila mereka mengalami simptom COVID-19 seperti demam ringan, hidung berair dan sakit tekak.

"Apabila mereka datang ke hospital, mereka umumnya sangat sakit dan telah melakukan kesilapan kerana mereka sudah menyebarkan penyakit ini kepada orang lain," katanya.

Justeru beliau menggesa orang ramai untuk menjalani ujian calitan sebaik sahaja mempunyai gejala agar dapat dirawat lebih awal.

"Sementara menunggu keputusan ujian swab, mereka tidak boleh bergaul dengan orang lain untuk mengelakkan mereka daripada menyebarkan penyakit," katanya.

Dr Chua menegaskan orang ramai perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dikuatkuasakan di Sibu dan mengikuti dengan ketat Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk memerangi penularan penyakit itu.

"Lakukannya bukan hanya untuk diri sendiri tetapi untuk ibu bapa, anak-anak dan pasangan anda," tegasnya.

Ceramah itu yang mendapat lebih 200 tontonan, diadakan ketika masyarakat Cina sibuk membuat persiapan untuk sambutan Tahun Baharu yang diraikan pada 12 Feb.

Ting yang bimbang dengan trend peningkatan kes COVID-19 di Sibu telah meminta masyarakat untuk membatalkan perjumpaan keluarga pada tahun ini.

Sehingga semalam, Sibu mencatatkan 101 kes positif COVID-19 iaitu 32 kes adalah dari Kluster Pasai, 30 daripada pengesanan kes aktif, lima daripada saringan gejala, manakala 34 daripada ujian swab yang dilakukan di kemudahan kesihatan di Sibu.

"Selepas Tahun Baharu Cina mungkin terdapat 200 kes baharu setiap hari," kata Ting, sambil menambah bahawa beliau khairat selepas mengetahui 45 pekerja kesihatan telah dijangkiti.

Beliau berkata semua orang mesti mengambil tanggungjawab peribadi untuk memerangi virus maut itu.

"Kes di bandar lain juga meningkat tetapi tidak seperti di Sibu. Ia tidak akan hilang jika kita tidak mengambil tanggungjawab peribadi untuk mencegahnya," tegas beliau. - ©BERNAMA

## Kerajaan digesa laksana sistem indemniti tingkatkan keyakinan program vaksinasi

KUALA LUMPUR, 7 Feb. - Kerajaan perlu memberi keutamaan untuk mewujudkan sistem indemniti atau ganti rugi bagi membantu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap program imunisasi COVID-19 negara, kata Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat Tan Sri Lee Lam Thye.

Katanya, sistem indemniti itu boleh diperkenalkan dalam bentuk Program Bantuan Kewangan Kecederaan Vaksin.

"Sistem sebegini akan meningkatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap keselamatan vaksin, yang merupakan langkah

yang perlu untuk meyakinkan mereka yang telah dipengaruhi oleh laporan negatif dalam media sosial.

"Ia juga penting untuk memastikan ketelusan dalam perolehan ubat-ubatan yang juga mesti berasaskan bukti... dan untuk memastikan manfaat maksimum terakru daripada proses imunisasi, mesti ada sistem yang disediakan untuk memastikan ketelusan dan mengelakkan pembaziran," katanya dalam kenyataan hari ini.

Lee berkata Agensi Pengawalseliaan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA) mempunyai peranan penting untuk dimainkan,

iaitu ia mesti berdikari dan bebas membuat keputusan terbaik untuk rakyat dan negara.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan akan memulakan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada akhir bulan ini, dengan 80 peratus penduduk negara ini atau kira-kira 26.5 juta orang akan menerima vaksin secara percuma.

Program imunisasi ini akan dijalankan dalam tiga fasa yang pertama melibatkan kira-kira 500,000 petugas barisan hadapan perubatan dan bukan perubatan. - ©BERNAMA

## Petronas pastikan keselamatan pekerja kontraktor di Pelantar Minyak Yetagun, Myanmar

KUALA LUMPUR, 7 Feb. - Petronas mengambil segala langkah yang diperlukan bagi memastikan keselamatan 155 pekerja kontraktornya di atas barj menuju pelantar minyak Yetagun, di perairan Myanmar.

Petronas dalam satu kenyataan hari ini, memberi jaminan ia masih berhubung dengan pasukan itu dan bekerjasama rapat dengan kontraktor bagi memastikan kesejahteraan pekerja berkenaan terjaga, selain memastikan

bekalan berterusan untuk barang keperluan termasuk makanan, air minuman dan bahan api.

"Tiga puluh enam lagi pekerja di bawah kontraktor dan dua pekerja Petronas sudah dihantar ke hotel berhampiran untuk mereka berasih di darat dan memulihkan tenaga sementara menjalani keperluan kuarantine COVID-19," katanya.

Syarikat minyak dan gas itu berkata ia bekerja rapat dengan

kontraktor, Kedutaan Malaysia di Myanmar, Wisma Putra dan semua pihak berkuasa berkaitan dalam menguruskan perkara ini.

"Keselamatan dan kebajikan kontraktor kami dan keluarga mereka adalah keutamaan kami," katanya.

Syarikat itu berkata demikian untuk mengulas laporan berita mendakwa pekerja berkenaan terkandas di pelantar minyak itu berikutan rampasan kuasa tentera di Myanmar. - ©BERNAMA

## Gempa bumi kuat 6.1 skala richter gegar Mindanao, Filipina

KUALA LUMPUR, 7 Feb. - Gempa bumi kuat berukuran 6.1 pada skala Richter melanda Mindanao, Filipina tengah hari ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), gempa bumi pada pukul 12.22 tengah hari itu, dikesan pada kedudukan 16 kilometer (km) barat dari Digos City, Filipina pada kedalaman 24 km.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA



# COVID-19 : Singapura kesan kes pertama kebolehjangkitan semula

**SINGAPURA**, 7 Feb. - Singapura telah mengesan kes pertama kemungkinan kebolehjangkitan semula COVID-19 yang melibatkan pekerja migran di sebuah asrama, demikian menurut Kementerian Kesihatan (MOH)

republik itu. Walaupun kebolehjangkitan semula jarang berlaku, namun kementerian setelah mendapat nasihat pakar dan menilai bukti klinikal dan makmal yang "menunjukkan bahawa ia adalah kes kemungkinan

kebolehjangkitan semula".

Tambahan, melalui hasil ujian reaksi polimerase berantai (PCR) yang positif, kementerian memaklumkan terdapat peningkatan yang nyata dalam titer antibodi berbanding tempoh sebelum kebolehjangkitan dan "mengesyaki pesakit terdedah kepada jangkitan baharu yang meningkatkan tahap antibodinya".

"Virus yang dikesan di dalam sampel yang diambil pada Januari 2021 juga berbeza secara genetik dengan (virus) yang ada kaitan dengan wabak di asrama pada 2020, menunjukkan bahawa jangkitan ini berkemungkinan berbeza dan baharu," menurut kementerian itu dalam satu kenyataan pada Sabtu malam.

Panel pakar terdiri daripada pakar penyakit berjangkit dan mikrobiologi dari Pusat Nasional bagi Penyakit Berjangkit (NCID), Hospital Besar Singapura dan

Makmal Kesihatan Awam Nasional.

Menurut MOH, pihaknya akan terus memantau kes COVID-19 yang dapat dipulihkan untuk menentukan pasca imun jangkitan pesakit.

"Setakat ini, tiada petunjuk bahawa pekerja yang telah pulih di asrama berkenaan mengalami kehilangan pasca imun jangkitan yang signifikan," katanya.

Kementerian memaklumkan, pekerja berkenaan yang sebelum ini dilabelkan sebagai kes 2513, dikenal pasti daripada pemeriksaan pemantauan berjadual yang dijalankan sebagai sebahagian daripada pengawasan terhadap pekerja yang telah pulih bagi memantau pasca keimunan jangkitan mereka.

MOH memaklumkan kes membabitkan lelaki warga Bangladesh berusia 28 tahun yang mempunyai permit kerja yang

tinggal di asrama, di 43 Tech Park Crescent.

Beliau disahkan menghidap jangkitan COVID-19 pada 12 April 2020 dan kemudian pulih dan secara konsisten diuji negatif untuk jangkitan COVID-19 sejak Jun 2020.

Bagaimanapun, pada 25 Jan lepas, hasil ujian jangkitan COVID-19 adalah positif dan belum telah diasingkan.

"Banyak ujian berulang yang dilakukan juga didapati positif terhadap jangkitan COVID-19," menurut kementerian itu.

MOH juga memaklumkan pekerja itu yang kini ditempatkan di NCID, telah dilaporkan tidak sihat pada 22 dan 23 Jan, namun, tidak mengalami gejala.

Setakat ini, semua kontak rapat kes berkenaan yang dikenal pasti telah diuji negatif COVID-19 dan telah diasingkan serta dikuarantin. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Dua rakyat Malaysia antara 26 kes import baharu di Singapura

**SINGAPURA**, 7 Feb. - Dua rakyat Malaysia adalah antara 26 kes import baharu COVID-19 yang dilaporkan di Singapura pada Sabtu, demikian menurut Kementerian Kesihatan republik itu.

Menurut data penuh yang dikeluarkan kementerian itu di sini lewat malam tadi, kes tersebut masing-masing membabitkan seorang lelaki berusia 38 tahun dan wanita berusia 35 tahun, adalah pemegang permit kerja yang tiba dari Malaysia.

Setakat tengah hari Sabtu, tiada kes baharu jangkitan tempatan dilaporkan di sini dan semua kes adalah diimport, sekali gus menjadikan keseluruhan kes 59,675.

Daripada 26 kes baharu yang diimport itu, 25 adalah tanpa gejala manakala satu-satunya kes bergejala membabitkan wanita rakyat Malaysia.

Kes import lain adalah dari Bangladesh, Gabon, India, Indonesia, Jerman, Myanmar, Filipina, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Seorang lelaki rakyat Singapura berusia 39 tahun yang pulang dari Malaysia juga merupakan antara kes import tanpa gejala di sini.

Setakat ini, terdapat tiga kluster di Singapura. - ©BERNAMA

## AS disaran bertindak sehaluan dengan China

**BEIJING**, 7 Feb. - Amerika Syarikat (AS) diharap bertindak sehaluan dengan China bagi memastikan perkembangan hubungan dua hala yang sihat serta stabil berdasarkan prinsip hormat-menghormati dan tanpa konfrontasi untuk manfaat bersama.

Harapan itu disuarakan Pengarah Pejabat Suruhanjaya Hal Ehwal Luar Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China, Yang Jiechi ketika perbualan telefon dengan Setiausaha Negara AS, Antony Blinken pada Sabtu.

Di samping itu AS juga digesa memainkan peranan konstruktif dalam memelihara kedamaian dan kestabilan di rantau Asia Pasifik.

Beliau turut mengulangi pendirian China mengenai situasi semasa Myanmar, dan menegaskan perlunya masyarakat antarabangsa menyediakan persekitaran luaran yang baik untuk penyelesaian masalah berkenaan.

Sementara itu Antony Blinken berkata hubungan AS-China amat signifikan bagi kedua-dua negara, bahkan dunia.

AS bersedia memperluaskan hubungan yang mampan dan bersifat membina dengan China.

Beliau turut menegaskan bahawa AS akan terus berpegang pada prinsip satu China. - ©BERNAMA

## Gempa bumi sederhana 5.7 skala richter gegar rantau Taiwan

**KUALA LUMPUR**, 7 Feb. - Gempa bumi sederhana berukuran 5.7 pada skala Richter melanda rantau Taiwan awal pagi ini.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), gempa bumi yang berlaku pada pukul 1.36 pagi itu, berpusat di 115 kilometer (km) Tenggara dari Keelung, Taiwan pada kedalaman 92 km.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami kepada Malaysia. - ©BERNAMA

**KUALA LUMPUR**, 6 Feb. - Ukraine dan Malaysia mempunyai potensi besar untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang penyelidikan Antartika, kata Duta Ukraine ke Malaysia, Olexander Nechytaylo.

Katanya, tahun ini, Ukraine menyambut ulang tahun ke-25 stesen penyelidikan Antartika.

"Ukraine antara 30 negara yang memiliki stesen penyelidikan antartika yang beroperasi sepanjang tahun dan bersedia untuk bekerjasama dengan negara lain, terutama negara yang tidak mempunyai pangkalan atau kemudahan sendiri di benua itu," katanya dalam wawancara eksklusif dengan Bernama, baru-baru ini.

Meskipun saintis Ukraine memainkan peranan penting

dalam usaha penyelidikan Soviet, Ukraine tidak memiliki satu daripada 12 stesen Antartika Soviet berikutnya perpecahan USSR.

Katanya, United Kingdom menyerahterakan pusat penyelidikan terbaiknya, Faraday sebagai mengiktiraf potensi dan kemampuan saintis Ukraine.

"Ukraine kemudian mengambil alih operasi pusat itu pada 6 Februari 1996 menyaksikan bendera Ukraine berkibar di stesen itu dan dikenali stesen penyelidikan Vernadsky.

"Diharapkan tahun ini kita akan dapat menandatangani Memorandum Persefahaman untuk bekerjasama dengan Malaysia (dalam bidang penyelidikan Antartika)," katanya.

Mengulas lanjut, Nechytaylo berkata Malaysia telah

melancarkan pusat penyelidikan Antartika melalui penubuhan Yaysan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di bawah naungan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Beliau berkata tahun lalu, wakil YPASM dijadualkan mengunjungi Ukraine tetapi ditangguhkan disebabkan wabak COVID-19.

Menurut Nechytaylo, kerjasama bukan sekadar mampu merintis lebih banyak usaha penyelidikan di Antartika itu sendiri tetapi juga memberi peluang saintis untuk meneroka isu dan cabaran global.

Vernadsky dipilih bersemesta nama Presiden pertama Akademi Sains Ukraine, Dr Volodymyr Vernadsky, terletak di Pulau Galindez stesen itu dikendalikan 12 pegawai. - ©BERNAMA

## Motac teliti gelembung perjalanan dengan negara jiran, Asia Pasifik

**PUTRAJAYA**, 6 Feb. - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengenal pasti beberapa negara, antaranya Brunei, Singapura, Thailand serta Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand, sebagai negara berpotensi untuk dibabitkan dalam gelembung perjalanan dengan Malaysia.

Sehubungan itu, Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata pihaknya mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Luar Negeri bagi meneliti potensi tersebut.

Beliau berkata negara-negara berkenaan dikenal pasti sebagai selamat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

"Pelaksanaan ini bagaimanapun tertakluk kepada perbincangan dua hala dan pertimbangan mengenai aspek kesihatan, imigrasi, pengesahan data dan

pemantauan berterusan oleh agensi yang berkaitan bagi kedua-dua negara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain itu, beliau berkata sebagai Pengerusi Suruhanjaya bagi Rantau Asia Timur & Pasifik dalam Jawatankuasa Krisis Pelancongan Global, Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bersatu (UNWTO), Malaysia turut menyuarakan cadangan ketelusan dan penyeragaman prosedur operasi standard merentas sempadan oleh negara-negara yang selamat, bagi memudahkan perjalanan dengan mengambil kira pandangan agensi-agensi kesihatan negara terlibat.

Sementara itu, Nancy berterima kasih kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin atas kejayaan beliau mendapatkan kesepakatan Indonesia dalam membenarkan Gelembung

Perjalanan Laluan Hijau Timbal Balik/ Aturan Koridor Perjalanan (RGL/TCA).

"Alhamdulillah, ini merupakan berita baik dan ditunggu-tunggu MOTAC," katanya.

Nancy berkata inisiatif itu merupakan antara pelan pemulihan pelancongan dan kebudayaan MOTAC yang dirangka sejak Julai tahun lalu sebagai langkah merancakkan semula industri pelancongan dan kebudayaan negara.

Semalam, Muhyiddin mengadakan pertemuan dengan Presiden Indonesia Joko Widodo (Jokowi) dan antara isu yang dibangkitkan dalam pertemuan empat mata itu ialah pelaburan dan perdagangan, pelaksanaan RGL, diskriminasi minyak sawit dan kerjasama dalam menangani COVID-19 serta pergolakan politik semasa di Myanmar. - ©BERNAMA

# Kitar semula barang elektrik, elektronik demi alam sekitar dan kesihatan

**KUALA LUMPUR**, 6 Feb. - Meskipun masyarakat semakin membuka mata akan kepentingan mengitar semula sisa pepejal seperti kertas dan plastik, namun masih ramai mengambil ringan mengenai pelupusan sisa barang elektrik dan elektronik (e-sisa) yang boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan dan alam sekitar.

Inovasi teknologi terutamanya telefon bimbit berkembang dengan pantas dan ini secara langsung meningkatkan penjanaan e-sisa untuk dilupuskan, malah kajian oleh Japan International Cooperation Agency pada 2015 menganggarkan, penjanaan e-sisa isi rumah di Malaysia bakal mencecah 24.5 juta unit menjelang 2025.

Atas kesedaran tersebut, Jabatan Alam Sekitar (JAS) menyasarkan mengumpul 100 tan metrik sisa e-sisa daripada isi rumah sepanjang tahun ini, menerusi kempen Hari Pengumpulan E-Waste yang akan dilaksanakan pada Sabtu minggu terakhir setiap bulan, untuk dilupuskan dengan

kaedah mesra alam atau environmentally sound management (ESM).

Ketua Pengarahnya Norlin Jaafar berkata menerusi kempen yang akan dilancarkan hujung bulan ini, orang ramai boleh menghantar barang elektrik dan elektronik yang tidak boleh digunakan lagi termasuk telefon bimbit, penyaman udara, mesin basuh dan peti ais, ke 123 pusat pengumpulan dan 21 kemudahan pemerolehan kembali yang berdaftar dengan jabatan tersebut di seluruh negara.

"Namun, memandangkan sekarang ini Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami sarankan orang ramai kumpulkan dulu barang di rumah. Pusat pengumpulan juga ada menyediakan insentif seperti baucar diskain pembelian barang elektrik," katanya kepada Bernama.

Norlin berkata pengurusan e-sisa secara mesra alam dapat membantu kerajaan mengurangkan beban pelupusan e-sisa sebanyak RM60 juta setahun

dan kos kitar semula RM22.8 juta setahun, selain mampu mengurangkan beban pelupusan e-sisa di tapak pelupusan sisa pepejal berjumlah 56,000 tan setahun.

"Dalam e-sisa, masih terdapat logam berharga yang boleh diperoleh kembali dan dapat diguna semula bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber alam yang masih perlu dilombong," katanya.

Norlin berkata, peranan masyarakat penting dalam menjayakan matlamat itu, memandangkan sisa tersebut mengandungi logam berat yang berbahaya kepada kesihatan manusia, antaranya merosakkan sistem saraf pusat, sistem saraf periferi, sistem darah dan buah pinggang, serta membantunkan tumbesaran otak kanak-kanak, sekiranya tidak dilupuskan dengan kaedah yang betul.

Beliau berkata e-sisa yang tidak dilupuskan dengan mesra alam misalnya dibakar, berpotensi mengeluarkan gas berbahaya seperti dioksin dan furan, kerana

barang tersebut mengandungi bahan toksik dan logam berat berbahaya seperti plumbum, raksa, merkuri serta arsenik, yang boleh menjadikan sistem imunisasi badan dan organ dalamannya sekiranya terhadu.

Tambahnya pelupusan e-sisa di tapak pelupusan sisa pepejal, akan menyumbang kepada pencemaran air permukaan dan air tanah, berpunca daripada logam berat yang mlarut resap ke dalam tanah, sekali gus menyebabkan gangguan bekalan air berterusan sekiranya tidak dibendung.

Kandungan refrigerant (bahan penyejuk) dalam e-sisa peti ais dan penyaman udara pula, boleh menyebabkan penipisan lapisan ozon sekiranya tidak dilupus dengan baik.

Menjelas lanjut, Norlin berkata JAS dengan bantuan teknikal dari Jepun juga telah membangunkan



satu mekanisma pengurusan e-sisa daripada isi rumah, yang mengetengahkan konsep Extended Producer's Responsibility (EPR), yang mana pihak pengeluar perlu bertanggungjawab memastikan pengurusan e-sisa mesra alam selepas tamat jangka hayat produk, seperti yang dilaksana kebanyakan negara maju.

"Kalau dulu pengeluar hanya jual produk dan bagaimana cara nak lupuskan produk itu hanya bergantung kepada pengguna. Kita juga telah mengadakan sesi libat urus bersama pengeluar, pengedar dan semua pihak berkepentingan, bagi mendapatkan kaedah terbaik dalam mencapai situasi menang-menang," katanya. - ©BERNAMA

## Dasar makro China jamin kemampunan ekonomi

**BEIJING**, 6 Feb. - Kerajaan China mengamalkan dasar makro yang efektif untuk menangani impak pandemik COVID-19 dan kemerosotan ekonomi sejagat, kata Perdana Menteri China, Li Keqiang.

Beliau berkata demikian pada dialog peringkat tinggi bersama wakil usahawan Eropah yang diadakan secara maya pada petang Jumaat.

Dasar berkenaan berjaya memulihkan ekonomi, sehingga merealisasikan pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus pada tahun lepas.

Sementara itu, kerajaan juga mengambil pelbagai inisiatif bagi membantu syarikat mengatasi kesulitan semasa, antaranya melalui pendekatan penurunan cukai dan kos operasi bagi meringankan beban syarikat, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

Katanya kerajaan China juga telah memperbaik iklim perniagaan dan mendinamikkan pasaran, selain mempermudah prosedur pendaftaran syarikat serta menjamin persaingan yang adil. - ©BERNAMA

## Negara lain perlu turut cari punca COVID-19 : Pakar China

**BEIJING**, 6 Feb. - Siasatan lanjut untuk mengesan punca COVID-19 harus diteruskan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di negara-negara lain, kata pakar perubatan China.

Pakar berkenaan berkata selain menjadikan Wuhan persinggahan pertama untuk memulakan misi menyiasat asal usul wabak itu, siasatan dan penyelidikan rapi juga perlu dilakukan di lokasi lain.

Mengulas kehadiran misi pasukan pakar WHO di Wuhan, jurucakap Kementerian Luar, Wang Wenbin menyatakan, sikap proaktif, saintifik dan kerjasama perlu ada pada setiap negara bagi membolehkan pakar WHO menjalankan siasatan.

Mengenai asal usul virus, Wang menyifatkannya sebagai satu persoalan saintifik yang rumit membabitkan banyak negara dan lokasi. Tegasnya, Beijing sentiasa bersikap terbuka dan telus dalam mengendalikan perkara tersebut, di samping mengekalkan komunikasi dengan WHO. "Kehadiran pakar WHO di Wuhan kali ini merupakan antara komponen kaji selidik peringkat global mengenai siasatan asal usul virus COVID-19.

"Kemunculan kes jangkitan dan penularan wabak di beberapa tempat di dunia sejak pertengahan kedua tahun 2019, mencuri perhatian media antarabangsa. Ini memperlihatkan betapa mustahaknya kajian perlu dilakukan di tempat lain," ujarnya dalam sidang media di Beijing pada Jumaat.

Beliau mencadangkan negara lain turut mempelawa pakar WHO untuk menjalankan siasatan, demi menyumbang kepada usaha sama memerangi wabak di peringkat global serta visi membentuk komuniti berkongsi nasib dalam kesihatan. - ©BERNAMA

## Dasar luar Uzbekistan di bawah Presiden Mirziyoyev tumpukan pengukuhan pragmatik ekonomi

**KUALA LUMPUR**, 5 Feb. - Model baharu dasar luar Uzbekistan di bawah Presiden Shavkat Mirziyoyev meletakkan asasnya kepada keutamaan pembangunan dalam, menunjukkan peralihan negara yang jelas ke arah kerjasama ekonomi antarabangsa dan pengukuhan pragmatik ekonomi dalam hubungan luar.

Kedutaan Uzbekistan di Malaysia, dalam satu kenyataan berkata berikutnya penggunaan pendekatan ini secara aktif, kecekapan kerja meningkat dengan ketara hingga menarik pelaburan asing dan teknologi baharu, meningkatkan aliran pelancong, serta melonjakkan eksport produk negara ke pasaran dunia.

"Dalam tempoh empat tahun terakhir, purata kadar pertumbuhan pelaburan tahunan adalah 22 peratus. Jumlah pelaburan asing mencapai US\$26.6 bilion, termasuk pelaburan langsung asing US\$17.5 bilion," katanya.

Sebagai perbandingan, jumlah pelaburan negara tersebut dicatatkan antara 2007 dan 2017.

Menurut kenyataan itu, jumlah

pelaburan sepanjang empat tahun terakhir meningkat lebih 2.1 kali ganda, termasuk pelaburan asing sebanyak 2.7 kali ganda.

"Jumlah pelaburan dalam keluaran dalam negara kasar (KDNK) 2019 melebihi 38 peratus buat julung kalinya, mewujudkan asas kukuh untuk memastikan pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun akan datang," katanya, sambil menambah KDNK Uzbekistan pada 2019 meningkat sebanyak 5.6 peratus.

Kenyataan itu mengatakan Mirziyoyev memainkan peranan utama kepada enam ciri khas model baharu dasar luar berkenaan. Sejak kemerdekaan Uzbekistan pada 1991, Mirziyoyev menjadi presiden kedua yang dilantik pada 2016 selepas kematian presiden Islam Karimov.

Mirziyoyev, dalam ucapannya kepada Majlis Oly (Parlimen) dan rakyat Uzbekistan pada 29 Dis 2020, menyatakan perlunya memperbaiki strategi dasar luar negara dan mengguna pakai konsep terkini di wilayah ini.

Beliau juga menekankan

pentingnya memastikan konsistensi dasar luar Uzbekistan yang terbuka, proaktif dan konstruktif.

Menurut kenyataan itu, permintaan untuk konseptual dasar luar adalah disebabkan peningkatan transformasi Uzbekistan yang tinggi, dan peralihan ke tahap baharu dalam membentuk undang-undang demokratik dengan ekonomi pasaran yang maju.

"Tidak keterlalu jika dikatakan bahawa asas era baru Renaissance sedang diletakkan di negara ini, yang memerlukan pendekatan baharu secara kualitatif dalam dasar luar," katanya.

Kenyataan itu berkata model dasar luar baharu bertujuan mempercepat pembentukan persekitaran luar yang menguntungkan untuk pembangunan mampan dalam negara, promosi kepentingan negara yang berkesan di arena antarabangsa, dan peningkatan daya saing ekonomi secara progresif di pasaran dunia. - ©BERNAMA

## COVID-19 : Thailand laksana strategi khas kawal penularan di kilang

**BANGKOK**, 6 Feb. - Thailand melaksanakan strategi khas bagi mengekang penyebaran virus COVID-19 di kilang-kilang di Samut Sakhon, pusat penularan terkini pandemik itu negara berkenaan.

Timbalan jurucakap Kementerian Luar Negeri Natapanu Nopakun berkata bagi kilang-kilang yang menyediakan tempat tinggal kepada pekerja, kaedah "menutup kawasan" akan digunakan dan pekerja tidak dibenarkan meninggalkan kawasan kilang.

"Strategi 'tutup dan gelembung' ini diharapkan dapat membantu mengawal jangkitan tempatan dalam 28 hari," katanya pada taklimat harian COVID-19 di sini hari ini. Selain itu, Natapanu

berkata pegawai Kesihatan Awam akan meningkatkan pengesanan kes aktif di Samut Sakhon.

Beliau berkata setakat ini, terdapat lebih 140,000 pekerja di 845 kilang di Samut Sakhon telah menjalani ujian COVID-19. Samut Sakhon, wilayah selatan Bangkok menjadi pusat penularan semasa pandemik itu yang bermula pada pertengahan Disember dengan mencatatkan 18,897 kes dan 19 kematian.

Dalam tempoh 24 jam lepas, Thailand merekodkan 490 kes baharu COVID-19, tanpa sebarang

kematian, yang menjadikan jumlah keseluruhan kes positif di negara itu kepada 23,134 dengan 79 kematian.

Penolong jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA) Dr Panprapa Yongtrakul berkata daripada 490 kes baharu itu, 412 kes dikesan melalui pengesanan kes aktif dengan 410 di Samut Sakhon manakala masing-masing satu kes di Samut Songkhram dan Samut Prakan.

Beliau berkata 67 kes baharu merupakan mereka yang mendapatkan rawatan di hospital dan 11 lagi kes import, termasuk satu yang masuk secara haram.

"Selepas gelombang baharu COVID-19 di Thailand sejak pertengahan Disember tahun lepas, 14 wilayah masih bebas daripada COVID-19 manakala 47 wilayah tidak melaporkan kes baharu sekurang-kurangnya tujuh hari," katanya. - ©BERNAMA

# Sukan

## INFO SUKAN

BOLA baling merupakan gabungan daripada beberapa kemahiran asas bola jaring, bola keranjang dan bola sepak. Permainan ini mulai mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai satu permainan yang diminati. Dari segi populariti, bola baling sudah menjadi permainan yang setanding dengan permainan-permainan lain.



ePaper Pelita Brunei

## Erat silaturahim dengan badminton

Siaran Akhbar dan Foto : Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 6 Februari. - Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi) menganjurkan Pertandingan Badminton Persahabatan, baru-baru ini di Peak Performance sebagai salah satu daripada komitmen syarikat berkenaan bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan positif melalui aktiviti kerja dalam perkumpulan.

Pertandingan tersebut bermula pada 31 Januari 2021, di mana pusingan akhir diadakan pada 5 Februari 2021 yang lalu.

Pertandingan tersebut menyaksikan 79 kakitangan dan pengurusan Hengyi bertanding dalam tiga kategori, iaitu Perseorangan Lelaki, Lelaki Beregu dan Beregu Campuran.

Pada akhir acara, Timbalan Pengurus Besar Hengyi, Xu Ye menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan, iaitu Chung Ming Fang, Awangku Md. Amirul Izzat, Awangku Md. Lufti Hidayatullah, Md. Syamil Fajrin dan Haji Mohd. Zaini yang menang dalam kategori masing-masing.

Hengyi merancang untuk mengadakan lebih banyak aktiviti sukan dan rekreasi yang dikhushuskan untuk mendorong kakitangan membina ikatan dan persahabatan yang kuat di antara satu dengan yang lain.

**TIMBALAN** Pengurus Besar Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. semasa bergambar ramai bersama para pemenang dalam kejohanan tersebut (kanan). Manakala gambar kanan, atas, antara aksi dalam pertandingan tersebut.



## AFC beri tempoh buat keputusan sehingga 15 Feb

**KUALA LUMPUR**, 7 Feb. - Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) memberikan sehingga 15 Feb ini untuk semua pasukan memuktamadkan pendirian berhubung jadual baki perlawanan Kumpulan G pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023.

Tarikh akhir itu juga ditetapkan AFC kepada semua 40 pasukan bertanding melibatkan lapan kumpulan dalam menentukan sama ada ingin meneruskan saingan pada jendela perlawanan antarabangsa Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) Mac ini atau menunda ke Jun.

Setiausaha Agung AFC Datuk Windsor Paul John berkata tempoh masa itu diberi memandangkan proses membuat keputusan di setiap negara berlainan dan dipengaruhi pelbagai faktor berbeza.

"Hanya selepas mereka tidak dapat membuat keputusan selepas 15 Feb baru kami (AFC) masuk campur, sebelum itu kami beri peluang dan tarikh tutup supaya mereka boleh buat perbincangan dalam melalui proses tertentu.

"Jun tarikh (akhir) muktamad dan ditetapkan FIFA untuk habiskan pusingan kedua dan tarikh pada September digunakan untuk pusingan ketiga. Kami perlu habiskannya pada April 2022," katanya kepada Bernama, hari ini.

Windsor berkata setakat ini tiada keputusan mengenai venue perlawanan sekiranya saingan ditunda ke Jun, namun AFC bersedia membantu setiap kumpulan dalam

memilih negara sebagai tuan rumah bagi perlawanan yang bakal dijalankan secara karnival itu.

"Tetapi buat masa ni bukan masa untuk memilih venue untuk perlawanan berpusat, buat masa ini adalah putuskan boleh main atau tidak. Kalau masing-masing tumpu kepada nak jadi tuan rumah, langkah pertama itu susah hendak dicapai," jelas beliau.

Bernama sebelum ini melaporkan Malaysia, Thailand dan Indonesia menyatakan persetujuan supaya saingan itu ditangguh untuk dijalankan secara karnival di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Menurut Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Datuk Mohd Yusoff Mahadi, Vietnam selaku pendahulu Kumpulan G merupakan satu-satunya pasukan yang belum memberikan kata putus.

"Situasi selepas 15 Feb kami (AFC) akan bertanya kepada pasukan yang tidak memberikan keputusan akadem masih ingin bermain seperti dijadualkan. Jika ya, kami akan minta maklumat berhubung lokasi perlawanan dan sebagainya.

"Dan kami juga akan berhubung dengan pasukan lawan sama ada mereka boleh bermain atau tidak," kata Windsor.

Mengikut jadual asal, Malaysia akan menentang UAE di Dubai pada 25 Mac sebelum melayan kunjungan Vietnam pada 30 Mac, namun timbul cadangan perubahan jadual kelayakan itu dengan beberapa pasukan bersetuju jika ia dijalankan secara karnival pada Jun. - ©BERNAMA

## Olimpik musim sejuk Beijing, IOC puas hati dengan persiapan China

**BEIJING**, 7 Feb. - China sudah bersiap sedia menyambut kedatangan atlet dari seluruh dunia yang akan menyertai Sukan Olimpik Musim Sejuk 2022.

Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), Thomas Bach berkata demikian dalam perutusan tahniahnya kepada Presiden Kumpulan Media China (CMG), Shen Haixiong, sempena pengiraan detik setahun menjelang temasya sukan itu.

"Pelbagai kerja persiapan dari segi teknikal yang dilakukan China amat memuaskan. Biarpun berdepan cabaran ekoran penularan COVID-19, kami (IOC) yakin China sudah bersiap sedia," katanya.

Sementara itu Bach berkata ketika perbualan telefon dengan Presiden Xi Jinping, selepas meninjau gelanggang dan stadium baru-baru ini, Presiden China itu menyuarakan keyakinannya penganjuran Olimpik 2022 akan berlangsung dengan jayanya, di samping menegaskan sokongan terhadap temasya berprestij itu.

Mengulas mengenai persiapan Sukan Olimpik Tokyo pula, menurut Bach dengan usaha bersama pelbagai pihak, temasya itu diyakini dapat dirasmikan pada 23 Julai nanti, disusuli Sukan Paralimpik pada 24 Ogos.

Katanya, tiada alasan untuk meragui perkara itu dan persoalannya sekarang adalah bagaimana menganjurkan temasya tersebut.

Beliau turut memberikan penghargaan terhadap sokongan masyarakat antarabangsa kepada kedua-dua sukan Olimpik tersebut. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

SEDEKAH MENGUNDANG RAHMAT ALLAH DAN ANTARA SEBAB ALLAH BUKAKAN PINTU REZEKI

دربیتکن اوله جابتني فراغن، جابتني فردان منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam